



PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 5355]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1981—

Jawatankuasa (Hari Ketiga)—

Jadual:

Maksud B. 1 hingga B. 16 [Ruangan 5388]

Maksud B. 17 hingga B. 23 [Ruangan 5407]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1981—

Jawatankuasa (Hari Ketiga)—

Maksud P. 8, P. 9 dan P. 10 [Ruangan 5388]

Maksud P. 17, P. 19, P. 20, P. 21 dan P. 22 [Ruangan 5407]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat** Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.**
- Yang Amat Berhormat** Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, **DATO' HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).**
- ” Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.J., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).**
- Yang Berhormat** Menteri Pengangkutan, **DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).**
- ” Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).**
- ” Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, **TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).**
- ” Menteri Kebajikan Am, **DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).**
- ” Menteri Wilayah Persekutuan, **DATO AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).**
- ” Menteri Luar Negeri, **Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).**
- ” Menteri Pelajaran, **DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).**
- ” Menteri Kewangan, **Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).**
- ” Menteri Kesihatan, **TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**
- ” Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).**
- ” Menteri Penerangan, **DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).**
- ” Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, **DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).**
- ” Menteri Perusahaan Utama, **DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).**
- ” Menteri Pertanian, **DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).**
- ” Menteri Tenaga Telekom dan Pos, **DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).**
- ” Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., D.P.M.J. (Muar).**

- Yang Berhormat** Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungei Siput).
- ” Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- ” Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- ” Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO' MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- ” Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- ” Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- ” Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- ” Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- ” Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- ” Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- ” Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- ” Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.J.K. (Besut).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- ” Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN SANUSI BIN JUNID, S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- ” Timbalan Menteri Kewangan, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- ” Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- ” Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- ” Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- ” Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).
- ” Timbalan Menteri Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., D.S.I.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- ” Timbalan Menteri Kewangan, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- ” Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N., D.J.N. (Kepala Batas).
- ” Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- ” Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN, A.S.D.K. (Gaya).
- ” Timbalan Menteri Pertanian, TUAN HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, A.M.N., S.M.S. (Sepang).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).

- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, P.C.M., A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, A.M.N., P.J.K. (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, PUAN CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, S.M.S. (Ulu Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TAN SRI DATO' HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ DATO' ABDUL SAMAD BIN IDRIS, D.P.M.J., J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ, A.M.N. (Tanjong Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR, A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).

Yang Berhormat TUAN EDWARD ESSEN UNANG (Mukah).

- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S., (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN DATUK HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ DATO' DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ DATO' HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA, S.A.P. (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.N., P.P.M. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Grik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K., (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S., S.M.J. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO NIK HASSAN BIN WAN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANAK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.G.D.K. (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFAH DORAH BINTI MOHAMMED, A.M.N., B.S.I., P.S.I. (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DATUK DR WONG SOON KAI, P.N.B.S., P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU, J.P. (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ DATO HAJI YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, D.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.
Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.
Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.
Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.
Penolong Penyunting: P. B. Menon.
Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidek.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.
Louis Yeoh Sim Ngoh.
Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.
Suhor bin Husin.
Amran bin Ahmad.
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.
Margaret Chye Kim Lian.
Puan Ng Chong Kin.
Puan Kong Yooi Thong.
Juliah binti Awam.
Supiah binti Dewak.
Ismail bin Hassan.
Shamsiah binti Mohd. Yusof.
Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad

DEWAN RAKYAT

Khamis, 13hb November, 1980

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN

KAWASAN PERINDUSTRIAN ULU
KELANG—SAMPAH DI TEPI JALAN

1. Puan Sharifah Dorah binti Mohamed minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa jalan menuju ke Zoo dan Akuarium Negara serta ke kawasan perindustrian Ulu Kelang dipenuhi oleh sampah di tepi jalan itu yang mana menyakitkan mata memandang dan tidak sesuai dari segi kesihatan serta mendatangkan sangkaan yang buruk kepada pelancung-pelancung yang lalu di jalan tersebut dan jika ya, nyatakan adakah suatu kawasan dan cara yang sesuai untuk pembuangan sampah ini.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan (Tuan Abdullah bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, kawasan yang dimaksudkan itu adalah di bawah Kerajaan Negeri Selangor. Pejabat yang bertanggungjawab terhadap sekitar kawasan tersebut ialah Majlis Daerah Gombak yang berpejabat di Pejabat Daerah Gombak, Jinjang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Lim Cho Hook.

Tuan Lee Kaw: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, Soalan No. 2.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Kluang.

KERJA-KERJA BIRO SIASATAN
NEGARA

2. **Tuan Lee Kaw (di bawah S.O. 24 (2))** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau berpuashati dengan kerja Biro Siasatan Negara (BSN) dan sekiranya berpuashati, kenapakah rakyat jarang sangat terdengar “ikan besar” ditangkap dan didakwa sedangkan rasuah begitu merebak di seluruh negara.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan puashati di atas kerja-kerja yang dijalankan oleh Biro Siasatan Negara selama ini. BSN bertindak mengikut kuasa-kuasa dan peruntukan undang-undang yang sedia ada. Tindakan Biro ini tidak ada perbezaan di antara ikan kecil atau ikan besar, semuanya dikira sama rata oleh undang-undang. Sama ada tindakan boleh diambil ke atas seseorang itu kerana melakukan sesuatu kesalahan rasuah terpuanglah kepada cukup atau tidaknya keterangan-keterangan yang diperolehi oleh BSN semasa menjalankan penyiasatan. Adalah tidak benar dakwaan Ahli Yang Berhormat itu yang menyatakan rasuah begitu merebak di seluruh negara.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, saya suka bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada teknik-teknik ataupun cara-cara yang digunakan oleh BSN untuk menangkap ikan besar (big fish) berbeza dengan cara-cara yang digunakan untuk menangkap ikan bilis. Jika tidak ada, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini tentang apakah cara yang lebih menarik untuk menangkap ikan besar.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, cara dan tekniknyanya tidak ada perbezaan.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya Timbalan Menteri yang berkenaan adakah pegawai-pegawai penyiasatan BSN baru yang ditambah dan berapa bilangannya.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, pegawai-pegawai siasatan yang baru bagi BSN telah ditambah sekarang ini.

Tuan Lee Kaw: Tuan Speaker, soalan tambahan. Menurut jawapan dari Timbalan Menteri tadi adakah beliau sedar beberapa kes dalam mahkamah ialah mengenai pegawai-pegawai rendah. Adakah ini menunjukkan orang yang makan suap dari bracket pendapatan yang rendah sahaja atau ada orang lain yang berpendapatan lebih tidak makan rasuah.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini Yang Berhormat Timbalan Menteri berkehendakkan notis barangkali, hendak diasingkan di antara dua peringkat. Kalau ada Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak menjawab!

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang diterangkan tadi tidaklah ada perbezaan di antara orang besar atau orang kecil. Kes-kes ini terpulung kepada keterangan yang didapati dan sekiranya cukup keterangan maka BSN bertindak tidak kira sesiapa jua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kluang bukan bertanyakan tindakan atas perkara ini tetapi mana lebih banyak, mana lebih kerap. Itu sebabnya saya bertanya tadi barangkali berkehendakkan notis!

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Ya, kalau hendak tahu bilangan itu saya berkehendakkan notis.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri iaitu adakah beliau sedar bahawa BSN tidak mempunyai cukup kuasa untuk menangkap ikan-ikan besar ini kerana dalam kes-kes yang tertentu ia terpaksa pula merujuk kepada Perdana Menteri sebelum mengambil satu-satu tindakan.

Tuan Yang di-Pertua: Jawapan kepada pertanyaan tambahan itu sudah diberi tadi, layanan serupa sahaja sama ada ikan bilis, ikan besar, ikan kurau—sama layanannya. Tetapi kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri ada hendak tambah!

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya menafikan dengan sekeras-kerasnya bahawa kalau datang kepada kes orang-orang besar, perkara itu terpaksa didapati arahan daripada Perdana Menteri dahulu.

Tuan Lee Lam Thye: Saya hendak bertanya sama ada Timbalan Menteri dapat memberitahu Dewan ini, sehingga hari ini berapa kes ikan besar yang ada dalam siasatan BSN dan juga adakah Timbalan Menteri sedar bahawa ikan besar dapat bergerak dengan cara yang lebih sophisticated dan bolehkah BSN dilengkapi dengan cara-cara yang lebih sophisticated untuk menangkap ikan besar.

Tuan Yang di-Pertua: Ikan besar ini duduk dekat mana? Kalau sudah tahu tempatnya mengapa tak beritahu sahaja? (*Ketawa*)

Tuan Lee Lam Thye: Ini berkaitan dengan rasuah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, di mana duduknya? Selalu ikan besar, ikan besar ini diadakan benda yang tak ada. Kalau ada beritahu sahaja di mana. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, cara-cara dan teknik yang digunakan oleh BSN sekarang untuk mengesan rasuah bolehlah dikatakan setanding dengan negara-negara maju yang lain seperti Britain, Amerika, Hongkong dan lain-lain kerana kita juga menghantar pegawai-pegawai BSN untuk berlatih ke negara-negara yang saya sebutkan tadi. Tentang bilangan ikan-ikan besar yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi itu berkehendak kepada notis.

Dato' Haji Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri menggunakan istilah "ikan besar dan ikan kecil", saya ingin mendapat penjelasan adakah di dalam penyiasatan menangkap, menyiasat dan sebagainya ada kategori yang dinamakan ikan besar dan ikan kecil ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang sebenarnya bukan Yang Berhormat Timbalan Menteri pakai dahulu, yang bertanya asal tetapi lepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri mengikut sama (*Ketawa*). Sila Yang Berhormat.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Jawabnya tak ada, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan adakah tidak Pegawai-pegawai BSN dihantar ke seberang laut untuk latihan lanjut.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, ada dan seperti saya katakan tadi ke England, Amerika dan Hong Kong dan pada masa yang akan datang juga kita memikirkan untuk menghantar mereka ini ke Australia dan Jepun.

KENAIKAN HARGA RUMAH

3. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan memandangkan kepada harga rumah yang melambung tinggi sehingga menyekat orang biasa dari memiliki rumah sama ada langkah-langkah sedang diambil bagi mengadakan kawalan-kawalan dan tindakan untuk membetulkan keadaan ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, soalan yang hampir-hampir sama yang dibangkitkan di dalam Dewan ini pada masa yang lalu. Walau bagaimanapun, sebagai jawapan kepada soalan Ahli Yang Berhormat itu saya suka menyatakan secara ringkas bahawa kenaikan harga rumah yang tinggi adalah disebabkan oleh beberapa faktor dalam dan luar negeri yang mana ada di antara faktor-faktor ini adalah di luar kawalan Kerajaan. Kerajaan memang memandangkan berat kepada perkara ini tetapi di mana kenaikan harga tersebut didapati dalam dan luar negeri merupakan satu perkara yang tidak dapat dielakkan. Kementerian saya sentiasa menasihatkan Pemaju-pemaju Perumahan supaya tidak mengenakan harga jualan yang terlalu tinggi apabila menjual rumah-rumah mereka. Saya percaya satu-satu daripada langkah-langkah yang sesuai mengatasi masalah ini ialah dengan membina lebih banyak lagi rumah-rumah,

sama ada oleh pihak swasta atau Kerajaan, dan Kementerian saya sedang merancang strategi-strategi untuk menambahkan lebih banyak lagi bilangan-bilangan rumah awam untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan sekejap tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan Kementerian beliau sentiasa menasihati pihak pemaju-pemaju perumahan supaya tidak menaikkan harga rumah. Soalan saya sejauh manakah nasihat-nasihat tersebut telah diikuti oleh pemaju-pemaju perumahan, setakat mana yang dapat dikesan oleh Kementerian beliau.

Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, adalah sukar bagi mengukur dengan tepat setakat mana nasihat-nasihat ini diamal tetapi adalah banyak di antara pemaju-pemaju perumahan yang juga mengikuti nasihat yang saya maksudkan tadi.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan, Tuan Speaker. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa nasihat-nasihat yang diberikan oleh Kementerian ini langsung tidak diindahkan oleh pemaju-pemaju swasta. Maka adakah Kementerian beliau akan membina Akta yang berkenaan supaya harga-harga rumah boleh dikawal melalui sebelum lesen pemaju ini dikeluarkan oleh Kementerian beliau.

Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan yang pertama, tidak betul jika dikatakan semua pemaju-pemaju tidak mengikut nasihat ini, ada pemaju-pemaju yang juga menghormati nasihat yang diberi oleh Kementerian dan juga oleh pihak-pihak Kerajaan Negeri yang berkenaan.

Berhubung dengan perkara kedua, Kementerian saya tidak bercadang setakat ini untuk mengadakan Akta menyekat, menentukan kawalan harga ini kerana rumah pada masa ini belum disenaraikan sebagai barang-barang terkawal.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, salah satu sebab yang kita ketahui menyebabkan harga rumah ini begitu tinggi amalan yang digunakan oleh kebanyakan pemaju-pemaju perumahan ini ialah menyerahkan penjualan rumah-rumah ini kepada

sale agent ataupun real estate agent. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang supaya amalan ini disekat supaya kos yang dikenakan oleh sale agent ini dapat kita hapuskan dan harganya terus-menerus antara pembeli dan pemaju.

Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perlu kita memahami bahawa negara kita mengamalkan sistem bebas (free enterprise) di mana perdagangan dilakukan dengan bebas jika tidak melanggar undang-undang tertentu. Pemaju-pemaju perumahan setakat ini, khususnya pemaju swasta adalah bebas menjual rumah mereka yang mereka bina kepada sesiapa dan melalui sesiapa agen yang ditentukan. Setakat ini Kementerian saya belum mempunyai apa-apa cadangan untuk mengubah sistem yang diamalkan sekarang ini.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada Kementerian beliau bercadang sebagai salah satu jalan untuk menstabilkan harga rumah, iaitu mengenakan syarat supaya pemaju-pemaju perumahan ini membina sekurang-kurangnya 30% rumah murah di kawasan-kawasan yang difikirkan patut dan supaya pihak Kementerian pula membeli rumah-rumah ini yang berharga \$25,000 ke bawah kesemuanya sekali dan ini kepada pihak-pihak yang difikirkan patut untuk mendapat rumah-rumah yang di bawah harga \$25,000 ini.

Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab bahagian yang pertama, mengikut amalan sekarang Kerajaan-kerajaan Negeri ada menentukan di dalam satu-satu projek perumahan yang dicadangkan di dalam satu-satu negeri itu supaya membina rumah jenis harga rendah mengikut kadar yang ditetapkan oleh negeri-negeri tertentu. Misalnya Negeri Johor menetapkan antara 30-40% dan negeri lain juga menetapkan kadar yang berbeza daripada ini kerana kuasa menetapkan kadar-kadar ini adalah terletak di bawah Kerajaan Negeri sebagai Pihak Berkuasa yang meluluskan projek-projek yang dicadangkan di dalam satu-satu negeri itu.

Berhubung dengan perkara yang kedua yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu supaya dapat mengurangkan spekulasi dan supaya pembahagian rumah-rumah ini

dapat dijalankan dengan adil, maka Kerajaan membeli semua rumah-rumah, katalah yang berharga \$25,000 ke bawah atau satu had yang ditentukan dan kemudian dijual mengikut satu sistem yang lebih adil kepada orang ramai. ini sudah tentulah merupakan satu cadangan dan pandangan yang baik dan ianya akan diteliti oleh Kementerian saya dan jika sesuai akan dilaksanakan.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan, Tuan Speaker. Memandangkan perumahan adalah merupakan satu keperluan sosio yang paling asas bagi rakyat Malaysia, maka adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri mencadangkan bahawa perumahan ini disenaraikan sebagai barang kawalan supaya harga rumah ini bukan sahaja boleh dikawal, juga bekalan rumah inipun boleh ditambahkan untuk memuaskan permintaan rakyat Malaysia.

Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, semua barang yang diperlukan ialah barang-barang perlu tetapi Kerajaan menyenaraikan jenis-jenis barang tertentu yang difikirkan terlampau perlu dan harganya terpaksa dikawal seperti beberapa jenis—sebagaimana Ahli Yang Berhormat sekalian sedia maklum, beras, besi, simen dan sebagainya dan setakat ini belum lagi Kerajaan memikirkan rumah ini sampai kepada peringkat keperluannya sehingga ianya patut disenaraikan sebagai barang perlu yang harganya patut dikawal dengan ketat.

PERTUBUHAN EKONOMI ANTARABANGSA

4. **Dato Dr Hee Tien Lai** minta Menteri Kewangan menyatakan iaitu dalam konteks kesusahan ekonomi yang akan melibatkan kebanyakan negara dalam tahun 1980an dan memandangkan kegagalan pihak swasta di Malaysia dalam tempoh separuh yang terakhir bagi tahun-tahun tujuh puluhan untuk menanggung beban yang besar dari pembentukan modal, apakah langkah Kerajaan akan ambil untuk mengadakan pertumbuhan galakan selanjutnya; untuk menghapuskan anti-galakan yang akan melambatkan pembangunan, misalnya pertambahan kawalan birokrasi.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang telah diterangkan

dalam ucapan Belanjawan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan baru-baru ini, walaupun terdapat keadaan ekonomi antarabangsa yang semakin buruk, kita masih boleh menikmati kadar pencapaian pertumbuhan ekonomi di antara yang tertinggi di dunia dalam tahun 1980 iaitu sebanyak 8% dari segi sebenar.

Sesungguhnya, sepanjang 5 tahun yang lepas walaupun terdapat kerumitan dalam suasana ekonomi antarabangsa, kadar pertumbuhan tahunan kita telah mencapai purata sebanyak $8\frac{1}{2}\%$ dari segi sebenar. Pada masa yang sama kadar inflasi kita yang dijangka berada kira-kira 7% dalam tahun 1980 merupakan salah satu kadar yang paling rendah dalam dunia. Kita bukan sahaja dapat mengelakkan keadaan stagflasi dunia tetapi pada masa yang sama dapat mencapai pertumbuhan yang stabil dan kukuh pada paras yang tinggi dengan bertambah kukuhnya kedudukan Imbangan Pembayaran kita, yang telah menunjukkan lebihan pada keseluruhan dalam masa 13 tahun yang lepas.

Kedudukan ekonomi yang begitu memuaskan telah dapat dicapai dengan pertambahan dalam perbelanjaan sektor awam dan dasar fiskal dan kewangan yang dinamik yang dapat membolehkan sektor swasta memainkan peranan yang penting.

Adalah tidak benar dikatakan bahawa sektor swasta gagal memainkan peranannya dalam pertumbuhan ekonomi negara dalam konteks ekonomi dan sosial Kerajaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaburan swasta sebenar yang tidak termasuk pelaburan minyak telah bertambah dengan baiknyanya sebanyak 9.9% setahun di antara tahun-tahun 1975 dan tahun 1980, berbanding dengan ramalan sebanyak 8.3% setahun dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga dan 7.1% dalam tempoh tahun-tahun 1971 hingga 1975. Sektor swasta mengalami kadar pertumbuhan yang begitu menggalakkan dalam beberapa tahun kebelakangan ini dan ianya dapat membantu mempertahankan pertumbuhan ekonomi keseluruhannya. Tambahan pula, ianya dibantu oleh sektor awam dalam bentuk pelaburan awam yang berkembang sebanyak 10% setahun dalam masa 1975 hingga 1980.

Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk menggalakkan sektor swasta memainkan peranan yang lebih besar dalam kemajuan dan perkembangan ekonomi negara. Oleh yang demikian Kerajaan telah memberikan berbagai galakan dalam tahun-tahun yang sudah bagi memberi lebih keyakinan dan mendorong mempercepatkan lagi aliran pelaburan sektor swasta terutamanya bagi meningkatkan lagi keupayaan pengeluaran untuk pasaran-pasaran tempatan dan perusahaan-perusahaan pembinaan.

Kerajaan sedar tentang adanya kehendak-kehendak untuk memperbaiki jentera-jentera pentadbiran Kerajaan bagi memenuhi keperluan-keperluan negara yang sedang pesat membangun. Oleh itu Kerajaan telahpun mengambil langkah-langkah dan akan mengambil langkah lain untuk memperbaiki peraturan-peraturan pentadbiran bagi melicinkan pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan. Sebagai contoh, Kementerian Kewangan telah mengadakan Majlis-majlis dialog Belanjawan yang bertujuan untuk membolehkan berbagai-bagai pertubuhan dan agensi-agensi dari kedua-dua sektor swasta dan awam untuk memberi pandangan dan cadangan mereka supaya Kerajaan boleh memperbaiki lagi suasana pelaburan untuk perkembangan ekonomi terutamanya melalui Belanjawan Tahunan.

Kerajaan baru-baru ini telah juga melantik sebuah Jawatankuasa Peringkat Menteri bagi mengemukakan syor-syor bagi memperbaiki jentera-jentera pentadbiran Kerajaan supaya lebih berupaya bukan sahaja untuk melaksanakan Rancangan Malaysia Keempat tetapi juga untuk mengadakan kemudahan yang lebih baik bagi menggalakkan pelaburan sektor swasta.

Dengan adanya latihan-latihan ini, saya percaya dan yakin bahawa jentera Kerajaan akan dapat menjalankan tugas-tugas dan peranannya dengan lebih licin dan berkesan. Oleh itu, saya harap sektor swasta akan dapat memberikan sambutan yang positif kepada galakan-galakan dan latihan-latihan yang diambil oleh Kerajaan supaya dapat mereka memainkan peranan yang lebih berkesan bagi memajukan pembangunan dan perkembangan ekonomi negara kita.

LATIHAN GONZALES IV

5. Tuan Kamaluddin bin Maamor minta Menteri Pertahanan menyatakan hasil latihan Gonzales IV yang diadakan secara besar-besaran baru-baru ini dan sama ada beliau puas hati:

- (a) dengan mutu kecekapan anggota tentera kita dari segi taktik peperangan dan penggunaan senjata-senjata moden yang dilengkapkan kepada mereka itu;
- (b) bahawa alat-alat senjata kecil dan besar yang dilengkapkan kepada tentera kita sekarang ini mencukupi dan sesuai bagi pertahanan negara kita.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Latihan Gonzales IV telah dijalankan bertujuan untuk memberi persefahaman penuh kepada anggota-anggota Tentera Darat di bidang peperangan conventional mengikut keadaan dan alam sekitar negara kita. Latihan ini telah memberi tumpuan kepada strategi dan taktik peperangan kerana latihan serang balas penganas telah dijalankan semasa latihan Gonzales I dan latihan, dengan izin, "advanced to contact" telah dijalankan semasa latihan Gonzales II. Latihan Gonzales III adalah latihan teori untuk mengatur satu strategi pertahanan dan selepas itu satu ujian telah dibuat dengan menggunakan askar-askar di dalam latihan Gonzales IV. Latihan Gonzales IV merupakan latihan lanjutan dari latihan-latihan yang lepas sebagai mempraktikkan pelajaran-pelajaran yang telah diberi.

Latihan ini telah dijalankan dengan jayanya di dalam menempatkan pasukan-pasukan ke dalam kawasan-kawasan pertahanan yang dikhaskan dan dari segi objektifnya latihan ini adalah berjaya dengan sepenuhnya. Semua yang mengambil bahagian telah mendapat pengetahuan dan menambahkan pengalaman mereka di segi pertahanan. Yang lebih mustahak lagi adalah kesedaran mereka tentang kelemahan sendiri, kekurangan kelengkapan dan cara-cara mengatasinya. Banyak lagi latihan-latihan seperti ini sedang dirancang untuk dikendalikan di

masa-masa akan datang bagi memperbaiki kecekapan Tentera Darat kita. Pada keseluruhannya saya sangat berpuas hati dengan hasil latihan Tentera Darat setakat ini.

- (b) Sukalah saya menyatakan bahawa Kerajaan adalah sentiasa mengkaji senjatapi-senjatapi yang dibekalkan kepada angkatan tentera kita. Di dalam kajian ini unsur-unsur seperti ketetapan (accuracy), jarak (range), mobiliti dan kegunaan dalam apa juga keadaan cuaca sentiasa dititikberatkan supaya senjatapi-senjatapi kita adalah sentiasa di dalam keadaan yang baik dan bermutu serta moden lagi sophisticated iaitu selaras dengan tanggungjawab angkatan tentera bagi mempertahankan negara dan juga keadaan kemaskini di rantau ini.

Dato' Haji Yusof bin Malim Kuning: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan berkenaan dengan latihan Gonzales IV ini berapa ramaikah Tentera Darat kita yang terlibat dengan latihan tersebut dan adakah Kementerian Pertahanan akan melanjutkan latihan ini kepada Tentera Udara dan Tentera Laut kita?

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, anggota yang terlibat dalam latihan Gonzales IV adalah sebanyak 25,000 anggota dan dari masa ke semasa kita akan melibatkan juga angkatan tentera laut dan udara.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri Pertahanan iaitu semasa latihan itu diadakan, adakah pihak tentera kita bertembung dengan penganas-penganas komunis dan bagaimanakah kesan daripada pertembungan itu.

Soalan yang kedua, adakah benar bahawa di samping latihan, tujuan daripada Gonzales IV itu juga ialah melaksanakan operasi dan dalam segi operasi Gonzales IV itu telah gagal di dalam mencapai tujuannya.

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah menyebutkan tadi tujuan yang sebenar latihan Gonzales IV ini diadakan dan saya tidak bersetuju pendapat yang menyatakan bahawa objektif bagi latihan itu diadakan tidak tercapai,

malahan dari maklumat yang telah saya berikan tadi, saya berpuas hati dan di samping menjalankan latihan-latihan tertentu, jika dalam keadaan demikian mereka bertembung dengan pihak musuh, ini akan diambil kira oleh mereka yang mengambil bahagian. Dan setakat ini, saya tak dapat memastikan bahawa semasa latihan itu diadakan mereka telah bertembung dengan pengganas-pengganas.

BARANG-BARANG KILANG— KAWALAN CUKAI

6. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Kewangan menyatakan bagaimanakah cara berkesan yang dijalankan oleh Bahagian Pungutan Hasil untuk mengawal serta menyelia semua keluaran barang-barang kilang yang bercukai termasuk perniagaan perseorangan di Malaysia.

Datuk Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, soalan daripada Ahli Yang Berhormat adalah kurang jelas tetapi mengikut fahaman saya, apa yang ditanya itu ialah cara mengawal yang berkesan ke atas barang-barang yang bercukai yang dikeluarkan oleh kilang-kilang yang dipunyai bukan sahaja oleh syarikat-syarikat tetapi juga oleh kongsian-kongsian dan perniagaan-perniagaan perseorangan.

Mengikut fahaman itu, sukalah saya maklumkan bahawa Jabatan Kastam mempunyai 2 cara bagi mengawal kilang-kilang yang mengeluarkan barang-barang yang berduit eksais iaitu seperti berikut:

- (i) Pertamanya melalui kawalan secara fizikal. Mengikut cara ini pegawai-pegawai Kastam ditempatkan di kilang yang mengeluarkan barang-barang yang berduit. Segala pemerosesan pengilangan, penyimpanan dan pelepasan barang-barang tersebut adalah di bawah kawalan pegawai yang ditempatkan di situ. Di samping itu penyata-penyata bulanan kilang-kilang itu adalah disemak dan diperiksa oleh Kastam.
- (ii) Keduanya, melalui kawalan berdasarkan dokumen-dokumen. Kawalan dokumen-dokumen ini ialah dengan menyemak dan memeriksa penyata dan buku akaun kilang-kilang yang berkenaan. Selain daripada itu pemeriksaan tergepar juga dilakukan ke atas stok-stok kilang dari masa ke semasa.

Bagi kilang-kilang yang mengeluarkan barang-barang berduit cukai jualan, pengawalannya adalah melalui cara yang berdasarkan dokumen-dokumen. Cara-cara pemeriksaan dan kawalan bagi kilang-kilang ini adalah sama seperti kilang-kilang yang mengeluarkan barang-barang berduit eksais yang dikawal secara dokumentari.

Selain daripada pengawalan mengikut cara-cara tersebut di atas, sukacita saya maklumkan bahawa kilang-kilang yang mengeluarkan barang-barang berduit eksais dan yang berduit cukai jualan perlulah dilesen oleh Kastam terlebih dahulu sebelum pengeluaran dimulakan.

PARTI PERSAUDARAAN ISLAM (PAPERI)

7. Tuan Hussein bin Mahmood minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada benar bahawa Parti Komunis Malaya telah menubuhkan Parti Persaudaraan Islam (PAPERI) bertujuan untuk mempengaruhi rakyat Malaysia yang beragama Islam. Kalau ya, setakat yang dikesankan, sejauh manakah usaha-usaha mereka untuk menyelewengkan umat Islam di negara ini telah berhasil.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Sanusi bin Junid): Tuan Yang di-Pertua, adalah benar Parti Komunis Malaya telah menubuhkan Parti Persaudaraan Islam (PAPERI) yang bertujuan untuk mempengaruhi rakyat Malaysia yang beragama Islam. Alhamdulillah dengan tindakan pihak Kerajaan memberitahu kepada rakyat tentang wujudnya tipu-helah Parti Komunis Malaya ini untuk mengabui masyarakat kita, PAPERI telah dan akan gagal dalam usaha-usaha menyelewengkan umat-umat Islam di negara ini. Namun begitu, kita haruslah sentiasa berwaspada supaya tidak terperangkap oleh dakyah-dakyah PAPERI ini.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Timbalan Menteri untuk memberitahu Dewan ini biasanya apakah taktik dan strategi yang telah digunakan oleh Parti Persaudaraan Islam untuk mempengaruhi rakyat Malaysia khususnya masyarakat yang beragama Islam?

Tuan Sanusi bin Junid: Usaha PAPERI ialah untuk menyamakan perjuangan Islam dengan perjuangan komunis dan mereka menggunakan saluran-saluran seperti radio dan risalah-risalah.

Tuan Hashim bin Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain dari Parti Komunis Malaya ini telah menubuhkan PAPERI, adakah Parti Komunis ini telah meresap masuk ke dalam badan-badan lain atau pertubuhan-pertubuhan lain dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini di luar daripada soalan asal—tak payah dijawab.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah Parti Persaudaraan Islam ini ada mempunyai kaitan dengan Parti Islam yang halal di dalam negara kita?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini luar daripada asal tetapi sedikit sahaja, saya benarkan kalau Yang Berhormat Menteri hendak menjawab.

Tuan Sanusi bin Junid: Tidak ada.

Dato' Haji Yusof bin Malim Kuning: Soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan lebih lanjut daripada Timbalan Menteri sama ada PAPERI ini diwujudkan di Semenanjung Malaysia sahaja atau merangkumi Sabah dan Sarawak dan kalau boleh terangkan, bilakah PAPERI ini ditubuhkan?

Tuan Sanusi bin Junid: Mengikut apa yang kita tahu PAPERI ini telah ditubuhkan pada tahun 1965 oleh Regimen ke 10 Parti Komunis Malaya dan anggota-anggotanya terdiri daripada orang Melayu, 90% daripadanya ialah orang Melayu dari Thailand. Tidak ada bukti yang menyatakan mereka berada di Sabah dan Sarawak.

AKTA GALAKAN PELABURAN— KAJIAN SEMULA

8. Tuan Awang bin Jabar minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah Kementeriannya bercadang untuk menyemak semula Akta Galakan Pelaburan yang ada sekarang.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar Kerajaan untuk meneruskan penyemakan semula ke atas galakan-galakan di bawah Akta Galakan Pelaburan 1968 dengan tujuan untuk menjadikan galakan-galakan itu lebih berkesan supaya dapat mencapai objektif Kerajaan dalam menggalakkan pembangunan perindustrian yang lebih cepat. Misalnya pada tahun 1978 Kerajaan telah melaksanakan galakan khas untuk perusahaan-perusahaan pertanian bagi memperkembangkan industri-industri yang berasaskan kepada pertanian (agro-based industries). Dan lagi tahun 1980 pula semakan telah dibuat ke atas Elaun Eksport untuk menggalakkan sektor perindustrian mengeksport barang-barang yang dikeluarkan oleh sektor ini. Dan selaras dengan cadangan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan dalam ucapan Belanjawannya untuk tahun 1981, Kementerian saya sedang membuat persiapan untuk menyemak semula Elaun Susutan Dipercepatkan (Accelerated Depreciation Allowances) dengan tujuan untuk menggalakkan pemodenan loji dan mesin.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya dari masa ke semasa mengkaji semula kekesan galakan-galakan ini dan sekiranya perlu pindaan-pindaan dan/atau peruntukan-peruntukan baru akan diperkenalkan. Dalam hubungan ini, saya ingin memberitahu Dewan Yang Mulia ini bahawa jika badan-badan perniagaan dan perindustrian seperti Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia (FMM), Dewan Perniagaan dan Perindustrian Malaysia (NCCI) dan sebagainya mempunyai apa-apa cadangan bagi memperbaiki kekesan galakan-galakan ini, Kementerian saya bersedia meneliti cadangan-cadangan itu dan jika difikirkan sesuai tindakan-tindakan yang sewajarnya akan diambil.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa sungguhpun banyak syarikat-syarikat telah ditubuhkan di bawah Akta Galakan Pelaburan, 1968 terutama sekali yang bertaraf perintis tetapi setakat hari ini sungguhpun salah satu syarat syarikat-syarikat perintis ini ditubuhkan ialah untuk mengambil lebih banyak lagi penyertaan dari kaum bumiputra sama ada dari segi milik saham ataupun dari segi pengambilan pekerja-pekerja tetapi

setakat hari ini perkara ini tidaklah begitu berkesan sekali. Jadi saya ingin bertanya Timbalan Menteri sama ada beliau bercadang dalam masa penyemakan ini dijalankan untuk memperketatkan lagi syarat-syarat di mana syarikat-syarikat taraf perintis ini diberi supaya mereka betul-betul mengambail sekurang-kurangnya 30% penyertaan bumiputra sama ada di bidang milik saham ataupun daripada segi pegawai-pegawai.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya dari semasa ke semasa memang mengkaji pelaksanaan syarat-syarat yang dikuatkuasakan terhadap mana-mana syarikat yang mendapat galakan-galakan seperti taraf perintis dan sebagainya dan dengan seberapa yang boleh kita mendesak syarikat-syarikat itu mematuhi syarat-syarat yang tertentu seperti mengambil lebih kakitangan selaras dengan Dasar Ekonomi Baru, mengadakan saham-saham dan sebagainya. Dan jika perlu Kementerian saya mengambil tindakan untuk memberi apa-apa panduan atau apa-apa pertunjukan supaya syarikat-syarikat itu boleh menjalankan dengan syarat-syarat yang ditentukan. Jika perlu kita dari semasa ke semasa mengkaji kedudukan syarikat itu supaya apa-apa galakan yang diberi boleh dapat mencapai objektif yang kita hendak perolehi.

"VIP LANE" DI TAMBAK JOHOR

9. Tuan Lee Kaw minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sebab-sebab mengapa sebatang lorong dikhaskan sebagai "VIP lane" di tempat masuk dari Singapura;
- (b) kategori orang-orang yang disenikan sebagai V.I.P. dan apakah keistimewaan yang dinikmati oleh mereka di sekatan kastam di Tambak Johor; dan
- (c) sama ada beliau sedar ujudnya salah faham di antara pegawai-pegawai kastam dan mereka yang mensifatkan diri mereka sebagai V.I.P. apabila mereka ini (V.I.P.) ditahan di sekatan kastam; jika ya, nyatakan sama ada beliau akan memberi arahan-arahan yang tertentu tentang siapakah yang menjadi V.I.P. dan sama ada V.I.P. ini tertakluk kepada pemeriksaan kastam apabila mereka kembali dari Singapura.

Timbalan Menteri Kewangan (Datuk Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua, lorong VIP yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah sebenarnya lorong yang dikhaskan bagi menegerakan pemeriksaan lori-lori kosong yang tiba daripada Singapura. Kemudahan bagi orang-orang kenamaan menggunakan lorong khas ini ialah bagi mengelakkan masa menunggu supaya mempercepatkan perjalanan mereka.

Duli-duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong, Duli-duli Yang Maha Mulia Sultan-sultan dan Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri adalah di antara VIP-VIP yang telah dibenarkan menggunakan lorong khas ini supaya mereka terelak daripada menunggu. Pada lazimnya Jabatan Kastam akan dinasihat melalui surat oleh Jabatan-jabatan Kerajaan yang berkenaan mengenai orang-orang kenamaan yang akan tiba di Tambak Johor daripada Singapura. Dengan adanya pengetahuan awal perjalanan-perjalanan VIP ini boleh diatur dengan licin. Walau bagaimanapun, VIP-VIP selain daripada Duli-duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong dan Sultan-sultan tidaklah terlepas daripada pemeriksaan kastam dan bayaran duti kastam di mana-mana yang berkenaan.

Perselisihan faham antara Kastam dengan orang-orang kenamaan yang berkenaan boleh berlaku sekiranya Kastam tidak diberitahu secara awal mengenai ketibaan orang kenamaan tersebut. Perkara ini boleh dielakkan sekiranya aturcara lawatan atau perjalanan diberitahu kepada Jabatan Kastam terlebih dahulu.

Saya tidaklah bercadang mengeluarkan apa-apa arahan kepada Jabatan Kastam untuk memeriksa kenderaan-kenderaan orang-orang kenamaan oleh kerana mereka ini tidak dikecualikan daripada pemeriksaan kastam dan pembayaran duti.

Tuan Lee Kaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Timbalan Menteri Kewangan sedar iaitu VIP lane di causeway ini ada satu papan notis (signboard) yang tertulis "Bas, VIP dan Lori". Adakan ini menunjukkan status VIP ini sama dengan bas dan lori-lori dan selain daripada causeway yang ada VIP lane ini adakan tempat lain di mana ada kastam ada khas untuk VIP. Jikalau tidak, kenapa di causeway sahaja. adakah ini encourage orang VIP pergi ke Singapura beli barang lebih?

Yang akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, bolehkah VIP lane di Johor Bahru ini tidak dinamakan VIP lane tetapi "Priority lane" seperti di Feri Pulau Pinang ada Priority lane supaya tidak beri satu image VIP sama status dengan bas dan lori.

Tuan Yang di-Pertua: Jawapan kepada pertanyaan itu sudah terkandung dalam jawapan asal iaitu telah disebutkan lane untuk bas dan lori kosong. Jadi kalau timbul soal tadi ada perselisihan dengan VIP ini ialah kerana tidak diberitahu terlebih dahulu. Biar Yang Berhormat Timbalan Menteri sambung lagi.

Datuk Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, memanglah bukan tujuan kita untuk melonggokkan VIP dengan bas dan lori tetapi sepertimana saya katakan dalam jawapan asal untuk keadaan-keadaan mendesak ataupun apabila diberitahu, orang-orang kenamaan yang memerlukan perjalanan yang licin dan teratur bolehlah menggunakan kemudahan lorong yang sebenarnya dikhususkan untuk lori-lori kosong. Jadi untuk memudahkan orang-orang kenamaan ini membuat perjalanan yang licin dan cepat bolehlah menggunakan lorong yang dikhususkan untuk lori-lori kosong itu.

Berhubung dengan soalan kedua mengenai sama ada kemudahan ini juga diberikan di tempat-tempat lain di mana ada pemeriksaan kastam, suka saya menyatakan bahawa memang lazimnya ada disediakan kemudahan untuk orang-orang kenamaan di lapangan terbang-lapanganterbang di mana orang-orang kenamaan itu dibawa ke ruang VIP tetapi di situ juga mereka tidak dikecualikan daripada pemeriksaan kastam dan pembayaran duti.

Tuan Chan Teck Chan: Oleh kerana perkataan VIP digunakan adalah merupakan satu penghinaan terhadap orang-orang kenamaan yang menggunakan VIP lane ini di mana adalah juga digunakan oleh lori-lori dan kenderaan yang berat, maka adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri mencadangkan bahawa nama VIP ini ditukar dengan perkataan yang lain supaya orang-orang kenamaan ini boleh benar-benar menggunakan VIP lane bagi mereka. Kalau tidak ini akan menjejaskan imej VIP.

Datuk Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, sayapun kagum melihat parti DAP, wakil dari Kota Melaka membela

nasib orang-orang kenamaan. Saya ingat ini satu perkara yang sejarah dalam Dewan ini. Sepatutnya kita tidaklah patut membela sangat orang-orang kenamaan ini oleh kerana kemudahan-kemudahan

Tuan Chan Teck Chan: (*Bangun*)

Datuk Shahrir bin Abdul Samad: Ini bukan perbahasan. saya memberi jawapan!

Tuan Yang di-Pertua: Seseorang boleh disampuk di bawah Peraturan Mesyuarat 37 (a) atau (b) sahaja iaitu: satu, point of order dan satu lagi kerana penjelasan. Nampaknya Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak memberi jalan, jadi jawab terus.

Tuan Chan Teck Chan: (*Bangun*)

Datuk Shahrir bin Abdul Samad: Dia tidak mahu dengar, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan! (Kepada Yang Berhormat Chan Teck Chan)

Datuk Shahrir bin Abdul Samad: Macam mana ini, beradablah sedikit. Kalau saya berdiri maksudnya saya tidak beri jalan, saya ingat fahamannya

Tuan Yang di-Pertua: Sebab itu saya kata teruskanlah! Jangan tunggu lagi (*Ketawa*).

Datuk Shahrir bin Abdul Samad: Kerajaan tidaklah bercadang untuk meminda nama VIP di lorong yang digunakan di Tambak Johor itu oleh kerana saya belum lagi menerima pengaduan daripada orang-orang kenamaan tentang penghinaan yang telah dikenakan ke atas diri mereka.

ISTILAH DASAR EKONOMI BARU

10. Tuan Chan Teck Chan minta Perdana Menteri menyatakan bilakah istilah Dasar Ekonomi Baru (DEB) ini akan ditukar menjadi Dasar Ekonomi Nasional supaya segala prasangka dan miskonsepsi terhadap DEP ini dapat dikikis, juga nyatakan adakah Kerajaan bersetuju dengan resolusi-resolusi yang diluluskan dalam Kongres Ekonomi Bumiputera baru-baru ini, terutamanya tentang matlamat 30% penyertaan bumiputera akan dinaikkan ke 51% sebagai minimumnya.

Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Tuan Yang di-Pertua, bahagian kedua soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu telah pun dijawab di Dewan ini apabila menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Sandakan pada 14hb Oktober, 1980 yang lalu.

Saya ingin menjelaskan sekali lagi bahawa tujuan utama Dasar Ekonomi Baru ialah untuk membina masyarakat Malaysia yang bersatu-padu menerusi pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat dengan berlandaskan Rukunegara. Oleh itu penukaran istilah Dasar Ekonomi Baru kepada Dasar Ekonomi Nasional bukanlah satu perkara pokok. Bagi mereka yang sengaja mengsyaki dan menyalahfahamkan Dasar ini untuk tujuan yang hanya mereka sendiri tahu, perubahan istilah ini juga tidak mungkin akan membawa apa-apa kesan kepada mereka. Saya percaya sekarang rakyat jelata di negara ini memang sudah faham hasrat murni Dasar Ekonomi Baru Kerajaan yang bertujuan semata-mata untuk mewujudkan perpaduan negara. Penukaran istilah yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu mungkin akan membawa kekeliruan pada rakyat di samping tidak membawa apa-apa perubahan kepada tujuan asal Kerajaan. Oleh itu, buat pada masa ini Kerajaan tidaklah bertujuan menukarkan istilah yang sudah sedia ada.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri adakah beliau sedar bahawa sikap negatif DAP dan perkauman yang pekat telah membekukan otak mereka untuk berfikir ke arah yang rasional untuk mentafsirkan sesuatu istilah Kerajaan. Jika sedar apakah perlaksanaan ekuiti yang lebih daripada 50% kepada bumiputra di dalam satu-satu perusahaan itu akan mempercepatkan tercapainya matlamat keseluruhan 30% bumiputra di dalam Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua: Bahagian kedua soalan itu sudah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri dan sudah dibincangkan di dalam satu daripada soal jawab baru-baru ini dan tidak boleh ditimbulkan lagi. Bahagian pertama itu, kalau Yang Berhormat Menteri hendak jawab.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa mengenai dengan pendirian parti DAP, itu terpulanglah kepada mereka sendiri.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Perdana Menteri telah menerima satu cadangan daripada Ketua Menteri Pulau Pinang Dr Lim Chong Eu dan juga Pengerusi Kompleks Kewangan, mereka kedua-dua ada mencadangkan bahawa nama Dasar Ekonomi Baru perlu ditukarkan atau diubah menjadi Dasar Ekonomi Nasional. Jika ya, maka adakah Kerajaan memberi satu pertimbangan yang sewajarnya atas cadangan daripada tokoh-tokoh Barisan Nasional sendiri.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi saya telahpun jelaskan bahawa kita tidak berniat untuk menukarnya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ismail bin Said.

Tuan Abdul Rahman bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 11.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas.

PEMAJU PERUMAHAN SWASTA

11. Tuan Abdul Rahman bin Daud (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ada setengah pemaju-pemaju perumahan memberi borang-borang rumah kepada orang-orang tertentu sahaja untuk dibahagikan-bahagikan pula kepada orang lain dan ini boleh mewujudkan penyelewengan. Jika sedar nyatakan langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, soalan ini juga bermaksud yang hampir-hampir sama dengan soalan No. 3 dan soalan-soalan tambahan yang berikut yang mana saya telahpun memberi jawapan. Walau bagaimanapun, saya memohon izin Tuan Yang di-Pertua, untuk membuat tambahan sedikit seperti berikut:

Pemaju-pemaju perumahan swasta adalah bebas untuk memberi borang-borang permintaan untuk mendapatkan rumah yang mereka bina kepada sesiapa sahaja orang awam yang meminta. Tiada apa-apa kawalan dikenakan mengenai pengeluaran borang-borang ini. Pemaju perumahan swasta juga boleh menjual rumah kepada mana-mana orang awam tertakluk kepada apa-apa syarat yang telah dikenakan kepada penjualan tersebut. Oleh itu, pada masa ini Kementerian saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa kawalan mengenai penyebaran borang-borang daripada pemaju-pemaju perumahan swasta ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Karpal Singh.

Tuan Fung Ket Wing: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 12.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Sandakan.

**Y.B. LIM KIT SIANG/LEE LAM
THYE—PENGHARAMAN MEMASUKI
SABAH**

12. Tuan Fung Ket Wing (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar terhadap pengharaman yang tidak adil oleh Kerajaan Sabah ke atas Y.B. Lim Kit Siang dan Y.B. Lee Lam Thye memasuki negeri tersebut menjalankan aktiviti-aktiviti politik yang sah di sisi undang-undang. Apakah langkah-langkah yang beliau mencadangkan untuk memberi ertikata yang sebenar terhadap kebebasan pergerakan di Malaysia.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Sanusi bin Junid): Tuan Yang di-Pertua, fakta-fakta untuk jawapan kepada soalan ini telah saya berikan semasa menjawab soalan No. 15 pada 11hb November, 1980. Saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

**PASUKAN KOMANDO POLIS HUTAN/
UNIT PENCEGAH PENYELUDUPAN**

13. Tuan Umar bin Haji Ismail minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan kejayaan-kejayaan yang telah diperolehi oleh Pasukan Komando Polis Hutan Malaysia

dan juga Pasukan Unit Pencegah Penyeludupan sejak pasukan-pasukan itu ditubuhkan.

Tuan Sanusi bin Junid: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Unit Khas Pasukan Polis Hutan telah ditubuhkan pada tahun 1969. Sejak daripada tarikh tersebut pasukan ini telah berjaya membunuh seramai 29 orang pengganas komunis.

Unit Pencegah Penyeludupan pula ditubuhkan pada tahun 1977 dan pasukan ini telah mencapai kejayaan-kejayaan seperti berikut:

- (1) merampas barang yang cuba diseludup bernilai \$2,710,124.00;
- (2) menangkap seramai 2,787 orang yang terlibat di dalam penyeludupan dan yang melanggar undang-undang Imigresen;
- (3) menangkap sebanyak 379 buah kenderaan yang terlibat di dalam penyeludupan; dan
- (4) bertambahnya jumlah hasil cukai yang dipungut di tempat keluar masuk di sempadan. Misalnya pada bulan Januari hingga September, 1980 cukai yang dipungut berjumlah \$9,316,985.00 berbanding dengan \$2.7 juta dalam tahun 1979 iaitu sebelum Unit ini ditubuhkan.

Dato' Haji Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berhubung dengan Pasukan Unit Pencegah Penyeludupan bila saya ke Kelantan saya perhatikan ada Unit ini di sana. Tetapi saya tidak nampak Unit ini di pintu masuk dari Singapura, maksud saya di Johor. Jadi adakah Kerajaan bercadang supaya Unit ini juga ditempatkan di Johor terutama sekali yang berhampiran dengan Singapura, di kawasan Penggerang iaitu kawasan pilihan-raya saya sendiri.

Tuan Sanusi bin Junid: Tuan Yang di-Pertua, buat sementara waktu kita belum mengadakan gerakan demikian di merata tempat. Walau bagaimanapun, perkara ini akan mendapat perhatian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang.

Tuan Fung Ket Wing: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 14.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Sandakan.

MALAYSIA HALL DI MELBOURNE

14. **Tuan Fung Ket Wing** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah yang beliau telah ambil sebagai menepati janji yang diberikan olehnya kepada pelajar-pelajar kita di Monash dan Melbourne bahawa beliau akan mendapatkan sebuah "Malaysia Hall" untuk memberi akomodasi kepada pelajar-pelajar Malaysia memandangkan bilangan pelajar-pelajar Malaysia di situ adalah terlalu ramai dan juga kerana sewa rumah-rumah di Australia sentiasa naik.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran sedar ramai bilangan pelajar-pelajar kita yang menuntut di Monash dan Melbourne, Australia. Secara keseluruhannya, Melbourne dan kawasan sekitarnya mempunyai bilangan pelajar-pelajar Malaysia yang paling ramai di Australia, termasuk pelajar-pelajar yang dianjurkan oleh Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan sejak tahun 1956 lagi. Pada tahun 1980 ini bilangan pelajar-pelajar kita di sana telah meningkat kepada kira-kira 3,000 orang. Pelajar-pelajar yang dianjurkan oleh Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan pula telah meningkat di antara 30 hingga 50 orang tiap-tiap tahun.

Kementerian Pelajaran juga memang sentiasa memandang berat di atas soal-soal kebajikan penuntut-penuntut kita di luar negeri. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini sedang mempertimbangkan permohonan dari Jabatan Penuntut Malaysia Sydney, Australia untuk mengadakan sebuah Dewan Malaysia di Melbourne dalam Rancangan Malaysia Keempat dengan anggaran kos sebanyak \$1,061,700. Dewan Malaysia ini dianggar mempunyai bilik di antara 30 hingga 50 dan boleh menampung di antara 60 hingga 100 orang pelajar-pelajar Malaysia.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Mengikut jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa pelajar di Australia sekarang telah meningkat kepada 3,000

orang. Jadi adakah bilangan yang diberi itu termasuk anak wakil dari Petaling dan wakil dari Seremban.

Tuan Yang di-Pertua: Ini berkehendakkan notis. Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak menjawab?

Dato' Chan Siang Sun: Ada, termasuk juga! (*Ketawa*)

PASUKAN BOMBA—RANCANGAN MEMPERBESAR

15. **Tuan Haji Hashim bin Haji Ghazali** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau sedar banyak kebakaran rumah dan sebagainya yang berlaku baharu-baharu ini tidak dapat diselamatkan oleh bomba; jika sedar apakah rancangan beliau bagi membesarkan pasukan bomba di negara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan V. Govindaraj): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa banyak kebakaran berlaku baru-baru ini. Untuk mengatasinya, Kementerian ini bercadang menambah kakitangan untuk menjalankan kerja-kerja penguatkuasa, memberi penerangan kepada orang ramai terhadap bahaya-bahaya kebakaran menerusi ceramah-ceramah, menambah kereta-kereta bomba dan juga membina Balai-balai Bomba di tempat-tempat yang perlu supaya kehadiran bomba ke tempat kebakaran lebih pantas lagi.

Kementerian mengkaji sistem ja'anraya di bandar-bandar besar sama ada perlu mengadakan pengiring motosikal atau lain-lain sistem yang sesuai, menubuhkan Bomba gotong royong, memberi seminar-seminar, mengadakan poster-poster dan di samping itu memenuhi dan mengukuhkan struktur Jabatan Bomba dari masa ke semasa.

Tuan Hashim bin Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan Kebakaran yang terjadi baharu-baharu ini kepada bangunan Bank Bumiputra nyaris 12 orang terbakar sama jika tidak diselamatkan oleh helikopter. Soalan saya, adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bangunan-bangunan tinggi yang ada di dalam negara kita ini tidak ada tangga keselamatan di sebelah luar bangunan-bangunan tinggi ini. Kedua, adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen

sedar sepatutnya bila kemalangan terjadi patut ada satu tali misalnya dibuat oleh pasukan Bomba dilepaskan ke atas supaya mereka ini dapat turun mengikut tali-tali yang berkenaan dan menyebabkan salah seorang telah mati.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau mengikut Peraturan Mesyuarat 23 (1) (d) perkara yang sudah dibincang dan bahaskan di sini tidak patut ditimbulkan lagi di sini tetapi oleh sebab Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sudah memberi jawapan ada tambahan baharu maka sudah boleh jadi. Sila jawab.

Tuan V. Govindaraj: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada apa-apa tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada apa?

Tuan V. Govindaraj: Tidak ada tambahan apa-apa. Itu soalan lain.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan itu tidak lain, ada kaitannya. (*Ketawa*).

Tuan V. Govindaraj: Saya tidak ada apa-apa tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Tambah tali sahaja! (*Ketawa*).

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita sedia maklum jikalau satu-satu bangunan itu terbakar dan bangunan itu tinggi maka kita berkehendakkan pasukan helikopter untuk menyelamatkan mereka yang terperangkap dalam masa-masa kebakaran. Soalan saya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sama ada Kementerian ini bercadang untuk mendapatkan kerjasama sama ada daripada TUDM ataupun syarikat-syarikat helikopter swasta yang ada di negara kita ini untuk mengadakan satu pakatan iaitu apabila berlaku kebakaran pihak helikopter ini boleh dipanggil untuk memberi kerjasama kepada Kementerian ini.

Tuan V. Govindaraj: Tuan Yang di-Pertua, kita ada membuat perjanjian dengan pasukan helikopter TUDM.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada menyatakan bahawa langkah-langkah untuk mengurangkan kebakaran ini ialah dengan melengkapkan lagi

kelengkapan-kelengkapan bagi mengatasi masalah tersebut. Tetapi mengapakah dalam Belanjawan bagi tahun 1981 Kerajaan telah mengurangkan perbelanjaan membeli atau melengkapkan kelengkapan-kelengkapan bagi mengatasi masalah ini daripada \$14 juta pada tahun 1980 kepada hanya \$4,030,000 sahaja pada tahun ini?

Tuan V. Govindaraj: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat itu ulang lagi sekali.

Tuan Yang di-Pertua: Sila ulang sekali lagi.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjelaskan kepada Dewan ini mengapa Kerajaan mengurangkan perbelanjaan pembangunan pada tahun 1981 pada hal beliau menyatakan Kerajaan mahu kelengkapan-kelengkapan bagi mengatasi masalah-masalah kebakaran ini, mengapa dikurangkan daripada \$14 juta pada tahun 1980 kepada hanya \$4,030,000 sahaja pada tahun 1981?

Tuan V. Govindaraj: Tuan Yang di-Pertua, memang Jabatan Bomba ada alat kelengkapan yang cukup tetapi cuma hendak tambah sahaja.

Wan Zainab binti M.A. Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang baharu ini, kalau buat bangunan tinggi-tinggi tidak bolehkah tambah banyak sedikit tangga kerana bila terjadi kebakaran boleh ikut tangga. Yang Berhormat rakan saya bertanya minta ditambah tali. Minta tali pun tidak bolehkah? (*Ketawa*).

Tuan V. Govindaraj: Boleh ditimbangkan (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Boleh ditimbangkan sahaja (*Ketawa*).

Dato' Haji Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi menerangkan pasukan bomba akan ditambah. Saya ingin mendapat tahu di antara Jalan Shaw dan Jalan Ampang adakah akan ditubuhkan pasukan bomba di Jalan Shaw sebab kejadian baharu-baharu ini sepatutnya bomba

sampai 10 minit tetapi bomba setengah jam baharu sampai. Jadi, adakah Kementerian ini bercadang hendak ditubuhkan satu unit bomba di Jalan Shaw?

Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Saya mohon izin menjawab perkara ini kerana apa yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Panti ialah berkaitan dengan kenyataan saya waktu perbincangan dalam Dewan yang lalu. Sebenarnya saya suka saya membetulkan kenyataan. Pasukan bomba yang pertama sampai daripada Jalan Shaw ke tempat kebakaran dalam kejadian itu ialah dalam masa 10 minit sahaja bukan setengah jam sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Sebenarnya dalam jawapannya tadi telah menyebut apabila berlaku kebakaran disebutkan bahawa alat-alat dan juga kereta bomba akan ditambah dan akan dibeli yang baharu. Jawapan ini telah dijawab beberapa kali bahkan semenjak tahun lepas pun telah dijawab soalan yang sama. Jadi, bilakah agaknya peralatan dan kereta-kereta bomba ini akan dibekalkan secukupnya kepada kawasan-kawasan di luar atau di kawasan bandar-bandar kecil?

Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Kementerian saya memang menimbangkan keperluan kereta-kereta bomba ini dari masa ke semasa dan ianya ditambah berdasarkan kepada keperluan itu dan berdasarkan kepada kemampuan. Sukacita saya menyatakan bahawa perkembangan ini adalah satu perkembangan yang berterusan, mungkin kereta-kereta bomba yang kita fikir menukupi pada hari ini ianya perlu ditambah pada masa yang akan datang dengan sebab pertambahan pertaburan penduduk, pertumbuhan bandar-bandar baru dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawapan Mulut telah cukup dan jawapan bagi Pertanyaan No. 16 hingga 20 adalah diberi di bawah ini.)

ROMBONGAN GALAKAN PELABURAN KE AMERIKA SYARIKAT/KANADA

16. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan tentang kemajuan

yang dicapai dalam mission perdagangannya ke Amerika Syarikat baru-baru ini dan kejayaan yang diperolehi untuk menarik minat pelabur-pelabur menanam modalnya ke negara ini.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Mission yang dimaksudkan sebenarnya ialah Rombongan Galakan Pelaburan Malaysia ke Amerika Syarikat dan Kanada yang telah diadakan dari 8hb hingga 27hb September, 1980. Rombongan ini diketuai oleh Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, dengan para anggota seramai 50 orang, 10 terdiri dari pegawai-pegawai Kerajaan dan 40 pihak swasta Malaysia.

Rombongan ini mengadakan seminar-seminar pelaburan di Vancouver, Toronto, Montreal di Kanada dan di San Francisco, Santa Clara, Chicago dan New York di Amerika Syarikat. Sejumlah 534 wakil-wakil dari perusahaan-perusahaan, institusi-institusi kewangan dan bank-bank dari Amerika Syarikat dan Kanada menghadiri seminar-seminar tersebut. Kemajuan yang dicapai oleh Rombongan tersebut ialah kejayaan memberi gambaran dan penerangan jelas kepada pelabur-pelabur dari Amerika Syarikat dan Kanada tentang peluang-peluang pelaburan dan iklim pelaburan yang menarik yang terdapat di Malaysia. Ahli-ahli pihak swasta dan pegawai-pegawai Kerajaan Malaysia juga berpeluang membuat perhubungan terus serta perbincangan dengan pengusaha-pengusaha industri dari kedua-dua buah negara tersebut yang berminat untuk membuat pelaburan di Malaysia dalam berbagai-bagai projek.

Hasil daripada Rombongan Galakan Pelaburan Malaysia ini, adalah dijangka pelabur-pelabur dari Amerika Syarikat dan Kanada akan menanam modal di Malaysia sebanyak M\$128 juta dari segi "Immediate Interest" dan lebih dari M\$1.300 juta dari segi "Potential Interest". Pelabur-pelabur dari Amerika Syarikat berminat untuk menubuhkan di Malaysia projek-projek usahasama seperti berikut:

- (i) perusahaan-perusahaan berasaskan kepada kayu (Timber-based industries);
- (ii) perusahaan-perusahaan berasaskan kepada getah (Rubber-based industries);
- (iii) perusahaan-perusahaan logam dan kejuruteraan (Metal and engineering industries);

- (iv) perusahaan-perusahaan komponen dan barang-barang letronik (Components and electronic goods);
- (v) perusahaan-perusahaan kimia (Chemical industries); dan
- (vi) perusahaan-perusahaan barang-barang mainan (Toy industries).

Pelabur-pelabur dari Kanada pula berminat untuk menubuhkan projek-projek usahasama seperti berikut:

- (i) perusahaan-perusahaan berasaskan kepada kayu;
- (ii) perusahaan-perusahaan barang-barang binaan;
- (iii) perusahaan-perusahaan kejuruteraan; dan
- (iv) perusahaan-perusahaan berasaskan kepada getah.

BEKALAN GULA/BARANG-BARANG PERLU

17. Tuan Abdul Rahman bin Daud minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah Kementerian bercadang merangka suatu langkah jangka panjang untuk mencukupkan bekalan gula dan barang-barang perlu di kawasan-kawasan luar bandar.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon): Soalan ini adalah hampir sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong dan juga Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak pada 14-10-1980 dan 3-11-1980 yang saya telah memberi jawapannya. Saya tiada apa-apa tambahan kepada jawapan itu.

PROJEK KECIL DI KAMPUNG BARU

18. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau sedar Jawatankuasa Daerah untuk Pembangunan Luar Bandar sedang menghadapi kekurangan segi kewangan yang serius dalam melaksanakan rancangan-rancangan dalam kampung baru bukan Bumiputra dan kenapa boleh terjadi demikian khususnya dalam Daerah Dinding pada tahun 1978 dan 1979.

Tuan V. Govindaraj: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan bagi projek-projek di kampung baru bukan Bumiputra adalah disalurkan melalui beberapa

agensi Kerajaan Pusat dan juga kepada Kerajaan Negeri mengikut jenis projek yang dirancang. Kementerian saya adalah satu daripada agensi Kerajaan Pusat yang terlibat dalam membantu melaksanakan projek-projek kecil di kampung-kampung baru bukan Bumiputra, tetapi tidak menetapkan jumlah peruntukan bagi tiap-tiap satu Daerah.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah diberi sebanyak \$3,976,875 di bawah peruntukan Pecahan-kepala 1 "Pemberian untuk Projek-projek di kawasan Bandar dan Majlis Tempatan". Di antara projek-projek yang dibiayai daripada peruntukan ini ialah pembinaan dan membaiki jalan-jalan di kawasan penguasa tempatan.

Bagi Majlis Daerah Dinding, Kementerian saya telah meluluskan \$2,384,845.20 di bawah geran pelancaran. Bantuan Kewangan Tahunan sebanyak \$107,500 dan ansuran pertama Geran Pelancaran sebanyak \$200,000 untuk membeli 4 buah lori sampah telah diberi kepada Majlis Daerah Dinding dalam tahun 1980. Selain dari itu, Kementerian saya telah juga diperuntukkan sejumlah \$19 juta di bawah Kepala P15 Pecahan-kepala 31, untuk menampung projek-projek kecil Kemajuan Perkampungan Rancangan Malaysia Ketiga, di mana peruntukan bagi tahun 1978 ialah \$7,456,624 dan peruntukan bagi tahun 1979 ialah \$6,923,147.

Saya ingin terangkan bahawa projek-projek kecil Kemajuan Perkampungan yang diluluskan ialah berdasarkan kepada permohonan yang diterima dari rakyat tempatan semasa lawatan ke kampung-kampung baru oleh Menteri atau Timbalan Menteri. Biasanya jika permohonan tersebut difikirkan menasabah dan berfaedah kepada sebahagian besar penduduk kampung yang berkenaan, kelulusan akan diberi. Di antara projek-projek yang pernah diluluskan ialah pembinaan atau membaiki dewan serbaguna atau bilik bacaan, membina gelanggang permainan, membaiki parit atau jalan, membina jalan, mengetar jalan, membina pagar dan sebagainya.

Peruntukan yang terlibat bagi Negeri Perak untuk tahun 1978 ialah \$1,671,689.00 dan untuk tahun 1979 ialah \$1,420,698.00. Bagi Daerah Dinding pula, peruntukan yang diluluskan di Dinding bagi tahun 1978 ialah \$46,460.00 dan 1979 \$68,150.00.

PROJEK PEMBANGUNAN KAWASAN PERMATANG PAUH

19. Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali minta Perdana Menteri menyatakan apakah projek-projek untuk Ahli Parlimen Permatang Pauh yang diperuntukkan seperti lain-lain ahli-ahli Parlimen sebanyak \$100,000 telah dibelanjakan bagi tahun-tahun 1979 dan 1980. Jika ya, sebutkan bilangan projek-projek tersebut, jenisnya, harga tiap-tiap satu dan tempat-tempat projek-projek itu telah dilaksanakan. Dan jika tidak, mengapa.

Menteri Tak Berpotfolio di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Pengiran Otman bin Haji Pengiran Rauf): Peruntukan sebanyak \$100,000 bagi melaksanakan projek-projek kecil kawasan Permatang Pauh bagi tahun 1980 meliputi sebanyak 42 buah projek telah diluluskan dan adalah terdiri daripada:

Jenis Projek	Bilangan	Kos
(a) Pembinaan titi dan jalan	12 buah	\$68,035.00
(b) Membaiki / kemudahan masjid surau dan sekolah agama	20 "	20,295.00
(c) Kemudahan padang permainan dan alat-alatan sukan ...	5 "	4,670.00
(d) Kemudahan bagi balairaya / Persatuan Belia dan lain-lain	5 "	7,000.00
Jumlah	42 "	\$100,000.00

Manakala bagi tahun 1979 pula dukacita dimaklumkan bahawa ia tidak dapat diper-timbangkan oleh kerana tiada peruntukan diberi bagi tahun itu untuk semua kawasan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagaimana yang telah saya tegaskan beberapa kali dalam Dewan ini, peruntukan kewangan seperti ini adalah tidak diberi kepada Ahli Parlimen tetapi kepada Pegawai Daerah berasaskan keutamaan dan keperluan pembangunan tempatan.

GAJI BARU KEPADA PENGARAH/ PEGAWAI LUAR RELA

20. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah Kementeriannya sedar bahawa kerja-kerja/tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan kepada Pengarah/Pegawai Luar Rela begitu berat sekali tanggungannya. Jika sedar adakah Kerajaan bercadang akan memberi

elaun/gaji mereka stabil dengan Pegawai-pegawai Kerajaan.

Tan Sri Haji Muhamad Ghazali bin Shafie: Saya sedar dan Kementerian saya telahpun mengemukakan satu cadangan sekim tangga gaji baru bagi Pegawai-pegawai Pengarah Rela Negeri, Pegawai Rela Daerah dan Penolong Pegawai Rela Daerah kepada Jabatan Perkhidmatan Awam untuk diper-timbangkan.

Jawatan Pengarah Rela Negeri, Pegawai Rela Daerah dan Penolong Pegawai Rela Daerah adalah pegawai-pegawai kontrak/ sementara. Kumpulan ini tidak termasuk di dalam penyemakan gaji baru kabinet. Insya Allah Kerajaan akan dapat menyelesaikan perkara ini dengan memuaskan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1981

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1981

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1981 dan Anggaran Pembangunan, 1981 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. (Hari Ketiga).

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Maksud B. 1 hingga B. 16 (Jadual)—

Maksud P. 8, P. 9 dan P. 10 (Anggaran Pembangunan, 1981)—

Tuan Pengerusi: Waktu Mailis ini ditangguhkan petang semalam, Ahli Yang Berhormat dari Dungun baharu memulakan per-bahasannya dan bagaimana yang saya telah umumkan semalam selepas Ahli Yang Berhormat dari Dungun, saya akan minta Yang Berhormat Menteri menjawab. Sila teruskan.

3.41 ptg.

Tuan Awang bin Jabar (Dungun): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyambung ucapan saya yang telah saya habiskan pada petang semalam selama setengah ataupun

satu minit. Petang semalam saya telah memulakan dengan menentuin Maksud Bekalan 5, Butiran 1100, Aktiviti (2), Pengambilan.

Tuan Pengerusi, Aktiviti pengambilan di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang diperuntukkan untuk gaji dan upahan bagi tahun 1981 sejumlah \$1,229,257 itu adalah bertujuan mengurus permohonan pertimbangan Lembaga permulaan dan urusan temuduga seperti menguruskan pengiklanan jawatan-jawatan kosong, penyemakan dan penapisan borang-borang permohonan supaya pemohon-pemohon yang layak sahaja dipilih. Saya mengucapkan tahniah kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang telah berjaya dalam mencapai matlamatnya itu dengan mengadakan beberapa cara termasuk Unit Khas dan Cawangan pengambilan 1 dan 2. Namun begitu, Tuan Pengerusi, saya merasakan bahawa SPA patut mengambil langkah-langkah yang perlu dalam membaiki prestasinya menerusi peruntukan 1981 ini di samping memperkecilkan angka ataupun bilangan rasa tidak puas hati yang lahir dari kalangan-kalangan pemohon-pemohon pekerjaan di negara kita ini yang tidak berjaya.

Contohnya, Tuan Pengerusi, dalam tahun 1979 jumlah permohonan yang diterima ialah 144,708 pemohon yang dipanggil temuduga ialah 20,017 pemohon. Manakala calon-calon yang diperakukan dan yang menjadi simpanan ialah 2,669 orang sahaja, sekira-kira 13+ % sahaja. Dari angka di atas Tuan Pengerusi, jelas kelihatan yang menjadi satu punca masalah sosial yang boleh menjadi beban negara kita sekarang ini adalah disebabkan penganggur-penganggur yang gagal mendapat pekerjaan dan terus bernutus asa. Hasil daripada aduan-aduan yang dibuat dan saya terima, mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat lain pun menerimanya, rata-rata mereka merasakan mereka tidak perlu dipanggil jika sekiranya kemungkinan kejayaan mereka dalam temuduga itu tipis. Bagi mengatasi masalah ini, Tuan Pengerusi, saya mencadangkan supaya SPA hendaklah mengadakan ujian pra-kelayakan bagi pemohon-pemohon. Sekiranya kerja-kerja yang memerlukan tenaga fikiran, ujian bertulis hendaklah diadakan dan sekiranya kerja-kerja atau jawatan yang memerlukan fizikal ataupun ketahanan maka ujian-ujian yang sesuai hendaklah diadakan.

Tuan Pengerusi, menyentuh Maksud Bekalan 8, Jabatan Perdana Menteri, saya ingin menyentuh Butiran 1100 di bawah

tajuk Gaji dan Upahan, Program (1), Pentadbiran Am. Di bawah Bahagian ini terdapat aktiviti Biro Terjemahan Persekutuan. Biro ini, Tuan Pengerusi, ialah menterjemah dari bahasa Malaysia ke bahasa Inggeris atau sebaliknya segala dokumen rasmi yang rahsia dan yang sulit. Memorandum-memorandum, rencana-rencana, surat-surat perjanjian kontrak-kontrak, kertas-kertas Putih Kerajaan, kertas-kertas kerja, borang-borang rasmi laporan-laporan ucapan-ucapan perutusan khas serta Titah-titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan sebagainya.

Melihat kepada peruntukan yang kecil dipinta ataupun yang diperuntukkan kepada Biro ini iaitu \$75,909 sahaja, maka saya mengesyorkan supaya peruntukan ini dikaji untuk tambahannya. Dan saya juga merasakan bahawa Biro Terjemahan Persekutuan hendaklah diperluaskan skopnya. Oleh hal yang demikian, saya mencadangkan supaya tambahan peruntukan itu dikaji semula kemudian, demi untuk kepentingan perdagangan ataupun commercial dan kontek Malaysia dengan negara-negara luar, bidang terjemahan ini hendaklah juga dibuat dari Bahasa Malaysia bukan sahaja ke bahasa Inggeris dan sebaliknya, malah juga termasuk bahasa Arab dan lain-lain bahasa.

Tuan Pengerusi, dalam Butiran yang sama saya menyentuh aktiviti (f) dalam program yang sama iaitu berkaitan dengan Urusetia Seminar/Persidangan Antarabangsa. Saya terdapat sedikit kekeliruan di mana Urusetia Persidangan Antarabangsa bila kita lihat atau teliti daripada Butiran 1100 hingga ke Butiran 3300 sepanjang tahun 1981 Urusetia Persidangan Antarabangsa diperuntukkan sejumlah wang \$1,220,100 untuk menampung 4 persidangan antarabangsa yang akan diambil bahagian oleh lebih kurang 200 buah negara dengan anggaran kertas-kertas kerja yang akan dibincangkan sebanyak 200 buah kertas kerja. Berbanding dengan tahun 1980 ini di mana peruntukan perbelanjaan bagi Urusetia Persidangan Antarabangsa ini ialah \$1,256,000 persidangan hanya satu sahaja negara yang mengambil bahagian hanya 43 dan kertas kerja 50. Jadi, di sini menampakkan kepada kita bahawa peruntukan tahun 1981 ini perlu juga kepada tambahan memandangkan kepada bilangan-bilangan persidangan antarabangsa yang dicadangkan akan diadakan di negara kita ini bertambah.

Tuan Pengerusi, sebagaimana yang kita ketahui bahawa di negara kita sekarang ini sudah banyak persiapan-persiapan seperti hotel-hotel dan motel-motel yang boleh memenuhi keperluan-keperluan persidangan di peringkat antarabangsa maka saya mencadangkan supaya urusetia ini juga untuk tahun 1981 ini boleh mengaturkan persidangan-persidangan ini di luar Kuala Lumpur seperti di Tioman, Langkawi, Tanjung Jara dan lain-lain.

Dalam Butiran yang sama, Tuan Pengerusi, saya beralih kepada Program (5), Pentadbiran Agama Islam yang sangat popular dalam perbahasan peruntukan Jabatan Perdana Menteri di peringkat Jawatankuasa ini. Saya dalam banyak hal bersependapat dengan Ahli-ahli dari Pagoh, Tanah Merah dan lain-lain yang menyerahkan beberapa saranan bagi memperbaiki prestasi dakwah dan peningkatan ummah Islamiah dalam menghadapi dekad permulaan Kurun Ke-15 Hijrah ini. Meneliti Pentadbiran Agama Islam di bawah riayah Jabatan Perdana Menteri ini, Tuan Pengerusi, ada dua institusi yang menjadi fokus kita iaitu Institut Dakwah atau INDAH dan Pusat Penyelidikan Islam. Secara ringkasnya INDAH diwujudkan bagi mencapai objektif membentuk anggota masyarakat dan kumpulan ummah yang sadar akan tanggungjawab, menyuruh berbuat kebaikan dan mencegah kemungkaran menerusi aktiviti-aktiviti dakwah cara khas atau secara umum. Memandangkan kejayaan-kejayaan yang dicapai itu hanya di Pusat INDAH di Kuala Lumpur sahaja, maka saya mencadangkan supaya sekurang-kurangnya Pusat-pusat INDAH Cawangan dibuka secara regional iaitu di Utara, Timur dan Selatan dan ini tentunya berkehendakkan tambahan pegawai-pegawai juga dalam semua Kumpulan sama ada A, B, C dan D.

Sama halnya, Tuan Pengerusi, dengan Pusat Penyelidikan Islam yang ditubuhkan dengan objektifnya untuk mengkaji dan menyelidiki masalah-masalah semasa yang dihadapi oleh masyarakat Islam di negara ini berdasarkan Islam dan memberi pandangan serta perakuan bagi mengatasi masalah tersebut.

Aktiviti Pusat Penyelidikan Islam (PPI) ini dibahagi kepada beberapa bahagian, iaitu Bahagian Akidah yang mencakupi ajaran salah, perbandingan agama, kepercayaan dan tradisi dan pelajaran serta pendidikan.

Bahagian kedua ialah Bahagian Syariah yang mengandungi perundangan, ekonomi kemasyarakatan.

Bahagian ketiga ialah Bahagian Umum yang meliputi sejarah, penapisan buku ugama dan kertas kerja.

Tuan Pengerusi, kakitangan (staff) yang diperuntukkan bagi 1981 untuk Pusat Penyelidikan Islam (PPI) ini hanyalah 49 orang terdiri daripada 26 orang dari Kumpulan A, Kumpulan B tidak ada, 14 orang untuk Kumpulan C dan 9 orang untuk Kumpulan D. Memandangkan kepada beban kerja yang berat yang kita lihat daripada apa yang saya sebutkan tadi saya mencadangkan supaya penambahan pegawai di dalam Kumpulan A kepada satu jumlah yang sesuai, begitu juga pegawai-pegawai dalam Kumpulan B yang masih kosong itu hendaklah dipenuhi dan pegawai-pegawai ini hendaklah dihantar untuk diberi kursus, sama ada di dalam atau di luar negeri. Ini amat sesuai dengan apa yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sewaktu meletakkan batu asas Kompleks Pusat Islam baru-baru ini yang menghendaki supaya kemajuan dan kegagalan umat Islam di dalam negara kita ini hendaklah diselidiki dengan sebaik-baiknya.

Tuan Pengerusi, bercakap mengenai Maksud B. 9, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia, saya ingin menyentuh Butiran 1100, Aktiviti (3) Perjawatan. Bahagian Perjawatan yang bertugas untuk menentukan wujudnya kepegawaian dan sistem pengurusan yang cekap dalam menjalankan aktiviti Kerajaan telah mewujudkan beberapa unit, termasuk Cawangan Anggaran dan Naziran yang tugasnya antara lain, menyediakan kertas untuk pertimbangan Jawatankuasa Khas bagi mengkaji jawatan-jawatan tertinggi. Saya cukup berpuas hati di atas kegiatan cawangan ini yang telah berjaya menyediakan sebanyak 1,176 kertas dalam tahun 1979 yang lalu untuk jawatan tertinggi bagi dipertimbangkan, tetapi saya ragu adakah di antara yang dipertimbangkan itu termasuk Pegawai-pegawai Tinggi Agama, sama ada di peringkat Federal ataupun di peringkat Negeri seperti Mufti-mufti, Kadikadi Besar, Pengarah Dakwah, Pengarah Pusat Penyelidikan, Setiausaha-setiausaha Jabatan Agama di negeri-negeri.

Sekarang ini, Tuan Pengerusi, apa yang saya tahu di Trengganu misalnya Mufti masih lagi duduk di Tingkatan Khas, Kadi

Besar Tingkatan I manakala Setiausaha ialah Tingkatan II. Apa yang saya difahamkan juga Pengarah Penyelidikan di Pusat Islam Tingkatan Khas, Pengarah INDAH juga Tingkatan Khas. Oleh kerana bidang tugas mereka ini besar dan kian mencabar seperti sekarang ini, saya mencadangkan supaya kedudukan dan skim gaji mereka dikaji dan diubah kepada satu skim yang sesuai.

Apa yang saya hendak cadangkan ialah seperti berikut:

Bagi Mufti-mufti seluruh negara patutlah diberi kepada

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, apa yang ada di dalam Maksud B. 9 ini ialah bagi jawatan-jawatan di Federal, jadi bagi jawatan Negeri itu Dewan Undangan Negeri, tetapi kalau Pusat Islam itu memang ada termasuk di sini.

Tuan Awang bin Jabar: Tuan Pengerusi, oleh kerana kelulusan jawatan-jawatan di peringkat Negeri pun ada kaitan dengan JPA, maka izinkan saya sentuh sedikit.

Tuan Pengerusi: Ya, tetapi tak ada minta dalam Anggaran ini—tak ada. Kalau sentuh sedikit tak apalah, saya biarkan sahaja, jangan panjang-panjang.

Tuan Awang bin Jabar: Isya Allah, saya sentuh sedikit sahaja.

Bagi Mufti-mufti, Kadi-kadi Besar dan Pengarah Dakwah itu, Mufti—saya hendak cadangkan supaya kepada Superscale F, Kadi-kadi Besar termasuk yang di Wilayah boleh dipersentuh juga kepada Superscale G, Pengarah Dakwah dan Pengarah Penyelidikan kepada Superscale G dan Setiausaha-setiausaha Jabatan Ugama kepada Tingkatan I. Saya juga mencadangkan supaya Pegawai-pegawai Ugama yang ada di FELDA, Tentera dan Polis itu sebaik-baiknya kita masukkan di bawah satu skim di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada Aktiviti terakhir dalam Butiran yang sama, iaitu Aktiviti (5) Latihan dan Kemajuan Kerjaraya. Kita berbangga kerana di bawah cawangan ini JPA telah berjaya menghantar 330 orang penuntut keluar negeri dalam tahun 1979, sama ada di UK, USA dan lain-lain tempat di dalam dunia ini dan tahun 1981 hadapan ini dianggarkan bahawa 1,180 orang lagi akan dihantar

keluar negeri oleh JPA. Satu waktu dahulu semacam heboh ataupun ribut telah timbul mengenai penglibatan penuntut-penuntut Malaysia kita di luar negeri dengan dakwah. Saya merasa sepanjang penglibatan penuntut-penuntut kita dengan dakwah dalam suasana yang terbuka kepada berbagai-bagai aliran dan ideologi terbuka dan terdedah kepada perkara-perkara yang boleh meruntuhkan keperibadian yang luhur, maka penglibatan mereka dengan dakwah adalah sesuatu perkara yang dirasakan baik, sekurang-kurangnya mereka tidak menganut ideologi komunis, tidak melakukan maksiat, tidak menghabiskan masa di nightclub dan sebagainya. Tinggal lagi yang membimbangkan kita ialah salah faham di dalam tanggapan (approach) mengenai beberapa masalah pokok dan dasar mengenai keislaman itu sahaja yang boleh memesongkan penuntut-penuntut kita daripada garisan yang sebenar. Untuk hal itu oleh kerana JPA sendiri banyak menghantar penuntut keluar negeri, maka Bahagian ini tidaklah memadai dengan hanya mengadakan kursus-kursus orientasinya sahaja malah usaha-usaha lain juga hendaklah dibuat. Untuk itu saya mencadangkan supaya JPA mewujudkan Pegawai-pegawai Dakwahnya sendiri di Pusat-pusat Pelajar yang besar di luar negeri seperti di New York, London, Birmingham dan lain-lain.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan yang diperuntukkan kepada Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

3.58 ptg.

Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah turut membahas dan menyokong cadangan perbelanjaan tahun 1981 bagi Jabatan Perdana Menteri yang berjumlah \$1,027,454,898 yang telah dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini. Sebanyak 14 Ahli Yang Berhormat yang turut bercakap mengenai perkara ini dan untuk menjimatkan masa saya tidak bertujuan untuk menulas satu persatu perkara-perkara yang telah dibangkitkan, lebih-lebih lagi ada daripada perkara-perkara yang dibangkitkan itu pernah diberi ulasan di masa dalam soal-jawab

di dalam Dewan yang mulia ini. Walau bagaimanapun, saya akan cuba memberi penjelasan atas beberapa perkara yang penting.

Yang mula-mula bercakap ialah Yang Berhormat dari Tumpat. Beliau menarik perhatian atas laporan odit terhadap beberapa agensi Kerajaan adalah lambat untuk dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini. Perkara ini adalah disedari oleh pihak Kerajaan, oleh sebab itu baru-baru ini Kerajaan telahpun mengambil beberapa langkah untuk mengatasi perkara tersebut. Kerana kerja-kerja mengaudit akaun jabatan-jabatan Kerajaan merupakan satu tugas yang agak rumit maka ianya terpaksa mengambil masa sedikit. Lebih-lebih lagi ianya perlu dijalankan dengan teliti dan berhati-hati. Untuk mempercepatkan lagi kerja-kerja mengaudit pegawai-pegawai bagi Jabatan Odit akan ditambah dan beberapa langkah pentadbiran juga sedang dibuat misalnya meminta Jabatan-jabatan Kerajaan menyiapkan kira-kira mereka dalam masa yang ditentukan antara 6 bulan hingga 9 bulan supaya pihak Odit dapat menjalankan tugas mereka dengan lebih awal.

Mengenai dengan keselamatan di Jabatan-jabatan Kerajaan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu, langkah-langkah sedang diambil oleh pihak Kerajaan untuk memastikan fail-fail rahsia Kerajaan tersimpan dengan selamatnya. Peraturan-peraturan tertentu akan dibuat untuk menentukan perkara-perkara rahsia tidak terdedah kepada orang-orang yang tidak bersangkutan terutama sekali anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab. Kerajaan juga akan bertindak tegas terhadap pegawai-pegawai atau mana-mana pihak yang telah melanggar Akta yang berkenaan. Dalam tahun 1981 pengambilan pegawai-pegawai keselamatan akan ditambah dan semua Jabatan Kerajaan termasuk pejabat-pejabat kedutaan Malaysia di luar negeri adalah dikehendaki mengambil langkah-langkah keselamatan yang lebih berkesan lagi.

Yang Berhormat dari Petaling dan Yang Berhormat dari Kota Melaka telah menyentuh mengenai kegiatan yang dijalankan oleh Jabatan Rukun Tetangga dan Perpaduan Negara, sebagai kurang berkesan dan memerlukan penyelidikan. Untuk makluman Yang Berhormat itu kajian-kajian dan penyelidikan-penyelidikan yang berkaitan memangpun telah dijalankan oleh Jabatan berkenaan

dari masa ke semasa. Program-program perpaduan yang dijalankan oleh Jabatan ini adalah juga berdasarkan kepada hasil kajian-kajian yang dijalankan. Adalah tidak wajar bagi Ahli-ahli Yang Berhormat itu memperkecil-kecilkan kegiatan-kegiatan Jabatan ini menjalankan usaha-usahnya mengujudkan perpaduan kaum di negara ini. Melalui Jabatan Rukun Tetangga dan Perpaduan Negara Kerajaan telah membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk membiayai kegiatan-kegiatan yang boleh mengeratkan lagi perpaduan rakyat seperti kelas-kelas perpaduan rakyat, pertukaran murid-murid sekolah, lawatan-lawatan, sukan-sukan rakyat dan lain-lain lagi. Perlu diingatkan iaitu usaha-usaha untuk menyatupadukan rakyat adalah memerlukan penglibatan semua penduduk negara ini. Oleh itu kejayaan yang akan dicapai banyak bergantung kepada kesanggupan dan penyertaan rakyat sendiri. Ahli-ahli Yang Berhormat itu sendiri apabila mengemukakan soalan-soalan dalam Dewan yang mulia ini banyak membabitkan perkara-perkara yang berkait dengan bangsa yang boleh mengelirukan rakyat. Saya rasa masanya sudah sampai bagi kita khasnya pemimpin-pemimpin membuat ulasan-ulasan atas perkara-perkara yang ada hubungannya dengan masyarakat dikaitkan dengan keadaan masyarakat itu sendiri seperti "masyarakat tani" "masyarakat miskin", "masyarakat mundur dan seagainya". Saya ingin menjelaskan di sini peristiwa "Batu Pahat" tidak ada kaitannya dengan perpaduan negara.

Yang Berhormat dari Petaling juga mengatakan perkara mengenai petroleum tidak mendapat penjiagaan yang memuaskan oleh Kerajaan. Dakwaan itu tentu tidak berasas. Petroleum telah diletak di bawah pengawasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri, maka itu membuktikan pandangan berat Kerajaan terhadap perkara ini. Sebenarnya Bahagian Kemajuan Petroleum (BKP) telahpun diwujudkan di Jabatan Perdana Menteri yang bertugas khas mengawasi PETRONAS dalam industri ini. PETRONAS adalah mempunyai pakar-pakarnya dalam bidang Petroleum yang bertanggungjawab berkenaan perkara-perkara "teknikal" dan mereka ini sentiasa bekerja rapat dengan Bahagian Kemajuan Petroleum di Jabatan Perdana Menteri. Oleh itu Kerajaan tidaklah perlu mengadakan "Parliamentary Standing Committee" bagi mengawasi sumber-sumber minyak negara ini.

Biro Siasatan Negara (NBI) telah juga disentuh oleh Yang Berhormat itu dan dikatakannya kurang cekap kerana skim perkhidmatan dan gaji pegawai-pegawainya tidak memuaskan. Seperti juga perkhidmatan-perkhidmatan awam yang lain skim perkhidmatan Biro Siasatan Negara telah juga diperbaiki berikutan dengan laporan Jawatankuasa Kabinet (C.C.R.) mengenai gaji seperti yang diterangkan beberapa kali dalam Dewan yang mulia ini. Biro Siasatan Negara telah menjalankan tugasnya dengan penuh tanggungjawab dan tanpa pilih kasih sama ada yang berkenaan pegawai-pegawai Kerajaan, orang-orang politik ataupun orang-orang awam. Perlu diingatkan Biro Siasatan Negara hanya akan dapat membawa satu-satu kes itu ke mahkamah pengadilan setelah mempunyai bukti-bukti yang lengkap dan nyata. Ini adalah perlu untuk memastikan keadilan pada yang berkenaan.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Satu lagi perkara yang disentuh oleh Yang Berhormat itu ialah mengenai kebebasan beragama yang telah dikaitkannya dengan pembinaan patung Kuan Yin di Pulau Pinang. Sungguhpun perkara ini berkaitan dengan ugama tetapi terdapat juga masalah keselamatan negara. Mungkin perkara ini akan dapat dijelaskan secara lebih mendalam nanti oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Walau bagaimanapun, ingin saya mengingatkan Yang Berhormat itu mengenai Perkara 3 dalam Perlembagaan, dengan izin, "Islam is the religion of the Federation; but other religions may be practised in peace and harmony in any part of the Federation". Dalam Perlembagaan Persekutuan susunan perkara 3 adalah terawal dari perkara ke-11 yang menjadi asas dakwaan Yang Berhormat itu. Perkara 11, Fasal (5) berbunyi (mohon izin) "This article does not authorise any act contrary to any general law relating to public order, public health or morality". Ini adalah jelas perkara 11 tidak memberikan kebebasan yang "absolute" atau sewenang-wenangnya atas alasan kebebasan beragama. Seajar dengan semangat perlembagaan (spirit of the law) saya berpendapat apabila seseorang memboikotkan kebebasan beragama kedua-dua perkara 3 dan 11 hendaklah diambil kira dan diselaraskan. Kesimpulannya di samping Kerajaan memastikan kebebasan beragama di negara ini

Kerajaan juga bertanggungjawab mengekalkan ketenteraman rakyat dan keselamatan negara.

Yang Berhormat itu sendiri mungkin sedar kebebasan beragama di negara ini mungkin tidak dapat dinikmati oleh penduduknya tanpa terlebih dahulu tidak dapat mewujudkan keamanan di dalam negara. Bebas beragama adalah satu perkara, dan kebebasan untuk mendirikan rumah-rumah ibadat adalah satu perkara yang lain. Kalau seseorang saja mendirikan rumah-rumah ibadat (Masjid, Gereja atau Patung) sewenang-wenangnya tanpa mengira kesesuaian, tanah orang atau gangguan pada orang lain dan sebagainya adalah sangat merbahaya. Oleh itu kebebasan beragama hendaklah juga berdasar kepada peraturan-peraturan hidup bermasyarakat. Saya yakin masyarakat kita sentiasa bertolak ansur untuk memastikan keharmonian rakyat dan kestabilan negara. Saya suka menarik perhatian agar perkara ini tidak diperbesar-kan oleh mana-mana pihak tanpa mengira akibatnya kelak. Tindakan jawatankuasa pembinaan patung tersebut harus dipuji dan dihargai atas sikap matang mereka telah dengan sukarela bertolak ansur dalam hal ini.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Tanah Merah menyuarakan skim dalam Perkhidmatan Pelajaran kurang memuaskan. Untuk makluman Yang Berhormat itu Ketua Pengarah Pelajaran adalah sama grednya dengan misalnya Ketua Pengarah Kesihatan. Tindakan juga telah dibuat untuk menaikkan gred jawatan-jawatan guru-guru besar di seluruh negara mengikut yang sesuai. Pada masa ini tindakan sedang diambil untuk mengkaji gred jawatan-jawatan Pengarah Pelajaran Negeri dan jawatan-jawatan kanan di Kementerian Pelajaran. Kenaikan pangkat guru-guru, pengesahan jawatan dan pengujudan jawatan-jawatan baru adalah juga mengikut peraturan-peraturan tertentu seperti mana juga yang diamalkan oleh perkhidmatan-perkhidmatan lain.

Yang Berhormat dari Kangar dan beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain telah memuji Suruhanjaya Pilihanraya kerana melancarkan pendaftaran pemilih yang berpadu (integrated registration system) saya mengucapkan banyak terima kasih atas pandangan itu. Ini adalah merupakan pengalaman pertama dan sebarang kelemahan-kelemahan yang timbul akan diperbaiki. Soal hendak mengubah borang kertas penamaan calon belum dapat ditimbang kerana

borang yang ada sekarang adalah memuaskan. Perlantikan kakitangan sementara dan sebarang perlantikan yang dibuat oleh Suruhanjaya itu untuk menjalankan kerja-kerja pendaftaran dan lain-lain tugas pilihanraya adalah terdiri dari pegawai-pegawai dan orang-orang yang boleh dipercayai. Sekiranya pengaduan-pengaduan diterima mengenai sebarang penyelewengan ianya akan disiasat dan diambil tindakan. Walau bagaimanapun, undang-undang yang berkaitan dengan pilihanraya membolehkan calon untuk membawa perkara yang ia tidak puas hati ke mahkamah. Pendaftaran pemilih yang berpadu ini akan diteruskan dan tempoh masa yang ditentukan adalah difikirkan mencukupi.

Menyentuh tentang komen Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar mengenai sistem pendaftaran berpadu, pendaftaran pemilih selama 42 hari yang dijalankan baru-baru ini adalah perlu saya tegaskan bahawa tidaklah adil bagi Ahli Yang Berhormat itu mengeluarkan pendapat bahawa pendaftaran itu tidak berkesan kerana pendaftaran pemilih yang dilaksanakan baru-baru ini jika dibandingkan dengan pendaftaran yang diadakan pada tahun yang lalu adalah mendapat sambutan dua setengah kali ganda lebih besar dan 520,000 pemohon telah didaftarkan.

Ahli Yang Berhormat itu telah membuat tuduhan tentang tiadanya pegawai di pusat statik, tidak ada lawatan dari rumah ke rumah dijalankan dan sebagainya. Jika tidak ada itu ataupun tidak ada ini seperti yang didakwakan oleh Ahli Yang Berhormat itu bagaimanakah pula dengan angka yang besar pendaftaran yang dibuat melalui pusat-pusat statik dan juga dari lawatan-lawatan dari rumah ke rumah dapat tercapai? Dari angka yang diberikan itu sebanyak 201,233 mendaftar di pusat statik dan 322,615 orang mendaftar menerusi pegawai-pegawai yang bertugas dari rumah ke rumah dan unit bergerak. Suruhanjaya telah berikhtiar menghapuskan sikap apathi (apathy) segolongan besar masyarakat kita yang tidak ingin menggunakan hak sebagai pemilih yang diberikan oleh Perlembagaan kepada mereka. Di dalam melancarkan gerakan yang melibatkan orang ramai di seluruh negara seperti ini banyak faktor penghalang akan terpaksa dihadapi dan ditemphi. Dalam hal ini sikap apathi segolongan rakyat adalah menjadi satu penghalang yang besar di dalam mencapai

kejayaan yang lebih besar. Seberapa banyakpun publisiti yang diberikan tidaklah akan secara automatik menggerakkan kemahuan orang-orang yang berkenaan untuk menggunakan haknya.

Ahli Yang Berhormat itu sedia maklum tiap-tiap hari TV Malaysia ada memainkan filem mengenai pendaftaran atau tiap-tiap hari Radio Malaysia melalui berbagai saluran ada memberitahu atau memberi pengertian kepada orang ramai tentang pendaftaran yang sedang dilakukan. Sepanduk-sepanduk dan poster-poster ditampal di merata-rata tempat di seluruh pelusuk tanahair. Suruhanjaya Pilihanraya bukannya tidak sedar terdapat sedikit sebanyak kelemahan di dalam pelaksanaan sistem berpadu itu dan seperti saya katakan tadi ini adalah pengalaman yang pertama dan mana-mana kelemahan akan kita perbaiki di masa yang akan datang.

Mengenai dengan pengambilan kakitangan awam yang juga telah disentuh oleh Yang Berhormat dari Kangar itu, dalam mengisi satu-satu kekosongan pemohon-pemohon dari mereka yang belum mempunyai sebarang jawatan sentiasa diutamakan. Namun demikian, kesesuaian, kelulusan dan pengalaman juga diutamakan. Dan walau bagaimanapun, pegawai-pegawai yang sudah bertugas patut juga diberi peluang untuk "naik pangkat" dalam mengisi jawatan tertentu sebagai satu inisiatif dalam perkhidmatan.

Keperluan mengadakan kursus-kursus untuk peniaga-peniaga kecil juga telah disuarakan. Dalam hal ini rancangan-rancangan latihan dan khidmat bimbingan kepada peniaga-peniaga kecil telah dianjurkan di seluruh negara dan ini akan diteruskan di masa hadapan dengan tujuan menambah pengetahuan serta mempertingkatkan lagi prestasi golongan ini. Banyak agensi yang mengambil bahagian dalam penganjuran latihan ini seperti MARA, Pusat Daya Pengeluaran Negara, Unit Khidmat Bimbingan (PERNAS EDAR) dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Suka juga dinyatakan di sini bahawa sumbangan dari bank-bank seperti Bank Bumiputra dan Malayan Banking dalam menjalankan kursus-kursus setakat ini adalah sangat menggalakkan. Kerajaan berharap lebih banyak lagi firma-firma tempatan seperti bank-bank akan memberikan sumbangan mereka terhadap usaha-usaha ini. Kursus-kursus ini adalah amat berfaedah dan ianya telah memperluaskan lagi pengetahuan asas peniaga-peniaga kecil mengenai selok-belok

menjalankan perniagaan, perakaunan, pengurusan, peraturan-peraturan dan kemudahan-kemudahan bank. Golongan peniaga-peniaga kecil yang terlibat ialah penjaja-penjaja, pekedai-pekedai runcit, kedai-kedai gunting rambut, pemborong, pengusaha-pengusaha bengkel dan kenderaan dan lain-lain lagi.

Tuan Pengerusi, beberapa Ahli Yang Berhormat telah bangun mengeluarkan hujah-hujah mereka mengenai pentadbiran dan juga penyelarasan agama Islam di negara ini termasuklah Yang Berhormat dari Pagoh, Ahli Yang Berhormat dari Dungun, Yang Berhormat dari Sungai Petani dan Yang Berhormat dari Pantii. Kerajaan sedar atas masalah-masalah yang dihadapi, maka itu Kerajaan berusaha sedaya upaya memperbaiki keadaan yang ada. Antara perkara-perkara yang membimbangkan dan diambil perhatian ialah ajaran-ajaran yang tidak betul atau songsang, fatwa-fatwa yang berbeza-beza, kegiatan-kegiatan dakwah dan pelajaran keagamaan yang kurang memuaskan.

Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat mungkin sedia maklum Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan kegiatan-kegiatan dan pentadbiran agama Islam adalah dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri. Masalah-masalah yang tersebut telahpun dibawa kepada pengetahuan Kerajaan-kerajaan Negeri dan telah dibincangkan dengan mendalam dalam persidangan-persidangan Ketua-ketua Jabatan Agama di beberapa buah negeri. Jabatan Perdana Menteri yang bertugas sebagai penyelarasan sentiasa berhubung rapat dengan Kerajaan-kerajaan negeri dan beberapa masalah telahpun dapat diatasi. Kerjasama ini akan diteruskan dan Kerajaan berharap masalah-masalah berkaitan akan berkurangan. Perkara-perkara seperti Tabung Haji, kegiatan-kegiatan dakwah Islamiah, ajaran-ajaran yang salah telah banyak ditimbulkan dalam masa soal jawab dalam Dewan yang mulia ini dan telahpun diberikan jawapan-jawapan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Saya tidaklah berniat untuk mengulangi lagi apa yang telah dihuraikan dalam jawapan-jawapan berkenaan. Penyelarasan agama Islam di seluruh negara adalah memang amat penting, maka itu Kerajaan telah membelanjakan berjuta-juta ringgit ke arah pencapaian matlamat ini.

Yang Berhormat dari Kuala Kedah telah menimbulkan dua perkara iaitu beliau mencadangkan mesyuarat Parlimen mengadakan

persidangannya sehari suntuk pada tiap-tiap hari dari pagi hingga petang, seperti di masa lalu, manakala Yang Berhormat dari Pantii pula mencadangkan Dewan bersidang pada waktu pagi sahaja. Saya berterima kasih atas cadangan-cadangan itu. Tetapi buat pada masa ini Kerajaan berpendapat perjalanan masa Dewan bersidang sekarang adalah memuaskan. Ini ialah kerana memandangkan Menteri-menteri mempunyai tugas yang banyak yang menghendaki mereka meneruskan tugas-tugas seharian supaya tidak ketinggalan atau tergendala. Tugas-tugas Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri di pejabat dan luar pejabat termasuk melayani rakyat yang datang dari jauh perlu dititikberatkan, maka masa itu terpaksa di bahagi-bahagikan untuk dapat menjalankan tugas-tugas yang beraneka bentuk dan rupa itu. Persidangan diadakan di sebelah petang ialah untuk membolehkan masa bersidang dipanjangkan hingga jauh malam jika difikirkan perlu. Walau bagaimanapun cadangan Ahli Yang Berhormat itu dihargai untuk kajian masa depan.

Yang Berhormat dari Kuala Kedah juga mengesyorkan supaya Rukun Tetangga diadakan di kampung-kampung kerana menurut beliau di kampung-kampung juga terdapat kegiatan-kegiatan jenayah seperti mencuri. Inginlah saya maklumkan di sini iaitu di luar-luar bandar seperti di kampung-kampung Kerajaan ada menubuhkan pasukan-pasukan penjaga keselamatan yang diberi nama RELA. Tugas anggota RELA adalah serupa dengan tugas Rukun Tetangga. Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung juga bertugas untuk membantu menjaga keselamatan di kampung-kampung. Oleh itu Rukun Tetangga tidak perlu diperluaskan di kampung-kampung. Rukun Tetangga menjalankan rondaan di bandar-bandar samalah juga seperti RELA mengadakan rondaan di kampung-kampung.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Baling menyuarakan keraguan beliau mengenai tafsiran pemimpin-pemimpin Kerajaan berhubung dengan ancaman ke atas keselamatan negara. Yang Berhormat itu bersetuju komunisma dan komunalisma boleh dianggap atau diambil kira mengancam keselamatan negara manakala penyalahgunaan dadah dan ajaran-ajaran agama songsang tidak dianggap mengancam keselamatan negara. Apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat itu adalah

merupakan pendapat beliau. Pada pendapat Kerajaan apa saja kegiatan yang boleh mengancam ketenteraman rakyat dan keamanan negara adalah boleh mengancam keselamatan negara. Penyalahgunaan dadah yang melibatkan beribu-ribu atau beratus-ratus ribu rakyat boleh menimbulkan satu suasana yang tidak diinginkan dan merosakkan rakyat jelata. Kegiatan-kegiatan yang tidak sihat juga boleh menjadi berleluasan akibat dadah termasuklah kegiatan-kegiatan jenayah dan rompak samun. Di samping itu seluruh masyarakat akan dijangkiti penyakit masyarakat yang amat merbahaya ini dan masa depan masyarakat keseluruhannya akan terancam dan menjadi gelap. Peristiwa yang berlaku di Batu Pahat di mana Balai Polis diserang beramai-ramai oleh pengikut-pengikut sekumpulan ajaran agama yang tidak sihat adalah juga merupakan ancaman terhadap orang ramai. Keselamatan awam telah tergugat dan pergolakan boleh merebak menjadi besar, melibatkan beberapa nyawa terkorban dan penderitaan kepada orang-orang yang tidak bersalah. Oleh itu adalah difikirkan kedua-duanya adalah sama bahayanya dengan komunisma dan komunalisma yang mana Kerajaan perlu bertindak wajar untuk membendungkannya.

Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar menyebut beberapa perkara termasuk sistem "makluman balas" untuk mengawasi dan mengesan projek-projek pembangunan. Sebenarnya Jabatan Perdana Menteri sudahpun mempunyai satu sistem yang menggunakan alat komputer untuk mengesan dan mengawasi projek-projek pembangunan di seluruh negara. Sistem ini telah berjalan sejak beberapa tahun yang lalu dan ianya didapati sangat berfaedah dan berkesan mengawasi dan mengesan perjalanan projek-projek pembangunan. Sistem yang ada sekarang ini akan diperbesar dan dikemaskan lagi dalam menghadapi Rancangan Pembangunan Malaysia Yang Keempat. Dengan adanya sistem ini Kerajaan dapat mengesan projek-projek yang gagal atau projek-projek yang lambat dilaksanakan dan dapat bertindak segera mengatasi masalah-masalah yang dihadapi. Sistem ini juga dapat memberikan maklumat segera projek-projek yang telah dilaksanakan oleh prestasi kejayaan yang telah dicapai. Kedudukan mana-mana projek yang sedang dalam pembinaan dapat diketahui bila-bila

masa dikehendaki dan projek-projek yang sudah siap juga dapat disenaraikan dengan segera. Sistem ini memang amat berguna dalam menentukan strategi pembangunan negara. Menerusi data-data penting yang tersimpan, dapatlah Kerajaan merangka atau merancang pembangunan negara dengan lebih licin dan teratur untuk memenuhi kehendak rakyat dan negara. Mengenai dengan Unit Perancangan dan Pemodenan Tenaga Manusia (MAMPU), Unit ini sedang mengambil beberapa langkah untuk memperkemas lagi jentera-jentera pentadbiran dan pembangunan Kerajaan di semua peringkat.

MAMPU juga telah memperkenalkan sistem pengkhususan kerja dalam perkhidmatan awam. Pengkhususan kerja telah dijalankan dalam perkhidmatan ikhtisat. Dalam bidang pentadbiran awam pengkhususan sedang dilaksanakan dalam P.T.D. untuk mewujudkan perkhidmatan pentadbiran yang bertaraf professional.

Bidang pengkhususan itu adalah seperti berikut:

- (1) Pentadbiran Personal
- (2) Pentadbiran Kewangan
- (3) Pentadbiran Ekonomi
- (4) Pentadbiran Daerah/Tanah dan Kerajaan Tempatan
- (5) Pentadbiran Sosial
- (6) Pentadbiran Keselamatan dan Kertahanan Negara
- (7) Pentadbiran Hubungan Luar Negeri dan diplomasi

Adalah menjadi hasrat Kerajaan pengkhususan ini boleh meningkatkan lagi kemampuan pegawai-pegawai Kerajaan untuk berkhidmat dengan lebih berkesan lagi.

Kerajaan sedar akan masalah-masalah kecil dan kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam beberapa agensi-agensi Kerajaan dan berazam untuk memperbaikinya. Pada keseluruhannya tidak dapat dinafikan perkhidmatan awam negara ini adalah antara yang terbaik di dunia sebelah sini sehingga ada negara-negara lain yang berminat mengambil contoh dari pengalaman-pengalaman dan sistem pembangunan di negara ini. Jentera pembangunan kita telah berjaya melaksanakan projek-projek pembangunan dengan memuaskan.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Kota Melaka telah bertanya bilakah Rang Undang-undang mengenai hak asasi manusia diadakan. Kerajaan tidak bercadang mengadakan rang undang-undang yang dimaksudkan itu kerana Perlembagaan Persekutuan mempunyai peruntukan yang cukup untuk menjamin hak asasi semua rakyat di negara ini. Saya harap Yang Berhormat itu membaca dengan teliti Perlembagaan berkenaan yang menjadi asas lahirnya negara kita yang tercinta ini. Mahkamah-mahkamah yang sudah ada di negara ini boleh membicarakan kes-kes yang timbul maka itu memang tidak perlu untuk mengadakan lagi mahkamah khas untuk membicarakan kes-kes hak asasi manusia.

Untuk makluman Yang Berhormat dari Pantar, peruntukan sebanyak \$305 juta diuntukkan kepada jalan-jalan luar bandar dalam Belanjawan yang dibentangkan adalah untuk tahun 1981 sahaja. Peruntukan ini ditambah tahun demi tahun dalam Rancangan Malaysia Keempat. Kuasa untuk menentukan keutamaan projek-projek pembangunan di daerah-daerah adalah tidak bijak kalau diserahkan bulat-bulat pada Ahli-ahli Yang Berhormat kawasan berkenaan. Projek-projek yang di laksanakan ada baiknya dibincangkan dalam "Jawatankuasa Tindakan Daerah" supaya ianya dapat difikirkan bersama oleh semua yang berkenaan. Walau bagaimanapun pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat atau wakil-wakil rakyat yang membina dalam perkara ini adalah diambil perhatian oleh pihak Kerajaan.

Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat itu kerana mengesyorkan supaya peruntukan-peruntukan untuk Parlimen dan untuk bantuan banjir ditambahkan lagi. Perkara ini akan dibuat apabila masa dan keadaan memerlukannya nanti. Cadangan Yang Berhormat supaya jalan-jalan kampung dibubuhkan tar dengan segera, perkara ini adalah dalam perhatian Kerajaan. Kerajaan berharap akan dapat mengetarkan semua atau seberapa yang boleh jalan-jalan luar bandar dalam Rancangan Malaysia Keempat nanti. Jalan-jalan ini memang penting kerana ianya menjadi 'nadi' kepada pengeluaran hasil negara.

Yang akhir bercakap mengenai perkara-perkara yang di bawah Jabatan Perdana Menteri ialah Ahli Yang Berhormat dari

Dungun. Beliau menyentuh tentang pengambilan kakitangan Kerajaan di mana banyak pemohon-pemohon tidak puas hati kerana tidak dapat ditemuduga. Beliau juga menyentuh iaitu masalah masa hadapan yang agak besar ialah kerana banyaknya pemudapemuda kita yang tidak mendapat pekerjaan.

Menyentuh tentang pemohon-pemohon yang tidak berpuas hati, saya harap Ahli Yang Berhormat itu dapat memahami keadaan yang sebenarnya. Daripada beberapa jawatan yang kita iklan, kita telah menerima beratus-ratus malahan beribu-ribu permohonan. Oleh itu tentulah tidak sesuai jikalau semua pemohon-pemohon itu ditemuduga sedangkan pemohon-pemohon yang kita temuduga yang terbatas itu pun mengambil masa yang panjang iaitu untuk menjalankan kerja-kerja temuduga.

Mengenai dengan belia-belie kita yang tidak mempunyai pekerjaan memanglah menjadi harapan dan hasrat Kerajaan untuk mengadakan lebih banyak peluang-peluang pekerjaan di sektor awam, di jabatan-jabatan Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan yang lain. Namun demikian jika dibanding dengan negara-negara lain di rantau ini, negara kita memanglah sangat bernasib baik kerana peratusan pengangguran di negara ini adalah rendah jika dibanding dengan negara-negara yang lain termasuk negara-negara yang sudah membangun.

Yang Berhormat itu juga telah menyentuh mengenai skim perkhidmatan untuk Mufti-mufti, Kadi-kadi dan Pegawai-pegawai Ugama yang berada di seluruh negara ini. Seperti yang kita sedia maklum perkara ugama adalah di bawah jagaan negeri masing-masing. Walau bagaimanapun perkara ini boleh diambil perhatian oleh Kerajaan. Kerajaan akan berazam untuk menyelaraskan kakitangan Kerajaan di seluruh negara ini termasuklah pihak mereka yang bekerja sebagai polis atau tentera ataupun perkhidmatan awam yang lain seperti juga perkhidmatan-perkhidmatan dalam bidang keugamaan.

Tuan Pengerusi, saya rasa telah mengambil masa yang panjang juga dalam memberikan penerangan-penerangan perlu terhadap hujah-hujah dan pandangan-pandangan yang telah disuarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Mana-mana perkara yang telah dikemukakan tetapi tidak sempat saya jawab inilah saya memberi jaminan semua perkara-perkara yang timbul dalam perbahasan ini akan dikaji oleh Kerajaan dan mana-mana cadangan yang membina yang bersesuaian akan diambil perhatian untuk pertimbangan atau tindakan Kerajaan. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih dan memberi penghargaan yang tinggi atas semua pandangan-pandangan dan buah fikiran yang telah disumbangkan terhadap Jabatan Perdana Menteri.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$13,503,300 untuk Maksud B. 1; \$254,500 untuk Maksud B. 2; \$18,028,800 untuk Maksud B. 3, \$6,929,100 untuk Maksud B. 4; \$4,260,600 untuk Maksud B. 5; \$183,400 untuk Maksud B. 6; \$2,421,300 untuk Maksud B. 7; \$253,048,600 untuk Maksud B. 8; \$144,379,500 untuk Maksud B. 9; \$24,014,400 untuk Maksud B. 10; \$1,088,800 untuk Maksud B. 11; \$3,049,000 untuk Maksud B. 12; \$36,175,500 untuk Maksud B. 13; \$11,994,100 untuk Maksud B. 14; \$2,870,300 untuk Maksud B. 15 dan \$2,172,100 untuk Maksud B. 16 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$79,292,598 untuk Maksud P. 8 dan \$17,000,000 untuk Maksud P. 10 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1981.

Maksud B. 17, B. 18, B. 19, B. 20, B. 21, B. 22 dan B. 23 (Jadual)—

Maksud P. 17, P. 19, P. 20, P. 21 dan P. 22 (Anggaran Pembangunan, 1981)—

Tuan Pengerusi: Sekarang peruntukan-peruntukan di bawah Maksud B. 17 hingga B. 23 dan juga di bawah Maksud P. 17, P. 19, P. 20, P. 21 dan P. 22 terbuka untuk dibahas. Saya jemput Yang Berhormat dari Kulim-Bandar Baharu.

4.37 ptg.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim-Bandar Baharu): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk memberi pandangan mengenai Maksud Pembangunan P. 17 Butiran 13, 14, 16 dan 17 keseluruhannya iaitu mengenai peruntukan-peruntukan yang telahpun diberi kepada Kementerian yang berkenaan mengenai soal-soal berkaitan dengan perumahan.

Tuan Pengerusi: Muka berapa Yang Berhormat?

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Muka 122. Tuan Pengerusi, sebagaimana yang kita sedia maklum, soal perumahan memang sudahpun menjadi satu soal pokok dalam negara ini. Oleh sebab soal perumahan rakyat sudahpun menjadi satu soal pokok maka saya rasa soal ini patut dijadikan juga sebagai satu soal pokok yang harus dihadapi oleh pihak Kerajaan. Oleh sebab perkara ini begitu rumit sekali dan selalu diperbincang-bincangkan di merata-rata, maka saya fikir haruslah Kerajaan sendiri berkecimpung secara langsung dalam perusahaan pembinaan rumah-rumah ini.

Perkara ini adalah terlalu besar untuk diserahkan sahaja kepada pihak swasta sebagaimana yang berlaku sekarang ini dan oleh sebab itu saya rasa peruntukan yang dipohon iaitu sebanyak \$96 juta lebih kurang untuk memberi secara pinjaman kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk membina perumahan awam itu memang adalah satu angka yang terlalu kecil dan saya rasa seharusnya pihak Kementerian ini memohon peruntukan yang agak lebih ganda lagi untuk berkecimpung secara langsung dalam soal pembinaan rumah, iaitu yang dipohon di sini sebanyak \$1 juta sahaja.

Dengan ini saya mengucapkan tahniah kepada pihak Timbalan Menteri Kementerian yang berkenaan di atas baharu-baharu ini di mana beliau mendapat persetujuan dari Kerajaan-kerajaan Negeri supaya pihak Jabatan Perumahan dalam Kementerianannya akan menjadi ajen untuk melaksanakan pembinaan rumah kos rendah di negeri-negeri mulai dari sekarang. Cuma saya rasa yang seelok-eloknya ialah supaya Kerajaan menubuhkan satu Lembaga Perumahan Negara sebagai satu badan yang berkanun dengan kuasa-kuasa yang cukup dan penuh untuk mengambil bahagian secara langsung dalam pembinaan rumah-rumah bukan sahaja pembinaan rumah-rumah kos rendah tetapi juga kos-kos pertengahan dan juga rumah-rumah mahal. Saya rasa dengan adanya Lembaga Perumahan Negara, maka pihak Kerajaan bukan sahaja dapat memimpin dan juga membimbing pihak swasta dalam soal-soal segala-galanya yang berkaitan dengan perumahan tetapi juga secara langsung akan mengatasi soal perumahan yang begitu rumit setiap hari.

Sekarang kita tahu dalam berbagai-bagai akta seperti Akta Perbadanan Pembangunan Bandar misalnya, ada terdapat berbagai-bagai kuasa yang diberi kepada badan itu, misalnya dalam soal menetapkan sesuatu daerah itu sebagai daerah pembangunan dan juga kuasa-kuasa yang lain dalam soal pengambilan tanah, soal penyelarasan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri dan sebagainya. Saya fikir Lembaga Perumahan Negara yang saya cadangkan ini haruslah juga diberi kuasa-kuasa yang luas supaya tindakan-tindakannya dalam mengatasi soal perumahan ini dapat dijalankan dengan lebih berkesan. Oleh sebab itu, saya inginlah menyarankan pada masa-masa hadapan supaya Kementerian yang berkenaan meminta peruntukan yang agak lebih mungkin dua, atau tiga, atau empat ratus juta ringgit untuk maksud memberi perumahan kepada rakyat dan juga cara pembinaan secara langsung.

Saya ingin menyentuh perkara yang sama Butiran 14—Institusi Penyelidikan Perumahan Negara. Di sini bagi tahun 1981 Kerajaan tidak langsung meminta peruntukan, hanya token \$10 sahaja. Saya hairan juga oleh sebab sekarang ini nampaknya Kerajaan telahpun menyerahkan tanggungjawab sepenuhnya kepada bidang swasta untuk menyelidik, untuk merangka dan juga untuk memikir tentang sistem dan juga rumah-rumah yang elok sekali, yang sesuai dan juga yang ekonomik sekali untuk dibina bagi kemudahan rakyat. Saya rasa seharusnya Kerajaan memperuntukkan atau meminta satu peruntukan yang menasabah supaya institusi ini dapat menjalankan tugas-tugasnya dengan lebih berkesan lagi. Misalnya dari segi penyelidikan tentang sistem-sistem pembinaan yang baharu di mana sekarang ini diserahkan bulat-bulat kepada pihak swasta sahaja supaya pegawai-pegawai yang berkenaan juga dapat dihantar ke negeri-negeri yang berjiran seperti Singapura ataupun ke Jerman atau tempat-tempat lain supaya mereka dapat mengkaji dan juga melihat dan mempelajari cara-cara bagaimana kita dapat memperbaiki keadaan rumah yang diberikan kepada rakyat sekarang ini oleh pihak Kerajaan ataupun pihak swasta.

Tuan Pengerusi, saya pergi pula kepada muka 126, Bekalan 18—Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Butiran 1100 tentang pengambilan kakitangan.

Tuan Pengerusi, saya baharu sahaja balik dari dua buah negeri yang dikatakan agak mundur sedikit iaitu negeri Zambia dan juga di Zambabwe dahulu dinamakan Rhodesia. Saya merasa kagum sungguhpun negeri ini kononnya ketinggalan dan sebagainya, tetapi saya rasa kagum tentang cara bandar-bandar mereka sama ada bandar-bandar besar ataupun kecil, cara bandar-bandar ini dibina dengan cara begitu teratur seakan-akan saya ini berada di Geneva ataupun satu-satu bandar di Eropah, begitu teratur sekali. Saya tidak dapat bandingkan mana-mana juga bandar di Malaysia ini sama ada bandar besar ataupun kecil yang mana telahpun dirancang ataupun dibina dengan begitu teratur seperti bandar-bandar yang terdapat di kedua-dua buah negeri itu. Oleh sebab itu, saya rasa eloklah Kerajaan mengambil berat sedikit dalam soal perancangan bandar ini untuk menambahkan kakitangan, menambahkan tenaga kepakaran supaya tiap-tiap bandar yang ada sekarang ini sama ada kecil ataupun besar diadakan Master Plan supaya apabila sesuatu kelulusan atau permohonan untuk pembinaan sesuatu rancangan perumahan misalnya, maka bolehlah diselaraskan dengan Master Plan itu supaya di kemudian hari kelak dapatlah jenerasi yang akan datang merasa bangga dengan bandar-bandar yang ada dalam negara kita ini.

Saya ingin juga dalam hubungan ini menyatakan sedikit sebanyak mengenai soal Kuala Lumpur sendiri, ibu negara kita. Soal Master Plan, soal perancangan bagi Kuala Lumpur ini telahpun dipercakapkan selama lebih 10 tahun sudah tetapi sehingga sekarang, saya dengar masih benda itu tidak selesai. Oleh sebab itu kita nampak perkampungan dan juga taman-taman perumahan (mushrooming) ataupun diperkembangkan dengan cara tidak teratur dan saya rasa kalaulah Kerajaan masih berlengah-lengah lagi dengan Master Plan untuk Kuala Lumpur bandar maka jenerasi yang akan datang akan hilanglah suatu peluang untuk berbangga dengan satu ibu negara yang teratur dan juga cantik. Oleh sebab itu, saya rasa Kerajaan patut membanyakkan lagi peruntukan untuk jabatan ini, membanyakkan lagi tenaga kepakaran dan menjalankan kerja-kerja menyudahkan Master Plan bagi bandar kecil dan bandar besar di seluruh negara ini dengan agak cepat sedikit—dianggap dengan lebih serius.

Saya pergi pula kepada muka 131, iaitu Perkhidmatan Bomba. Memanglah selepas kebakaran di Campbell Kompleks, saya pun tidak sedap hati bekerja di tingkat 10 Pertama Kompleks, selalu saja tengok soal api.

Tuan Pengerusi, saya fikir perkara ini haruslah difikirkan dengan cara serius. Semalam saya pergi ke tingkat 21 di Bangunan Bank Bumiputra yang baharu, lihat dari tingkapnya, saya dapati hampir 95% dari bangunan-bangunan pencakar langit di Kuala Lumpur ini tidak ada helipad ataupun cuma sedikit untuk helikopter turun. Bangunan Bank Bumiputra yang terbakar ini pun nasib baik, sebab ada tempat yang agak kecil sedikit supaya helikopter boleh landing tetapi yang lain-lain misalnya Bangunan Ming, Bangunan Lee Yan Lian dan apa sahaja bangunan tidak ada langsung tempat untuk helikopter turun. Jadi, saya rasa perkara ini bolehlah dibetulkan, sungguhpun bangunan ini semuanya sudah siap, saya rasa Kerajaan boleh mengeluarkan sesuatu arahan kepada semua tuan-tuan punya bangunan ini supaya membina satu helipad, kerja dan juga perbelanjaannya tidaklah begitu banyak untuk tuan-tuan punya bangunan pencakar langit membina suatu helipad kepada semua bangunan-bangunan yang ada dalam bandaraya Kuala Lumpur dan juga di tempat-tempat lain.

Kita juga telah membaca komen-komen dari Pejabat Bomba kononnya kita tidak boleh sangat bergantung kepada helikopter sahaja untuk menyelamatkan nyawa, dan secara kebetulan pula berlaku di bangunan lama Bank Bumiputra di mana helikopter telah dapat menyelamatkan 12 nyawa. Kita haruslah kononnya memikirkan tentang cara-cara lain, tetapi bagi saya helikopter inilah yang paling berkesan untuk hendak menyelamatkan nyawa di bangunan-bangunan pencakar langit. Kalau api naik dari bawah, hendak lari ikut mana lagi, mestilah lari ke atas. Dan kalau bangunan itu terbakar dari atas, bolehlah kita turun ke bawah. Tetapi kalau mula dari bawah, maka ianya sukar. Kalau kita hendak ikut staircase ataupun tangga penyelamat, saya rasa sukar juga oleh sebab kadang-kadang ada kalanya kalau terdapat apabila kebakaran dalam bangunan-bangunan besar itu maka terlalu panas ataupun asapnya terlalu banyak untuk kita mudah menggunakan staircase ataupun escape passage. Jadi saya rasa jalan yang seelok-eloknya ialah

untuk mengadakan helipad bagi tiap-tiap bangunan dan di samping itu, saya rasa sekurang-kurangnya sebagai permulaan untuk Kuala Lumpur Pasukan Bomba haruslah mengadakan satu pasukan helikopter dua atau tiga helikopter. Komen juga dari Pegawai Perkhidmatan Bomba hari ini, saya baca dalam surat khabar, ini kononnya tidak ekonomik. Tidak ekonomik, sebab mereka terpaksa membayar gaji pilot dan sebagainya, saya rasa ini adalah komen yang tidak menasabah. Dua buah helikopter tidaklah begitu mahal dan juga untuk menggajikan dua atau tiga orang permanent pilot tidaklah juga begitu mahal jika dibandingkan dengan soal-soal menyelamatkan nyawa dan juga menyelamatkan bangunan-bangunan yang berjuta-juta ringgit itu.

Tuan Pengerusi, sekianlah sahaja sedikit sebanyak komen saya mengenai peruntukan bagi perkhidmatan ini dan saya menyokong segala permohonan yang diminta itu.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

4.53 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, yang pertamanya saya suka merujuk kepada Bekalan B. 17, muka surat 115, Butiran 1100, Program (1) Program Perkhidmatan Bantuan untuk Kementerian Perumahan.

Tuan Pengerusi, mengenai perkara Program Perkhidmatan Bantuan berhubung dengan pentadbiran, saya ingin menarik perhatian Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kepada keperluan melaksanakan tindakan atau langkah yang lebih berkesan bagi menghapuskan kegiatan-kegiatan pemaju-pemaju perumahan palsu ataupun pemaju yang tidak berlesen. Sejak dua tiga tahun yang lalu banyak bentuk-bentuk penyelewengan telah muncul dalam industri perumahan yang didapati perlu mendapat perhatian Kementerian yang berkenaan.

Satu perkara penyelewengan atau salah amalan ialah kegiatan pemaju yang tidak berlesen yang mengutip bawaran-bayaran tempahan atau bayaran-bayaran yang lain dan juga mereka pun ada mengutip bentuk bayaran yang lain daripada bakal-bakal pembeli rumah sebelum mereka mendapat lesen

yakni pemaju dan sebelum mendapat kelulusan penukaran syarat tanah daripada pertanian kepada unit perumahan. Pemaju-pemaju yang tidak berlesen yang telah dibawa ke perhatian saya ialah yang amat dahsyat yang amat teruk dan boleh dikatakan yang amat melampau dalam kegiatan-kegiatan mereka dan juga berkait dengan hubungan mereka dengan orang ramai. Mereka mengambil kesempatan daripada permintaan untuk rumah yang ketara sekarang di negara kita terutamanya untuk rumah-rumah kos rendah dan mereka ada menjalankan segala jenis tektik termasuk mengeluarkan iklan-iklan dalam surat-surat khabar China bagi menarik minat atau memujuk orang ramai membuat tempahan untuk rumah-rumah.

Di sini, Tuan Pengerusi, saya pun ada satu bukti untuk menguatkan apa yang saya katakan tadi iaitu iklan dalam surat khabar China, mereka membuat segala jenis kutipan wang seperti kutipan wang untuk bayaran perkhidmatan (service charge) atau mereka ada mengutip bayaran pendaftaran (registration fees) atau bayaran permohonan (application fees) atau bayaran tempahan atau lain-lain bentuk bayaran. Untuk menguatkan dakwaan saya ini terhadap kegiatan syarikat-syarikat yang tidak mempunyai lesen, saya ingin menamakan di sini iaitu beberapa pemaju dalam Dewan ini dengan tujuan untuk menegaskan betapa seriusnya kegiatan-kegiatan penyelewengan dan salah amalan ini.

Yang pertama, satu syarikat yang dinamakan Syarikat YR Development Sendirian Berhad, yang berpejabat di Wisma PKNS, Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur.

Yang kedua, Syarikat Seri Alam Sendirian Berhad, alamat terakhir syarikat ini yang diketahui ialah di Damai Komplek, Jalan Lumut, Kuala Lumpur. Syarikat ini sering menukar alamatnya.

Yang ketiga, Syarikat Zaklin Enterprise Sendirian Berhad, alamat terakhir syarikat ini diketahui di ENE Plaza, Jalan Pudu, Kuala Lumpur.

Yang keempat, Syarikat Suncity Development Sendirian Berhad dan alamat terakhir juga di ENE Plaza, Jalan Pudu, Kuala Lumpur.

Yang kelima, Syarikat Win Enterprise & Company, alamat terakhir Wisma MPI, Jalan Raja Chulan, Kuala Lumpur.

Yang keenam, Syarikat Mutiara Biru, alamat terakhir ialah di Wisma PKNS, Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur.

Saya difahamkan, Tuan Pengerusi, yang syarikat inipun telah dipindahkan ke tempat lain. Dan di sini saya semua ada bukti-bukti. Itu terdapat banyak contoh-contoh yang lain tetapi setakat hari ini itulah sahaja pemaju-pemaju yang tidak berlesen yang dibawa ke perhatian saya.

Selepas menerima pengaduan-pengaduan daripada orang ramai mengenai pemaju ini, saya telah menghubungi pihak Kementerian dan mendapati bahawa semua sehingga ke hari ini masih belum mendapat lesen untuk membina rumah-rumah.

Pada awal tahun ini Polis Bandaraya telah mengesan dan mengambil tindakan terhadap dua agensi palsu perumahan termasuk satu sindiket perumahan yang telah menipu lebih kurang 600 orang dengan mengutip bayaran tempahan berjumlah lebih \$300,000 dalam tempoh masa dua bulan. Dan ini semula dalam bulan Oktober tahun ini Polis telah menjejaki dua lagi sindiket perumahan palsu di Petaling Jaya yang melibatkan kutipan wang berjumlah lebih kurang \$48,000 daripada lebih kurang 19 orang mangsa. Semua peristiwa ini telah menunjukkan sekali lagi kepada kita tentang kurang kekesanan Kementerian Perumahan dalam penguatkuasaan Undang-undang berikutan kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam Undang-undang yang ada bagi mengawal dan menghapuskan pemaju-pemaju perumahan palsu yang tidak berlesen.

Akta Pemaju Perumahan (Pengawasan dan Pelesenan) tahun 1966 tidak dibekalkan dengan kuasa-kuasa yang membolehkan Kementerian bertindak ke atas pemaju-pemaju yang tidak berlesen dan oleh sebab itu, Kementerian ini hanya dapat menyerahkan kes-kes itu kepada pihak Polis untuk siasatan lanjut. Ini jelas menunjukkan bahawa memang terdapat kelemahan teknik dalam Akta yang ada yang saya rasa perlu diperbaiki. Merujuk pengaduan-pengaduan tersebut kepada pihak Polis atau BSN adalah tidak memuaskan kerana penyiasatan yang dijalankan oleh mereka mengambil masa yang panjang untuk menyiapkan, lebih-lebih lagi kadangkala bukti-bukti yang diperlukan sukar didapati.

Memandangkan di atas, Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan bahawa dalam bertindak ke atas pemaju-pemaju palsu dan tidak berlesen pihak Kementerian hendaklah dibekalkan dengan kuasa-kuasa yang lengkap yang membolehkannya bertindak terus ke atas pemaju-pemaju tanpa lesen dan bukan merujuk kes-kes itu kepada pihak Polis. Untuk membuka jalan ini maka Akta Pemaju Perumahan (Pengawasan dan Pelesenan) 1966 yang ada sekarang hendaklah dipinda bagi menguatkan Kementerian dengan kuasa-kuasa yang membolehkannya bertindak terhadap semua pemaju-pemaju tak berlesen yang kegiatannya merosakkan kepentingan orang ramai. Kuasa-kuasa itu akan membolehkan Kementerian bertindak dengan lebih berkesan lagi apabila menerima pengaduan-pengaduan orang ramai mengenai kegiatan-kegiatan pemaju palsu dan tak berlesen dengan menjalankan penyiasatan-penyiasatan terhadap mereka tanpa membuang masa dan terus mengambil tindakan mahkamah ke atas mereka.

Atas perkara pentadbiran itu lagi, Tuan Pengerusi, saya sekarang ingin menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri kepada satu perkara mengenai kutipan bayaran pendaftaran. Sebagaimana yang saya nyatakan dalam ucapan awal saya tadi nampaknya terdapat banyak penyelewengan yang saya dapati yang dilakukan oleh pemaju-pemaju tidak berlesen. Satu daripadanya ialah tentang kutipan bayaran pendaftaran. Semua pemaju-pemaju yang tidak berlesen yang saya sebutkan tadi ada membuat kutipan wang pendaftaran daripada bakal pembeli-pembeli mereka. Satu pemaju yang tak berlesen ialah Syarikat Sri Alam Sendirian Berhad pernah membuat pengumuman iklan di akhbar berbahasa China mempelawa orang ramai mendaftar diri mereka lebih awal untuk mendapatkan berbagai-bagai jenis rumah mereka. Bayaran pendaftaran yang dikenakan adalah seperti berikut:

- \$ 50 untuk rumah-rumah kos rendah dan flat;
- \$100 untuk rumah-rumah teres satu tingkat dan dua tingkat; dan
- \$200 untuk rumah-rumah kedai, rumah separuh kembar dan bungalow.

Bayaran pendaftaran yang dinyatakan di atas menurut fahaman saya adalah bukan bayaran tempahan (booking fees) sebagai yang diperuntukkan di bawah undang-undang

tetapi bayaran untuk mendaftarkan nama seseorang dalam buku pendaftaran syarikat pemaju yang berkenaan, lebih-lebih lagi tidak diketahui berapa nama bayaran pendaftaran akan disimpan oleh pemaju sebelum seorang bakal pembeli itu diberitahu sama ada beliau boleh ditawarkan satu rumah atau tidak. Amalan mengutip bayaran pendaftaran oleh pemaju tak berlesen adalah tidak sah dan tindakan perlu diambil ke atas mereka.

Pada fikiran saya dan apa yang saya ketahui bahawa di dalam Peraturan Pemaju Perumahan (Pengawasan dan Pelesenan) 1970 hanya memperuntukkan iaitu di dalam Fasal 10, kutipan bayaran tempahan (booking fees) dan jumlah wang itu yang boleh dipungut ialah 2½% daripada harga rumah dan kutipan ini hanya boleh dibuat selepas sesuatu pembangunan perumahan telah diiklankan.

Di dalam menjawab pengaduan saya mengenai bayaran pendaftaran Kementerian yang berkenaan di dalam bulan Oktober, 1979 ada menyatakan bahawa Kementerian akan menyiasat laporan-laporan mengenai pemaju-pemaju yang mengutip bayaran pendaftaran dan akan mengambil perhatian itu dari sudut undang-undang dan satu keputusan akan dibuat, tetapi sekarang lebih dari satu tahun nampaknya Kementerian masih berdiam mengenai perkara ini. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberi satu ruling di dalam Dewan ini sama ada sah atau tidak bagi sesuatu pemaju untuk mengutip bayaran pendaftaran (registration fees).

Tuan Pengerusi, mengenai soalan bayaran tempahan untuk rumah-rumah, terutamanya rumah-rumah yang dikelolakan secara projek usahasama, saya suka menggesa pihak Kementerian supaya membuat satu ruling bahawa bayaran tempahan berhubung sesuatu projek hendaklah dikembalikan kepada pemohon-pemohon yang tidak berjaya dalam masa tidak lebih daripada 6 bulan mulai tarikh menerima bayaran tempahan itu. Saya berkata demikian kerana saya merasa bahawa syarikat-syarikat atau pemaju tidak seharusnya menyimpan bayaran tempahan itu terutamanya daripada golongan berpendapatan rendah ke dalam akaun bank mereka dengan tujuan untuk mendapatkan faedat (interest) untuk mereka sendiri. Jika bayaran tempahan terpaksa dikembalikan lebih daripada tempoh masa 6 bulan kemudian, ianya hendaklah dikembalikan kepada pemohon yang tidak berjaya berserta faedah. Saya

sendiri telah menerima banyak pengaduan daripada pemohon rumah untuk projek usah-usaha di mana bayaran tempahan yang dikembalikan kepada pemohon-pemohon yang tidak berjaya hanya selepas lebih 3 tahun daripada tarikh menerima bayaran tempahan itu.

Saya di sini mempunyai satu contoh, iaitu Tamun Nirwana yang mana pemajunya ialah Sri Seltera Sendirian Berhad. Resit bayaran yang dikeluarkan kepada pemohon bernuoung bayaran tempahan ialah pada 30hb April, 1977 berjumlah \$480 dan pemohon yang tidak berjaya hanya diberitahu supaya mengambil balik deposit beliau pada 17hb Julai, 1980, itu mengambil masa lebih 3 tahun. Perbuatan seperti ini adalah tidak adil pada rasa saya dan Kerajaan hendaklah bertindak mengenakan satu tarikh atau tempoh tertentu mengenai pengembalian semula bayaran tempahan. Apabila pemohon untuk rumah ditutup, semua borang-borang permohonan hendaklah diproses di dalam tempoh 3 bulan dan bayaran tempahan hendaklah dikembalikan tidak lebih dari masa 6 bulan.

Tuan Pengerusi, sekarang saya suka merujuk kepada muka surat yang sama, iaitu 115 berkenaan dengan Aktiviti (2) Program Perumahan (a) Perumahan Awam Kos Rendah dan (b) Penvelarasan dan Pelaksanaan. Mengenai perkara Perumahan Awam Kos Rendah dan Pelaksanaan dan Penyelarasan ini saya ingin bercakap tentang keperluan dan kepentingan di pihak Kementerian melaksanakan lebih berkesan lagi rancangan perumahan awam kos rendah. Pada pandangan saya Kerajaan hendaklah melancarkan satu strategi yang lebih dinamis lagi untuk melaksanakan rancangan-rancangan perumahan awam kos rendah bagi menyelesaikan permintaan yang begitu ketara sekarang di negara kita. Pada pengamatan saya bahawa jawapan kepada cabaran-cabaran yang timbul mengenai perumahan untuk rakyat di dalam dekad 80an adalah terletak dalam pengrumusan satu strategi perumahan negara yang lebih berkesan dan dinamis lagi bagi memenuhi permintaan semua golongan berpendapatan rendah di samping menubuhkan satu Perbadanan Perumahan Negara bagi meneliti pelaksanaan strategi Perumahan Negara lebih berkesan. Semasa menggulung perbahasan Belanjawan di Dewan ini minggu lepas, Yang Berhormat Timbalan Menteri itu berkata bahawa satu keputusan muktamad masih belum dibuat mengenai pengrumusan satu Perbadanan Perumahan Negara.

Saya terperanjat kenapa ianya mengambil masa yang begitu panjang bagi Kerajaan membuat keputusan yang amat penting dan bermakna kepada negara ini satu perkara yang saya kemukakan di Dewan ini lebih daripada dua tahun yang lepas.

Saya suka memberitahu Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa masanya telah sampai supaya satu keputusan diambil mengenai penubuhan satu Perbadanan Perumahan Negara bagi menolong melaksanakan rancangan perumahan kos rendah kita. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah banyak bercakap pada masa yang lepas mengenai perkara perumahan. Tiada sehari yang berlalu tanpa beliau membuat sesuatu kenyataan di dalam suratkhbar mengenai hal perumahan. Tetapi saya suka mengingatkan Yang Berhormat Menteri supaya kurang bercakap banyak tetapi bertindak lebih jika beliau hendak mencari satu jalan penyelesaian kepada masalah perumahan di negara ini. Ianya tidak memenuhi apa-apa maksud jika Menteri bercakap telah mencapai matlamat perumahan kos rendah sekiranya di peringkat pertama beliau sendiri tidak dapat menjamin tentang kerjasama penuh dari semua Kerajaan-kerajaan Negeri.

Soalan-soalan yang sering datang ke fikiran saya setiap masa ialah apabila seseorang bercakap mengenai perumahan di tiap-tiap negeri, siapa yang ada lebih banyak kuasa? Menteri Besar atau Menteri Perumahan? Sudah tentu Menteri Besar. Apabila kita membincangkan perkara tanah untuk perumahan dan jika begitu adakah beliau benar-benar mengambil peduli tentang apa yang Menteri perkatakan. Menteri itu telah dilaporkan sebagai berkata bahawa beliau telah menyeru Kerajaan Negeri supaya menyediakan lebih banyak tanah untuk perumahan memandangkan pembangunan pesat industri perumahan.

Saya bersetuju dengan beliau atas hal ini, tetapi adakah Yang Berhormat Menteri menyedari satu contoh ialah di negeri Selangor, bahawa Kerajaan Negeri Selangor telah membekukan semua permohonan penukaran syarat tanah daripada pertanian kepada perumahan yang melibatkan lebih 10 ekar. Jika beliau sedar hal ini bolehkah beliau sebagai Menteri Persekutuan mencampuri hal ini dan meminta Kerajaan Negeri Selangor membatalkan atau menarik balik keputusannya? Jika beliau tidak boleh melakukannya bagaimana beliau boleh mengharap lebih banyak rumah

dibina, misalnya di negeri Selangor oleh sektor swasta yang mempunyai sumbangan yang penting untuk mencapai matlamat perumahan. Memandangkan sebab-sebab di atas, saya mencadangkan supaya Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan mendapatkan penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berhubung kuasanya dan sama ada beliau boleh bersuara penuh mengenai apa yang Kerajaan Negeri lakukan berhubung dengan perumahan.

Tuan Pengerusi, sekarang saya suka merujuk kepada Program (2) (e) di muka surat yang sama iaitu berkenaan dengan Perumahan Swasta (Private Housing).

Tuan Pengerusi, mengenai perkara perumahan swasta, saya ingin menyentuh satu perkara yang amat penting kepada pembeli rumah dan itu adalah berhubung dengan Perjanjian Jual Beli Standard yang banyak menerima publisitinya. Bulan Ogos tahun lepas bekas Menteri Perumahan telah mengumumkan bahawa deraf Perjanjian Jual Beli Standard yang telah disiapkan dan bahawa Akta Pemaju Perumahan akan dipinda di Parlimen bagi membolehkan perjanjian itu dilaksanakan. Pengumuman bekas Menteri itu membawakan banyak harapan dan kegembiraan kepada pembeli-pembeli rumah di negara ini yang telah lama berharap satu-satu penyelesaian yang lebih baik daripada pemaju perumahan. Tetapi apa yang memeranjatkan saya pada sidang Parlimen Jun yang lepas, Yang Berhormat Menteri yang baru ada memberitahu Dewan ini bahawa kerana kesulitan tertentu dalam menyelesaikan masalah pelaksanaan Perjanjian Jual Beli Standard terpaksa ditangguhkan kepada satu tarikh yang lebih sesuai.

Saya ingin mengambil peluang ini, Tuan Pengerusi, untuk menggesa Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya menjelaskan kepada Dewan ini kenapa idea Perjanjian Jual Beli Standard yang telah banyak kita menerima publisiti ini ditangguhkan. Apakah kesulitan-kesulitan yang timbul dan apakah tindakan yang akan diambil bagi mengatasi masalah-masalah ini supaya lebih awal perjanjian ini dapat dilaksanakan.

Pada pandangan saya bahawa Perjanjian Jual Beli Standard adalah sangat penting kepada orang ramai yang menjadi pembeli-pembeli rumah kerana perjanjian itu asalnya dirangka bertujuan untuk melindungi kepentingan para pembeli rumah dan pada masa yang sama berlaku adil kepada pemaju.

Antara faedah-faedah yang diperuntukkan di bawah perjanjian ini ialah cadangan tambahan atau lanjutan tempoh jaminan dari 6 bulan kepada 12 bulan. Jaminan satu tahun ini didapati perlu oleh kerana keadaan iklim di Malaysia di dalam banyak kes memberikan kesan kepada rumah hanya selepas enam bulan. Saya bagaimanapun menggesa Kerajaan supaya mengambil langkah-langkah yang perlu bagi meneliti perkara ini dan Perjanjian Perumahan Standard yang dijanjikan diperkenalkan lebih awal untuk mengawal syarat-syarat dan peruntukan tempahan bayaran, pemulangan semula, pampasan dan membaiki rumah-rumah yang dibeli oleh para pengguna.

Satu perkara yang saya ingin menyentuh di sini ialah di muka surat 123, Maksud P. 17, Butiran 31 mengenai Kemajuan Perkampungan.

Dari buku Belanjawan untuk Kemajuan Perkampungan saya perhatikan bahawa hanya \$10 akan dibelanjakan pada tahun akan datang dan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga saya juga perhatikan bahawa hanya \$24 juta akan dibelanjakan untuk kemajuan perkampungan.

Saya rasa kesal Tuan Pengerusi, bahawa hanya sebilangan wang yang kecil yang telah diperuntukkan untuk memajukan kampung-kampung baru di negara kita yang berjumlah lebih kurang 465 buah. Saya ingin bertanya kepada Kerajaan bagaimana jumlah yang diperuntukkan ini boleh dianggap sebagai jumlah yang cukup untuk memenuhi tujuan-tujuan dan objektif-objektif Kementerian yang berkenaan dan tujuan yang penting ini ialah bagi memastikan tercapainya mutu hidup rakyat yang tinggi dengan cara merancang dan melaksanakan program memodenkan penghidupan dan persekitaran kampung-kampung terutamanya kampung-kampung baru.

Tuan Pengerusi: Masa ada dua minit lagi Yang Berhormat.

Tuan Lee Lam Thye: Masa ada lagi?

Tuan Pengerusi: Dua minit sahaja lagi.

Tuan Lee Lam Thye: Memandangkan hal ini, saya harap bahawa Kementerian yang berkenaan akan dapat memberi pertimbangan

supaya di bawah Rancangan Malaysia Keempat lebih banyak peruntukan dapat diluluskan untuk menentukan bahawa ada cukup peruntukan untuk memajukan semua kampung-kampung baru.

Satu hal yang akhir yang saya ingin menyentuh ialah berkenaan dengan Pencegah Kebakaran yakni di muka surat 131 di bawah B. 19. Oleh sebab masa singkat, saya berharap bahawa Jabatan Bomba dapat menggunakan banyak peruntukan untuk membeli alat-alat ataupun kelengkapan yang moden untuk pemadam api, khususnya di bangunan-bangunan yang tinggi. Peristiwa baru-baru ini yang berlaku di bangunan lama Bank Bumiputra telah jelas menunjukkan bahawa Jabatan Bomba tidak ada mempunyai kelengkapan yang cukup untuk memadamkan kebakaran itu. Saya berharap bahawa Timbalan Menteri berkenaan dapat mengambil perhatian bagi hal ini dan akan menentukan bahawa peruntukan yang cukup untuk membeli alat-alat yang moden atau kelengkapan moden untuk memadamkan api di bangunan-bangunan tinggi.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Tumpat.

5.22 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Pengerusi, saya menyentuh Maksud B. 19—Perkhidmatan Bomba, Butiran 1100—Gaji dan Upahan, Program (2) Pencegah Kebakaran; dan (3) Latihan, muka surat 129.

Kita berasa sedih semenjak berlakunya kebakaran di bangunan lama Bank Bumiputra sedikit hari yang lepas. Peristiwa yang berlaku itu mestilah menjadi pengajaran kepada kita dan ini hendaklah diambil perhatian dan tindakan yang serius supaya ianya tidak mudah berlaku walau di mana-mana sekalipun. Kita harus mempelajari dari peristiwa tersebut sama ada perlu kakitangan bomba ditingkatkan lagi latihannya, kalau boleh disamakan dengan latihan kawad sepertimana yang diberikan kepada anggota polis dan tentera di mana ianya sentiasa siap sedia apabila menerima panggilan demi menjalankan tugas.

Kita juga tahu alat-alat pemadam api yang ada itu tidak mencukupi dengan bangunan pencakar langit yang tumbuh di sana sini, terutama sekali di Bandaraya Kuala Lumpur. Kajian juga boleh dibuat ke negara-negara

jiran tentang bagaimana perlu ditingkatkan kecekapan mereka di dalam menghadapi kemungkinan kebakaran satu-satu bangunan apabila ianya berlaku kelak. Apa yang penting saya rasa ialah latihan insentif perlu diberikan kepada pegawai-pegawai bangunan itu sendiri. Begitu juga kepada kakitangan di bangunan yang berkenaan di mana ianya perlu. Ini mustahak sebelum perkhidmatan bomba diperolehi kerana sebagaimana yang kita tahu bahawa untuk mendapatkan perkhidmatan bomba dengan jalanraya yang sibuk di sana sini, terutama di Bandaraya adalah sukar untuk bomba sampai di dalam masa yang singkat, kerana kebakaran itu bukan oren danjaka bila ianya joren berlaku. Maka saya rasa yang perlu ialah kakitangan di bangunan itu sendiri harus diberi latihan untuk mencegah kebakaran sebelum ianya merebak. Kebakaran secara kecil itu boleh dikendalikan oleh kakitangan bangunan yang berkenaan. Ini boleh menyelamatkan kebakaran itu daripada merebak.

Perkhidmatan helikopter mungkin juga boleh diamoli kira untuk menyelamatkan nyawa yang terperangkap. Ini telah terbukti bagaimana ia telah dapat menyelamatkan orang-orang yang terperangkap di bangunan lama Bank Bumiputra itu. Saya ingin mengesyorkan supaya kakitangan bomba perlu ditambah di mana-mana yang difikirkan sesuai di samping gaji dan elaunnya hendaklah diberikan sesuai dengan tugas mereka yang mencabar sekarang ini. Penambahan kakitangan bomba di negeri-negeri hendaklah juga dikaji dari semasa ke semasa sesuai dengan perkembangan penduduk dan bangunan.

Tuan Pengerusi, dengan ini, saya menyokong peruntukan ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kota Melaka.

5.25 ptg.

Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, saya suka menarik perhatian di atas beberapa point yang pertama mengenai muka surat 115 butiran 1100 mengenai Gaji dan Upahan.

Tuan Pengerusi, petang ini kita telah menyaksikan apa yang sudah berlaku dalam masa soal jawab yang ada kaitan dengan tanggungjawab dan tugas Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan khususnya,

saya perlu menimbulkan perkara ini dan menarik perhatian Dewan yang mulia kerana petang tadi ada tetamu khas dari luar negeri dan juga ramai pelajar-pelajar dari Universiti Malaya telah bersama-sama menyaksikan bagaimana prestasi (performance) Setiausaha Parlimen untuk menjawab soalan. Saya bukan cuba hendak mengkritik atau menegur seseorang, baik tentang kebolehan, kelayakan atau pengalaman seseorang, memang kita semua orang baru harus belajar sesuatu perkara, khususnya mengenai perjalanan mesyuarat, cara menjawab dan lain-lain, tetapi Parlimen tidak sewajarnya dipergunakan menjadi satu tempat berlakunya satu perkara yang sangat memalukan sehingga menjadi satu laughing-stock atau satu tempat yang tidak serius. Saya merasa kesal tadi saya nampak ada tetamu dari luar negeri dan apabila saya berbual dengan pelajar-pelajar dari Universiti Malaya mereka juga menyampaikan rasa terperanjat dan keciwa di atas Setiausaha Parlimen dari Kementerian Perumahan menjawab soalan, bukan sahaja beliau tidak dapat menjawab soalan

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, itu sudah menyeleweng. Kalau ambil program perkhidmatan bantuan ialah tadbiran penyaliran kemajuan perkampungan. Kalau hendak ambil program perumahan bermakna perumahan am. Tentang mutu perbincangan atau fikiran Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tak usah sentuhlah.

Tuan Chan Teck Chan: Saya sentuh mengenai gaji yang perlu dibayar dan ada berkaitan dengan Kementerian ini, baik Menteri atau Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen apabila gajinya dibayar lebih \$5 juta itu tentu kita perlu mempersoalkan kewibawaan, penghormatan dan privilege Parlimen ini, kerana ini adalah tanggungjawab kita untuk menjaga kemurniaan dan keutuhan Dewan yang mulia ini supaya ia tidak dijadikan satu perkara seperti petang tadi yang mana seorang Setiausaha Parlimen bukan sahaja tidak dapat memahami, menangkap, menguasai Bahasa Malaysia tetapi tidak tahu menjawab soalan yang dikemukakan kepadanya: lain yang ditanya lain dijawab. Ini perkara tidak harus berlaku dalam Dewan yang mulia ini di mana ketbetulan ada begitu ramai tetamu datang menyaksikan persidangan sehingga imej Kerajaan telah terjejas. Walaupun kita dari parti Pembangkang, tetapi Pembangkang juga ada bertanggungjawab untuk menjaga perjalanan

Dewan ini dengan sewajarnya. Saya harap Kementerian Perumahan khususnya dan Kementerian-kementerian lain amnya apabila seorang Menteri atau Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen tidak bersiap sedia untuk menjawab soalan lebih baik jangan menjawab. Kalau hendak jawab lebih baik memperlengkapkan diri dahulu. Kalau tidak ini akan menjadi satu perkara yang sangat memalukan. Saya bukan cuba hendak mengkritik sesiapa pun tetapi saya adalah bertanggungjawab untuk menarik perhatian Dewan yang mulia ini khususnya perhatian Tuan Pengerusi yang mempengerusikan mesyuarat Dewan ini.

Tuan Pengerusi, sekarang saya masuk kepada perkara yang ada berkaitan dengan perumahan iaitu muka surat 122 P. 17, Butiran 14, berkaitan dengan Institut Penyelidikan Perumahan Negara. Tuan Pengerusi, saya tidak dapat mengesan ataupun mengetahui apa sebab hanya \$10 sahaja diperuntukkan bagi institut yang begitu mustahak untuk memainkan satu peranan yang mustahak untuk mengkaji cara bagaimana Malaysia patut membina dan mengadakan rumah-rumah yang lebih sesuai dengan kemampuan dan keperluan negara kita.

Saya dapati Malaysia masih jauh ke belakang untuk mengadakan lebih banyak rumah-rumah kos rendah yang berasaskan kepada kemampuan golongan yang berpendapatan rendah. Kalau kita ada mengkaji umpamanya cara-cara Kerajaan di Australia, New Zealand, Amerika Syarikat khususnya di negara jiran kita di Indonesia, mereka sudah mengadakan satu jiran untuk mengadakan satu rancangan perumahan yang berkos rendah, ianya diadakan dengan kos bukan sahaja rendah, tetapi dengan tempoh yang sangat cepat, biasanya boleh diadakan satu tahun ialah 5,000 unit untuk satu kawasan di mana kawasan perumahan ini ada tempat untuk mereka melapangkan masa mereka dan juga harga rumah ini adalah sangat rendah. Sebenarnya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mencadangkan bahawa satu kajian boleh diadakan untuk mengkaji bagaimana Malaysia sendiri boleh mengadakan atau merekabentuk satu jenis rumah yang boleh ditanggung oleh golongan yang berpendapatan rendah dan juga bagi membolehkan mereka memiliki rumah dalam masa yang sangat singkat. Saya harap rancangan-rancangan rumah yang ada di Indonesia khususnya di luar bandar di mana Kerajaan Indonesia telah cuba mengadakan

lebih banyak rumah untuk menampung golongan-golongan yang tidak berumah dan miskin dan juga saya harap Malaysia boleh mengkaji konsep dan cara membina rumah-rumah yang saya sebutkan itu.

Menurut kajian saya ialah kalau kita boleh mengikut sistem rumah yang ada dibina di Australia dan Indonesia, harganya tidak melebihi \$7,000 satu unit dan ianya boleh disiapkan kalau untuk satu projek dalam satu tahun ialah 5,000 unit. Kalaulah tiap-tiap negeri dapat mengadakan dua projek ertinya **sekurang-kurangnya masalah kekurangan** ruman boleh diatasi. Yang mustahak sekali ialah bagaimana Kerajaan boleh meyakinkan rakyat Malaysia untuk menerima konsep perumahan baru ini. Rumah ini memang sangat baru, mungkin tidak boleh disesuaikan dengan kemahuan dan keperluan rakyat di luar bandar atau di bandar tetapi walau bagaimanapun Kerajaan perlu cuba untuk mempublikasikan konsep rancangan perumahan baru yang ada di Indonesia dan Australia. Saya yakin Kementerian Perumahan tentu dapat maklumat mengenai sistem itu dan saya sendiri sudah mengkaji lebih kurang 2 minggu tentang laporan-laporan yang saya terima dari Australia dan Indonesia, gambar-gambar pun ada saya kaji. Saya fikir ini adalah satu konsep dan sistem perumahan yang sangat-sangat baik untuk keadaan di Malaysia.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi, izinkan saya menyentuh satu perkara lagi iaitu muka surat 131, Maksud P. 19, Butiran 2 mengenai Kereta-kereta Bomba dan kelengkapan.

Tuan Pengerusi, saya memang tidak membantah bahawa satu peruntukan telah diberikan di bawah Program ini tetapi saya tidak bersetuju dengan pandangan-pandangan yang diberikan oleh ketua-ketua Balai Bomba bila berlakunya kebakaran di bangunan lama Bank Bumiputra dan juga pandangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri. Satu kenyataan perlu diterima dan **diakui oleh semua lapisan rakyat termasuk** Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri pun mengakui adanya kelemahan-kelemahan di dalam kelengkapan dan kemudahan Perkhidmatan Bomba kita kerana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri telah menyaksikan

bagaimana caranya perkhidmatan telah dijalankan di tapak bangunan lama Bank Bumiputra di mana **kebakaran telah berlaku**. Tidak guna bagi kita semuanya cuba mencari "scape goats" atau mengelakkan tanggungjawab diri sendiri iaitu Kerajaan tidak mempunyai kelengkapan yang baik termasuk pasukan helikopter atau lain-lain lagi tetapi saya tidak menafikan bahawa pada saat kebakaran berlaku di bangunan lama Bank Bumiputra, pasukan dan kakitangan Balai Bomba telah berusaha seberapa bolehnya dan perkhidmatan yang diberikan juga sangat memuaskan, tetapi apa yang tidak memuaskan ialah kelengkapan dan cara untuk memadamkan kebakaran di bangunan-bangunan yang tinggi itu.

Saya merasa kesal bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri telah memutarbelitkan kenyataan DAP bahawa kita ada mengatakan kakitangan dan ahli-ahli Balai Bomba tidak menjalankan tugas-tugas dengan memuaskan pada masa kebakaran itu berlaku—tidak. Sebenarnya DAP mencadangkan kalau boleh satu award boleh diberikan umpamanya kepada pilot helikopter yang telah memberikan satu perkhidmatan yang sangat cemerlang terutamanya kepada Pengarah Operasi, Saw Chye dan lain-lain kakitangan yang sudah menunjukkan kebolehan mereka untuk menjalankan tugas emergency, tetapi apa yang saya cuba timbulkan di sini ialah bukan sahaja kereta-kereta bomba yang ada di Malaysia hari ini perlu dipermodenkan tetapi juga cara-cara memadam kebakaran itu perlu dikaji semula.

Umpamanya, di negeri Melaka, saya yakin Kementerian akan dapat tahu kereta bomba yang berumur melebihi 16 tahun masih digunakan. Kebanyakan Balai-balai Bomba di luar bandar tidak diperlengkapkan dengan sewajarnya. Kalaulah ada satu kebakaran yang berlaku baik di mana-mana pun kecuali di Kuala Lumpur memang boleh diatasi dengan helikopter, kalau di Pulau Pinang umpamanya di rancangan perumahan pangsa di Rifle Range bagaimana helikopter boleh turun, bagaimana helikopter boleh masuk ke kawasan blok-blok rumah pangsa yang begitu tinggi dan begitu sesak. Nampaknya perancangan perumahan ini sangat-sangat buruk dan tidak mempertimbangkan faktor-faktor keselamatan penghuni-penghuni yang ada tinggal di rumah pangsa umpamanya di Pulau Pinang yang saya ada lawati pada 5 hari yang

lepas. Saya tidak dapat fikir kalau satu hari berlakunya satu kebakaran di Rifle Range bagaimana helikopter boleh sampai untuk masuk ke flat itu kerana ruangan di antara blok ini sangat sempit dan juga tidak ada tempat untuk Balai Bomba menjalankan tugas emergency mereka untuk menyelamatkan penghuni-penghuni yang terperangkap umpamanya di tingkat 9 hingga ke tingkat 17. Saya tidak tahu bagaimana perancangan perumahan pangsa ini boleh diluluskan tanpa memperhitungkan kepentingan keselamatan penghuni-penghuni yang ada di rumah pangsa.

Di Kuala Lumpur banyak rumah-rumah pangsa, adakah Kementerian Perumahan sudah mengkaji bagaimana satu cara emergency rescue boleh diadakan bila berlakunya kebakaran. Kita tidak boleh menafikan kemungkinan berlakunya kebakaran dengan adanya pengalaman-pengalaman yang kita telah pelajari yang begitu pahit sekali. Saya harap biarlah kita semua boleh mempunyai satu sikap dan pandangan yang lebih rasional dan luas terhadap perkara ini. Saya harap Kementerian Perumahan boleh membentangkan satu laporan yang lengkap tentang, pertama: apakah sistem dan dasar telah diambil untuk meluluskan tiap-tiap projek bangunan yang bertingkat tinggi ini diperlengkapkan dengan alat-alat dan kemudahan-kemudahan serta kelengkapan yang boleh menjamin keselamatan penduduk mereka.

Yang kedua, bagaimanakah perkhidmatan Balai Bomba yang ada di Malaysia hari ini boleh ditukar dan diperlengkapkan lagi atau dipermodenkan dengan kelengkapan yang sanggup menghadapi kebakaran dalam masa yang singkat, juga boleh menjamin nyawa dan harta benda dikurangkan, bukan kata tidak boleh berlaku, tentu berlaku, tetapi boleh dikurangkan. Inilah satu perkara yang sangat mustahak untuk Kementerian Perumahan mengkaji segala sistem dan pentadbiran perkhidmatan Balai Bomba yang ada di Malaysia hari ini.

Tuan Pengerusi, saya akan sentuh lagi mengenai muka surat 115 Program 2 (c) iaitu Butiran 1100 yang ada berkaitan dengan penyelarasan dan pelaksanaan yang berkenaan dengan program perumahan.

Tuan Pengerusi, saya fikir sudah sampai masanya pihak Kementerian Perumahan perlu memikul satu tanggungjawab yang sepenuhnya untuk melaksanakan program-program dan projek-projek perumahan khususnya projek perumahan kos rendah. Kerana kita tidak

boleh mengharapkan terlalu banyak ke atas pemaju-pemaju swasta untuk menjalankan tugas mereka. Kerana dari segi kepentingan keuntungan tentu kebanyakan pemaju-pemaju swasta enggan mengadakan projek-projek perumahan kos rendah. Maka ini adalah satu tanggungjawab bagi Kementerian Perumahan untuk mencari jalan keluar umpamanya bolehkah Kementerian Perumahan bekerjasama dengan Kementerian Kewangan di bawah KWSP untuk mendapat pinjaman dan kemudahan kewangan daripada KWSP supaya Kementerian Perumahan boleh, melalui SEDC di tiap-tiap negeri melancarkan satu program perumahan kos rendah secara besar-besaran di tiap-tiap negeri. Saya yakin wang yang ada pada KWSP ini boleh dipergunakan dan juga kadar pinjaman boleh dikenakan umpamanya 4% untuk golongan yang berpendapatan rendah dan juga mereka menjadi ahli daripada KWSP. Saya yakin satu cara perlu dipertimbangkan bagaimana Kementerian Perumahan boleh berdikari, berinisiatif untuk mengadakan satu Dasar Perumahan Negara yang lebih dinamik dan realistik bukan hanya satu dasar perumahan omong kosong sahaja.

Tuan Pengerusi, selama ini walaupun Kementerian Perumahan mengatakan sudah beberapa unit perumahan diadakan tetapi adakah Kementerian Perumahan mengambil kira berapa bilangan penduduk sudah bertambah di Malaysia setiap hari, setiap bulan dan setiap tahun. Itu nampaknya keadaan perumahan sangat serius, kerana Kementerian Perumahan tidak ada langsung satu Dasar Perumahan Negara yang berasaskan pada keadaan yang sebenarnya dan selama ini saya tidak pernah mendengar Kementerian Perumahan mengeluarkan satu kenyataan atau satu dasar bahawa Kementerian Perumahan akan mengadakan satu program perumahan kos rendah di setiap negeri, di setiap kawasan—jangan memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian Perumahan sangat kekurangan wang; banyak wang masih ada di dalam KWSP, iaitu caranya ialah bagaimana untuk mengadakan satu bentuk kerjasama di antara Kementerian Kewangan dan Kementerian Perumahan dan juga Kerajaan Negeri dalam mengatasi masalah ini. Saya harap kita boleh dengar satu jawapan yang memuaskan dari Timbalan Menteri Perumahan.

Tuan Pengerusi, satu lagi perlu saya sentuh ialah mengenai perumahan juga di bawah Program yang sama, iaitu ada kaitan dengan

Akta (Melesen dan Mengawal) Pemaju Perumahan Tahun 1966. Sepertimana yang dinyatakan di dalam Anggaran Belanjawan, Program dan Prestasi muka surat 873, kita boleh dapat tahu bahawa saya tidak boleh menerima penjelasan dan kenyataan yang dibuat oleh Timbalan Menteri hari ini di dalam soal jawab bahawa Kerajaan tidak boleh menyekat, mengarah atau membolehkan perumahan itu jadi sebagai barang kawalan, bukan sahaja harganya boleh dikawal juga bekalannya boleh dikawal. Saya tidak nampak apa sebabnya perumahan ini ditolak sebagai keperluan sosial yang paling asas sekali bagi kemanusiaan, bagi rakyat Malaysia. Tidakkah Yang Bernormat Timbalan Menteri sedar bahawa Malaysia masih menghadapi satu masalah yang paling rumit yang paling serius ialah dari segi pembangunan sosial iaitu di bidang perumahan. Kerana selama ini Kerajaan sudah gagal mewujudkan atau mengadakan lebih banyak rumah untuk kediaman rakyat Malaysia khususnya golongan yang berpendapatan rendah.

Di sini saya perlu mendesak Yang Bernormat Timbalan Menteri, kalaulah Malaysia adalah sebuah negara yang bersistem ekonomi yang terbuka (free enterprise) maka bagaimana Kerajaan boleh mengatasi masalah kemiskinan, bagaimana Kerajaan boleh menerima sistem ekonomi yang terbuka ini yang bercorak kapitalis ini boleh membolehkan golongan yang tidak berumah dan miskin untuk memiliki rumah mereka jika tanpa campur tangan dari pihak Kerajaan.

Saya fikir sudah sampai masanya bagi Kerajaan untuk mempertimbangkan bilakah dan bagaimanakah suatu Akta sekurang-kurangnya satu dasar baru boleh diadakan supaya rumah ini boleh digazettekan atau disenaraikan sebagai barang kawalan supaya harganya boleh dikontrol. Kalau tidak, dengan cara perkembangan perumahan sekarang berapa peratus rakyat yang miskin ini boleh membeli rumah daripada pihak swasta atau pihak Kerajaan. Saya yakin mereka tidak mampu membeli kecuali Kerajaan campur tangan untuk mengadakan satu dasar atau **Rang Undang-undang atau Akta menjadikan perumahan ini sebagai barang kawalan.**

Perkara ini juga perlu dikawal dengan erti kata yang sebenarnya ialah pihak pemaju swasta perlu disekat dan dikawal. Sebelum lesen pemaju dikeluarkan, maka berapa peratus rumah kos rendah, perlu dinyatakan

di dalam lesen mereka. Jika mereka tidak mematuhi atau tidak menerimanya, maka permohonan mereka boleh ditolak. Kerana yang mustahak ialah pihak swasta, baik pemaju swasta apa bangsa sekalipun mereka adalah mempunyai tanggungjawab sosial untuk menolong Kerajaan memberikan atau mengadakan lebih banyak rumah-rumah kos rendah kepada rakyat Malaysia.

Saya fikir sudah sampai masanya kalau kita masih berdegil menegaskan bahawa Malaysia adalah sebuah negara bersistem ekonomi terbuka (free enterprise), maka tidak boleh menyekat maka saya hendak bertanya kalau inilah dasar dan pendirian Kerajaan dalam sebuah sistem ekonomi terbuka dan kapitalis ini bagaimana kemiskinan boleh dihapus atau dikikiskan dari teori atau praktikal, langsung tidak boleh dijayakan, apa lagi Dasar Ekonomi Baru. Kalau benar-benar serius mahu menjayakan Dasar Ekonomi Baru khususnya dalam konteks strategi perumahan sepertimana yang dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Ketiga, saya yakin satu dasar sekurang-kurangnya satu akta perlu diadakan.

Saya menyokong pihak back-benchers dari Barisan Nasional sama-sama sudah menyuarakan satu aspirasi daripada rakyat iaitu rumah kos rendah perlu diperbanyakkan tetapi satu akta perlu diadakan untuk mengawal, menyekat dan untuk membolehkan Kerajaan berjaya mengatasi masalah perumahan dalam tempoh yang ditetapkan, kalau tidak kita pada nama sahaja ada satu **Dasar Perumahan Negara tetapi hanya cara praktikalnya tidak boleh dijalankan.** Apa gunanya kita mempunyai satu dasar yang sedap didengar sahaja?

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya perlu sentuh muka halaman 122, Maksud P. 17, Butiran 12—Rancangan Perumahan Kampung Baru dan juga saya perlu sentuh bersama sebagai menutup ucapan saya ialah mengenai muka halaman 115, Program (1) (c) Kemajuan Perkampungan.

Tuan Pengerusi, saya tidak tahu apa sebab hanya \$10 diperuntukkan untuk Rancangan Perumahan Kampung Baru. Adakah ini bererti bahawa sebanyak 465 buah Kampung Baru yang ada di Malaysia dengan bilangan penduduknya melebihi 1.5 juta yang ada di Malaysia hari ini tidak perlukan rumah dan kampung baru. Apa sebabnya Kerajaan tidak boleh berasaskan pada satu kajian yang

sudah diadakan pada beberapa tahun yang lepas iaitu pada tahun 1972 kalau saya tidak silap, Tuan Pengerusi. Di sini satu kajian sudah diadakan bagaimana masalah yang dihadapi oleh Kampung-kampung Baru baik dari segi kesihatan, perumahan, pekerjaan, infrastruktur dan lain-lain. Tetapi dari segi perumahan apakah sebabnya hanya \$10 sahaja diperuntukkan. Saya tidak nampak apa lojiknya kecuali satu laporan telah dibentangkan oleh Menteri Perumahan dari MCA katanya dia sudah melihat seluruh 465 buah Kampung Baru yang ada di Malaysia maka dia dapati semua penduduk ada mempunyai rumah dan tak usahlah adakan rancangan perumahan baharu di Kampung-kampung Baru. Tetapi dari kajian DAP sudah menunjukkan penduduk-penduduk di Kampung Baru yang berjumlah 1.5 juta bilangan penduduk sangat memerlukan bantuan dari pihak Kerajaan untuk mengadakan rancangan perumahan di Kampung Baru bukan sahaja di bidang perumahan tetapi juga di bidang sosio-ekonomi seperti tanah, sistem longkang, jalan, balai raya, sekolah, klinik, pejabat pos dan lain-lainnya tetapi dalam Kemajuan Perkampungan ini langsung tidak ada disebutkan berapakah peruntukan yang telah diperuntukkan kepada Kampung Baru untuk membangunkan projek sosio-ekonominya.

Menurut kenyataan daripada Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan juga ada dinyatakan dalam Anggaran Belanjawan Prestasi dan Program muka 873 umpamanya: Tuan Pengerusi, izinkan saya quote tujuan Kerajaan ialah:

“(b) Memodenkan kehidupan dan persekitaran kampung-kampung terutama kampung-kampung baru.”

Dan juga di bawah muka halaman 874—Strategi Perbelanjaan (Program). Di sini sangat jelas menyatakan Kerajaan berazam mahu memodenkan kualiti kehidupan dan sosio-ekonomi di Kampung-kampung Baru tetapi dalam Belanjawan dan juga dalam kedua-dua buku ini kita tidak nampak ada satu peruntukan khas yang menyatakan bahawa Kerajaan telah mengeluarkan satu perbelanjaan untuk membangunkan Kampung Baru berapa jumlahnya langsung tidak ada, yang ada hanya Kemajuan Perkampungan. Adakah ini bererti Kerajaan sudah menerima satu laporan daripada Menteri Perumahan katanya peruntukan tidak perlu diperuntukkan khas untuk Kampung Baru.

Sebenarnya memorandam sudah banyak dihantar kepada Kementerian Perumahan dan juga Menteri Kampung Baru sudah ditukarkan dari seorang ke seorang dari MCA tetapi hari ini nasib mereka masih tidak diubah.

Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberitahu Dewan ini apakah sebab satu peruntukan tidak diwujudkan dalam Belanjawan ini baik di dalam Perbekalan atau Pembangunan menyatakan beberapa peruntukan diuntukkan kepada Kampung Baru dan juga apa sebab hanya \$10 diperuntukkan. Saya ingin sekali mengetahui apakah dasar dan tindakan telah diambil oleh Kementerian Perumahan untuk mempermodenkan seramai 465 Kampung Baru yang ada di Malaysia dengan bilangan penduduknya 1.5 juta orang.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kangar.

5.58 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Pengerusi, saya juga turut menyokong peruntukan yang telah diminta oleh Kementerian yang berkenaan iaitu B. 17 sampai kepada B. 23, muka surat 115, B. 17 berkenaan dengan Kemajuan Perkampungan.

Tuan Pengerusi, saya berpendapat Kerajaan kita di masa-masa yang lepas telah memajukan cara-cara perkampungan dan saya percaya banyak kampung-kampung baik-pun Kampung-kampung Baru walaupun pada masa sekarang boleh jadi disedikitkan peruntukannya kerana telah dicurahkan oleh Kerajaan beberapa tahun lepas dengan begitu banyak. Tetapi saya berpendapat banyak kemajuan yang telah dinikmati oleh kampung-kampung yang mana telah mendapat rancangan perkampungan oleh Kerajaan. Maka dengan sebab itu, saya berharap sangat-sangat Rancangan Perkampungan ini hendaklah dibesarkan kepada seluruh negara termasuklah kampung-kampung yang penduduk di dalamnya banyak daripada bumiputra. Jadi saya harap rancangan ini patut diubahsuai dengan keadaan macam mana saya katakan tadi.

Tuan Pengerusi, saya bercakap juga tentang segi perumahan berkenaan dengan program perumahan. Perumahan sebagaimana yang kita tahu adalah menjadi satu masalah walaupun di sini banyak yang telah dibangunkan oleh Kerajaan dan juga ditolong oleh pihak

swasta. Namun begitu, setahu saya misalnya di negeri saya Perlis kalaulah sekadar 300 atau setakat berapa yang perpatutan tetapi masih banyak lagi permohonan yang tidak dapat dilayan. Jadi, bolehlah kita dapat faham bahawa permohonan lebih banyak daripada rumah yang telah dibuat. Maka dengan sebab itulah, saya berharap sangat kepada Kerajaan untuk melipatgandakan perkara ini dan menghadkan betul-betul sebagaimana selalu kita cakapkan dalam Dewan ini. Kepada orang yang ada rumah tetapi dia ada modal untuk membeli rumah dan menyewakan rumah itu kepada pihak yang berkenaan tak usah diutamakan, kalau boleh sekatkan terus. Buatlah satu aturan yang ketat dimestikan orang yang ada rumah tidak patut diberikan rumah kerana masih ramai orang yang tidak ada rumah tidak dapat rumah. Ini betul-betul berlaku walaupun di mana sekali pun.

Kedua, saya suka juga bercakap dari segi perumahan. Ada setengah-setengah tempat yang tanahnya ialah tanah resab Melayu tetapi dibeli oleh orang bukan Melayu. Tempat yang begini patutlah dilarang terus kerana tanah resab Melayu patut diberi kepada orang yang berkenaan sahaja.

Tuan Pengerusi, saya juga dapat tahu ada setengah-setengah tanah di dalam bandar yang boleh dibuat perumahan tetapi tanah-tanah itu tidak diberi oleh pihak-pihak yang memilikinya. Jadi saya berpendapat kalaulah ada tempat-tempat yang berkenaan tuā tanah yang tidak mahu jual tanahnya atau tidak suka dibuat rancangan perumahan, walhal kalau kita hendak fikir masa ini adalah berpatutan sangat untuk mengadakan rancangan perumahan, kerana manusia bertambah banyak, patutlah dibuat satu undang-undang oleh Kerajaan bahawa kalaulah ada tanah dalam bandar walaupun tuannya tidak kehendaki ataupun menyimpan tanah yang berkenaan, menyorok tanah umpamanya. Hari ini kita ditangkap kalau ada orang menyorok gula dan sebagainya. Tetapi masih juga jadi problem kalau tidak cukup rumah. Ini pun satu problem kepada masyarakat kita hari ini. Kalau sorok gula, boleh ditangkap. Saya berpendapat bahawa menyorok tanah juga, patut diambil tindakan oleh Kerajaan. Jadikan tanah-tanah yang disorokkan itu satu rancangan perumahan yang masih dikehendaki oleh rakyat negeri ini.

Tuan Pengerusi, saya berpendapat perumahan ini hendaklah ada jangka panjang. Saya tidak tahulah Kuala Lumpur, saya ingat semacam. Kalau di Perlis setahu saya ditaruh dari segi keluasan. Penduduk di sana hari ini telah bertambah dekat 200,000 orang lebih. Sedangkan 4, 5 tahun atau 10 tahun dahulu amatlah sedikit. Ini menunjukkan dalam masa 25 tahun manusia ini akan bertambah sekali ganda sedangkan tanah tidak bertambah. Jadi kalau kita tak ada jangka panjang hendak buat rumah begitu lebar, dengan kawasannya sekali, saya berpendapat lebih baiklah dibuat rumah pangsa yang bertingkat-tingkat, kerana memandangkan keadaan sekarang ini. Ini menjadi masalah social problem yang kita hadapi pada masa hadapan. Tanah tidak bertambah sedangkan manusia bertambah. Kalaulah satu tempat yang kita buat rumah itu setingkat ataupun kawasannya terlampau luas, ini menjadikan satu problem kepada anak cucu kita yang akan datang. Jadi biarlah kita buat walaupun ianya boleh indah tetapi kenalah juga kita fikirkan di satu masa yang anak cucu kita berkehendakkan tanah-tanah tersebut. Ini saya berharap rancangan perumahan ini dapat memikirkan jangka panjang.

Tuan Pengerusi, saya juga mengucapkan terima kasih dari segi penyelarasan dan pelaksanaan perumahan terutama dari segi pinjaman perumahan dan sebagainya. Saya juga faham bahawa ramai orang tidak boleh membeli rumah kerana tidak ada modal. Hari ini di tiap-tiap negeri ada Perbadanan Kemajuan Negeri dan saya berpendapat sebelum pihak-pihak yang ada wang hendak membeli rumah itu dengan syarat-syarat yang dikenakan sebagai wang pendahuluan dan sebagainya, saya berpendapat patut Perbadanan Kemajuan Negeri ataupun kalau dalam bandar UDA mengambil tempat itu dahulu, kemudian dijual kepada orang-orang yang tidak berkemampuan khasnya kepada bumiputra yang tidak dapat membeli rumah yang berkenaan sedangkan rumah itu patut diadakan.

Kita berasa sedih yang mereka terpaksa menyewa hingga berlarutan. Kena sewa rumah sebulan \$200 sampai tidak ada kesudahan, kadang-kadang dinaikkan oleh tuan rumah yang berkenaan. Jadi hendak beli kena bayar pendahuluan, sekali gus tidak dapat. Saya berpendapat dan saya mencadangkan supaya Perbadanan Kemajuan

Negeri masing-masing membeli dahulu rumah yang dibuat oleh Kerajaan atau swasta atau mana-mana pihak, kemudian diagih atau diberikan kepada permohonan yang masih bertimbun-timbun di mana-mana tempat yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, dari segi pinjaman, saya juga mengesyorkan dalam ucapan dasar saya bahawa ianya patutlah ditambah, jawab Menteri yang berkenaan akan ditambah boleh jadi sampai \$15,000. Setahu saya \$7,500 akan ditambah. Saya berharap ianya akan ditambah sampai \$15,000 tetapi setahu saya pinjaman ini ialah kepada tanah yang bergeran iaitu tempat yang akan didirikan rumah yang berkenaan. Kalaulah tanah tersebut tidak bergeran, bererti pinjaman tidak dapat diluluskan. Jadi saya tahu masalah Kerajaan, kalaulah dibenarkan tanah itu tidak bergeran khususnya tanah TOL—lesen sementara, ini merumitkan kepada Kerajaan kerana hendak ambil balik dan sebagainya. Tetapi merumitkan juga kepada tempat yang hendak didirikan rumah disebabkan geran ini. Ini saya tidak mahu salahkan orang kampung ataupun rakyat semata-mata. Ini hak Kerajaan Negeri dan ianya bersangkutan dengan soal pinjaman tadi. Ada setengah permohonan yang dibuat sampai 10 tahun tidak dapat diedarkan geran, sedangkan tanah itu tidak diambil oleh Kerajaan. Kalau hendak ambil, tentulah pihak yang berkenaan tidak boleh dirikan rumah.

Tuan Pengerusi: Soal tanah ini soal negeri Yang Berhormat, dan ianya tidak payah dibawa di sini.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Pengerusi, maksud saya, saya hendak kaitkan tanah yang bergeran ini.

Tuan Pengerusi: Maksud Yang Berhormat itu saya tahu tetapi tempat bercakap ini salah.

Tuan Shaari bin Jusoh: Jadi saya hendak sangkutkan tanah bergeran ini atas kelengkapan pinjaman. Dan saya bercakap kalau boleh syarat ini dilonggarkan, biarlah kalau tempat itu di tepi bandar, misalnya kita hendak dirikan rumah, tentu kita hendak tengok ianya di tepi rumah orang yang berjiran, kadang-kadang rumah yang berhampiran itu tidak bergeran, sedangkan tanah yang bergeran ialah tanah kebun,

tanah hutan dan sebagainya, tetapi hendak buat rumah tentulah tidak begitu bersesuaian. Jadi saya berpendapat boleh ditukar alihkan walaupun tempat yang hendak didirikan itu tidak bergeran tetapi ada tanah lain yang bergeran. Misalnya tidak bersesuaian hendak dibuat rumah dan dijadikan ia sebagai cagaran. Jadi kalau boleh dilonggarkan syarat yang saya minta tadi, kerana banyak yang hendak minta rumah tetapi tidak mencukupi syarat. Ini saya berharap kepada pihak Kementerian yang berkenaan memikirkannya.

Tuan Pengerusi, sekarang saya beredar kepada B. 18 iaitu berkenaan dengan perancangan kawasan bandar.

Saya berpendapat ada di antara bandar-bandar yang didapati tidak begitu bersih. Ini barangkali kerana wang tidak cukup. Jadi saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan supaya menambahkan lagi peruntukan kepada tempat-tempat yang negerinya kurang kewangan walau negeri mana sekalipun.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, setahu saya bandar ini menjadi Kepala Negeri dan satu-satu negeri itu boleh jadi keluasan yang ada dalam bandar itu 10% daripada keluasan yang bakinya ialah penduduk luar bandar. Jadi saya berpendapat kebersihan, peraturan masyarakat, ini syarat-syarat menjadikan hidup rukun manusia dengan aman damai dan dengan sebab itu kalau kepada bandar kita menitikberatkan dari segi pergaulan, cara kebersihan maka pendapat saya luar bandar dan desa ini patut dititikberatkan dengan mengadakan Jawatankuasa Mukim, misalnya untuk satu-satu luar bandar itu dipengerusikan oleh Penghulu Mukim. Dan bagi pihak-pihak Ketua Kampung atau Ketua-ketua Kawasan yang berkenaan atau dipilih dari orang kampung dan diberilah elaun mesyuarat dan sebagainya untuk mengatur kampung mereka dari segi kebersihan, keselamatan selain daripada apa yang diadakan oleh Kerajaan.

Ini saya ingat amat perlu, Tuan Pengerusi, dengan sebab itu baharulah bersesuaian dengan kita dengan perancangan bandar dan perancangan luar bandar.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada B. 19. Walaupun banyak dicakapkan oleh kawan-kawan saya berkenaan dengan bomba.

Tuan Pengerusi, kebakaran ini tidak payah kita elak terus kerana kita dapat tahu di negeri lain juga ada terbakar api ini bila dia kecil, kata orang jadi kawan, bila besar, jadi lawan. Cuma yang kita boleh ikhtiar, ialah mencegahnya daripada kebakaran dan kalau boleh janganlah berlaku kebakaran ini selalu. Pada pendapat saya untuk mengelakkan kebakaran itu, selain dari apa yang disyorkan oleh kawan-kawan saya tadi, saya berpendapat diadakan alat-alat pencegah kebakaran di tiap-tiap tempat sampai kepada kilang-kilang kecil, kalau ada kilang, adalah alat pemadam api. Tetapi yang anihnya hari ini, Tuan Pengerusi, cuma disyaratkan oleh pihak Pejabat Bandaran supaya diadakan pemadam api itu. Cara menggunakan wallahu'alam. Jadi saya fikir kalau terbakar pun harus benda itu dibawa lari keluar, tidak tahu hendak buat apa, takut benda itu jangan terbakar sama.

Apa yang saya kata ini biasa berlaku. Dengan sebab itu, Tuan Pengerusi, saya mengesyorkan alat-alat yang berkenaan hendaklah diadakan, ini perlu, macam mana Bandaran buat hendak dapat satu lesen kilang misalnya kena ada lesen penimbang betul-betul, alat pemadam api betul-betul, tetapi yang saya dukacita macam saya kata tadi hamba Allah yang jaga dalam kilang itu sendiri dia tak tahu hendak gunakan benda yang ada di tepi dia. Saya tak mahu kata bangunan yang besar-besar, boleh jadi perkara ini boleh berlaku. Dengan sebab itu, saya mengesyorkan alat itu mesti ada, lengkap dengan alat yang istimewa, cari cara yang paling moden kalau boleh dan tugaskan beberapa orang yang tertentu kalau berlaku satu-satu kebakaran, ini cara menggunakannya, jangan dia sendiri pun tak tahu hendak gunakan. Itu satu.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, sebolehnya adakan kursus cara sivik. Orang yang bekerja termasuklah kita kalau boleh sekali sekala kita adakan satu kursus mencegah kebakaran. Setakat kita tahu dalam kampung, di padang misalnya, di rumah-rumah orang di masa yang lepas terbakar api dapur, api pelita, minyak tanah tumpah dan sebagainya, cara moden ini saya dapat tahu kebanyakan kebakaran bukan berlaku disabitkan minyak tanah ataupun sebab api pelita dan sebagainya, tetapi wayar elektriknya, kadang-kadang kita tak tahu. Patut sangat terutama orang yang juga itu khasnya,

kita yang ada berhampiran di tempat berkenaan tahu sedikit sebanyak kalau alamat hendak berlaku wayar itu hendak terbakar apa puncanya timbul tentang mana. Kita di sinipun tahu macam bom bila hendak meletup bom ini jarang ada, tetapi elektrik ini ada di bangunan, patut sangat tiap-tiap orang ambil tahu, terutama pegawai khas kena ada. Ini caranya agak saya bolehlah lega sedikit, kalau hendak terbakar juga itu wallahualam tetapi dapat kita tahu, dapat kita lari dan sebagainya. Ini kadang-kadang kebakaran berlaku kita lalu di situ syok menengoknya.

Yang ketiga, macam mana dicadangkan oleh kawan-kawan saya tadi saya bersetujulah pintu kecemasan patut diadakan. Saya dapati satu-satu bangunan dia tulis "pintu kecemasan di dalam", tetapi saya ingat kalau terbakar macam bangunan lama Bank Bumi-putra kita cemas macam mana sudah terbakar di dalamnya. Ada tangga kecemasan katanya tetapi kecemasan apa kalau sudah terbakar dekat situ api naik hendak lari ke mana. Jadi saya berpendapat adakan banyak kecemasan waema cara tangga, cara tali, kalau kita kata boleh buat tali, adakan di beberapa tempat dan tingkat, adakan satu tali panjang, bila datang kecemasan bergantung di tali, kita ini takut kepada mati. Saya fikir walaupun saya takut hendak bergantung di tali, saya percaya Tuan Pengerusi sendiri pun kena buat cara itu, bergantunglah apa hendak jadi sekalipun. Biarlah ada 3-4 tempat, jangan semata-mata tangga. Saya tahu ada tangga kecemasan tetapi kalau berlaku kebakaran hendak lari bila kita sudah cemas, lari pergi ke tempat tangga, ini bukan tangga kecemasan tetapi tangga mencari maut, jadi tak kena, biarlah ada tempat yang bersesuaian. Agak saya adakan di banyak tempat, biar bangunan ada, hendak lari daripada kena kebakaran ini tidak boleh kita hendak elakkan.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, saya dapat tahu, kalau semua ini bohong—wallahualam, biasa berlaku orang-orang yang dapat mala petaka kerana hendak menyelamatkan bangunan, menyelamatkan nyawa orang lain, kalau sungguh amatlah sedih, kalau tak sungguh syukurilah kepada Tuhan. Ada yang mengatakan pihak Pegawai Bomba yang hendak menyelamatkan walaupun mereka sendiri menjadi mangsa, ada setengah mati dan ada setengah tak mati, tetapi kalau menjadi mangsa yang amat dahsyat, kebakaran yang pelik ditengok, sakit dan sebagainya,

tetapi tak mendapat imbohan apa-apapun daripada pihak yang berkenaan. Ini tak patut, Tuan Pengerusi. Kalaulah betul, tolonglah adakan imbohan yang istimewa kerana ini menjaga kebanyakan hidup dengan mati.

Kita mengucap syukur kepada Tuhan dan terima kasih kepada orang yang berkenaan kerana dia hendak menyelamatkan orang lain walaupun makan gaji yang terhad, kita pun makan gaji juga, tetapi dia sanggup kadang-kadang dekat hendak kena maut macam Timbalan Pengarah nyaris-nyaris dia pun maut. Jadi kita ucapkan tahniah dan saya harap imbohan yang sewajarnya kenalah dititikberatkan kepada pihak yang berkenaan dan latihan yang secukupnya hendaklah diberikan dengan alat-alat yang cukup. Kalau tidak ada api langsung pun tak boleh hidup, tak ada api hendak makan nasi pun tak boleh, cerah pun hendak, tetapi hendak jaga supaya benda yang berfaedah itu jangan beri bahaya kepada setakat yang boleh beberapa perkara yang disyorkan oleh kawan-kawan saya dan saya pun syorkan juga adakanlah beberapa perkara yang saya katakan tadi. Kalau boleh kita sanggup buat bangunan yang tinggi, sanggupkanlah cari ikhtiar-ikhtiar macam mana alat-alat yang cukup. Kebakaran yang saya kata tadi saya biasa dengar kebakaran di Pulau Pinang, alat yang hendak padam api itu tenggelam, cari tak jumpa—alat pemadam api yang berwarna merah itu. Alat pemadam api yang memberi isyarat itu hilang terus, dengan dia itu terbakar sama, tetapi alat itu hendak tolong jadi alat pemadam diapun terbakar sama. Ini tolonglah Timbalan Menteri yang saya tahu Timbalan Menteri itu ambil berat apa yang saya cakapkan tadi untuk kebaikan kita bersama.

Tuan Pengerusi, beralih saya kepada B. 22 berkenaan dengan percetakan. Kita berasa dukacita kadang-kadang bahan percetakan yang telah digunakan oleh negara kita begitu kekurangan. Walaupun manusia ini banyak ingatan tetapi tentulah kalau semua perkara tak dapat hendak diingat melainkan tentu ada buku, baik dari segi undang-undang, baik dari segi kitab cara ugama untuk menjadikan rujukan kepada pihak yang berkenaan. Tetapi saya dapat tahu daripada

setengah-setengah pihak yang boleh dipercayai, mereka amat dukacita iaitu ada satu-satu kertas perintah yang dikeluarkan oleh Kerajaan yang diputuskan dalam Parlimen dan sebagainya, Perintah Am misalnya, tetapi bila hendak dibeli kertas-kertas perintah yang berkenaan didapati tak ada dalam Pejabat Percetakan, kadang-kadang satu pejabat cuma ada dua salinan, kalau hendak dibeli pula terpaksa ditaip, ditambah ataupun difotostatkan. Jadi tak bersesuaian sangat dengan hak yang asal, hurufnya pun tak begitu terang sebagaimana yang dicetak. Dengan sebab itu macam mana saya kata tadi kertas-kertas perintah ini banyak, undang-undang banyak, tentulah kita tidak pakai dengan mulut sedangkan kita bercakap hari inipun semuanya dicatit walaupun kita kata pelik sedikitpun dicatit oleh pihak pencetak. Ini tak apalah kita bercakap, barangkali ada yang terpakai 50%, 20% dan sebagainya yang sesuai tetapi yang telah diputus, yang telah dimaktubkan itu tentulah akan dijalankan oleh pihak-pihak pejabat yang berkenaan mengikut arahan-arahan yang telah dikeluarkan oleh pihak-pihak yang tertentu. Kalaulah arahan-arahan itu kehilangan, tak ingat dan sebagainya tentulah hendak rujuk kepada Perintah-perintah Am sekian nombor, tetapi apahal kalau segala-galanya tak cukup, percetakan tak cukup. Jada saya harap sangat, Tuan Pengerusi, daripada pihak yang berkenaan supaya Pejabat Percetakan kita ini banyakkkan percetakan-percetakan, apatah lagi yang bersangkutan dengan tiap-tiap pemerintahan negara kita, baik cara yang paling besar dalam pejabat, begitu juga dalam segala segi lain. Dengan sebab itu, saya percaya orang kita ini buat kesalahan barangkali dengan kerana dia sahaja jahat dan boleh jadi juga kadang-kadang dia buat kesalahan dengan kerana dia tak ingat undang-undang yang benda itu salah. Jadi biarlah benda itu ada dalam tiap-tiap Pejabat Percetakan. Dengan itu, saya yakin ini salah satu membawa kepada cara kita menjalankan pentadbiran dengan lebih teratur dan lebih baik lagi.

Tuan Pengerusi, oleh sebab saya takut disuruh duduk dahulu, ada yang saya tertinggal, saya berpendapat sekali lagi saya sokong peruntukan yang diminta oleh

Kementerian yang berkenaan, Saya berharap sangat apa yang saya syorkan tadi untuk kebaikan kepada segi perumahan, segi luar bandar dan sebagainya, khasnya di segi mencegah kebakaran yang diambil perhatian sungguh-sungguh serius oleh Kementerian yang berkenaan, khasnya apatah lagi oleh Timbalan Menteri yang bertentangan dengan saya yang dengar dengan penuh ingatan itu, saya percaya di masa yang akan datang walaupun ada kebakaran haruslah dengan syor oleh banyak kawan-kawan itu kita berdoa dengan langkah yang akan diambil, kebakaran itu akan hilang sedikit, kurang sedikit kebakaran, hilang sedikit kerugian kepada harta-benda manusia, kadang-kadang yang sedihnya nyawa pun terkorban. Kepada Timbalan Menteri yang berkenaan saya berharaplah moga-moga perkara ini tak berlaku lagi.

Dengan ini, Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan yang diminta.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Sungai Petani.

6.20 ptg.

Wan Zainab binti M. A. Bakar (Sungai Petani): Tuan Pengerusi, saya hendak menyokong di atas Maksud Bekalan yang dicakapkan pada hari ini iaitu berkenaan dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, tetapi saya akan menyentuh Maksud P. 19 berkenaan dengan Perkhidmatan Bomba dan bukanlah keseluruhannya tetapi menyentuh kepada muka surat 131, Butiran (Projek)—Kereta-kereta Bomba dan kelengkapan.

Saya nampak pada masa terjadinya kebakaran baru-baru ini banyak kereta Bomba daripada segenap pelusuk dibawa ke tempat itu. Mungkin juga perkhidmatan kereta-kereta bomba di daerah-daerah tidak cukup tambahan pula kita sekarang ini membuat rumah bukanlah seperti rumah-rumah teres ataupun rumah-rumah dua tingkat, tetapi rumah-rumah itu berupa rumah flat, bangunannya berpuluh-puluh tingkat.

Tadi semasa soal jawab saya meminta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen supaya membekalkan tali, itu saya menyokong sahabat saya dari Kangar tetapi bukan maksud saya tali yang diberi itu satu utas tali yang besar macam Tarzan—bukan, bukan tali berupa itu yang kita tengok dalam TV, orang tua tarik tali dalam iklan Hacks—bukan, saya berkehendakkan berupa tangga. Dua tali jadi anak tangga itu pun tali jugalah tali yang besar-besar sedikit.

Kata setengah orang macam mana kita hendak guna bila kebakaran. Bila kebakaran Tuan Pengerusi, jangan kata tali, apa sahaja pun hendak menyelamatkan nyawa, wanita tidak pandai macam Tarzan pun dia pandai juga sebab kita tengok di Mekah baru-baru ini terjadi kejadian yang mana kebakaran berlaku di flat ada wanita daripada Indonesia yang mati, yang lain itu terus melompat, patah kaki dan mati juga. Tetapi jika adanya tali-tali yang berupa tangga—saya suka bercakap kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, beliau sedang melihat kepada saya, jadi tali yang berupa tangga itu saya ingat boleh juga menyelamatkan, sedangkan helikopter yang turun rendah pandai pula orang kita itu naik dengan tali, jadi saya ingat bila tercetusnya kebakaran tali sangatlah berguna. Jadi kelengkapan tadi saya maksudkan kepada tali yang besar-besar, sungguhpun kebakaran itu di satu tempat kita balingkan ke tempat yang lain mungkin boleh menyelamatkan beberapa banyak lagi nyawa-nyawa manusia.

Selain daripada itu, saya juga menyokong sahabat saya dari Kangar berkenaan dengan elaun kepada kakitangan bomba. Saya lihat kakitangan bomba ini dilatih dengan begitu rupa hingga mereka tidak hirau kepada nyawa-nyawa mereka sendiri, kebanyakan mereka ini ingat kepada hendak menyelamatkan nyawa orang-orang sahaja. Saya ingat patutlah Kerajaan menimbangkan berkenaan elaun-elaun mereka ini ditambah setakat mana yang patut.

Saya suka juga menyentuh muka surat 122, Butiran 2—Bantuan Khas kepada Penguasa-penguasa Tempatan. Pada masa dahulu kita

ada Majlis-majlis Tempatan sekarang ini di-besarkan menjadi Majlis Daerah Kerajaan Tempatan yang mana Majlis-majlis Daerah ini terpaksa melihat banyak perubahan-perubahan di dalam Majlis Daerah yang mereka kawal itu dan juga berkenaan jalan-jalan yang mana di bawah tanggungjawab Majlis Daerah Kerajaan Tempatan. Oleh kerana peruntukan agihan ini saya minta kepada Kerajaan supaya memberi peruntukan yang lebih dan diagihkan peruntukan ini dengan secara adil dan saksama supaya Majlis-majlis ini dapat peruntukan yang lebih besar kerana kita tahu banyak perumahan-perumahan yang tumbuh di dalam daerah-daerah ini. Jadi, di dalam kawasan perumahan tadi tidak dibekalkan dengan lampu-lampu jalan di lorong-lorong belakang dan juga di lorong-lorong depannya. Apabila malam banyak kecurian dan ada juga anasir-anasir atau pencuri, samun, rompak, tarik rantai daripada gadis-gadis ataupun sesiapa yang pergi melihat wayang gambar dan balik waktu malam oleh sebab gelap. Jadi, dengan adanya lebih peruntukan mungkin dapat Majlis-majlis Daerah ini membekalkan dengan lampu-lampu yang cukup. Perkara ini berbangkit apabila kita adakan majlis dailog, orang ramai semuanya bertanya, apa sebab lampu-lampu jalan tidak cukup? Lampu-lampu di tempat-tempat perumahan itu tidak dapat dibanyakkan? Selalu daripada jawapan yang kita dapat, peruntukan tidak begitu cukup. Saya ingat masanya sudah sampai kerana kita pun sudah 23 tahun merdeka, bekalan lampu bukan setakat di luar bandar, dalam bandar pun tidak cukup lagi. Jadi banyakkah peruntukan kepada Majlis-majlis Daerah Tempatan.

Selain daripada itu juga kepada jalan-jalan yang di bawah tanggungjawab Majlis Daerah Kerajaan Tempatan. Kadang-kadang bila jalan-jalan ini kita tanya dia kata jalan luar bandar. Peruntukan ini peruntukan kecil Pegawai Daerah. Ini jalan JKR, ini jalan Majlis Daerah Kerajaan Tempatan. Jadi banyakkah jalan-jalan ini masih, kalau tidak diberi tar pun, kalau jalan itu cantik atau

boleh dilalui dengan senang, alhamdulillah, tetapi sudahlah tidak ditar, jalan tanah merah itupun berlubang-lubang. Yang jalan-jalan tar kadang-kadang pemaju perumahan ini buat rumah ditinggalkan lubang-lubang penuh di-situ. Jadi sepatutnya pihak Kerajaan Tempatan ini mestilah lebih dahulu menarik balik ataupun apa yang diletakkan syarat kepada pemaju-pemaju perumahan, selepas rumah di-buat tinggal jalan berlubang-lubang tidak dibaiki. Saya rasa patutlah perkara ini mendapat perhatian yang lebih baik lagi.

Selain daripada itu berkenaan pasar baru di Sungai Petani. Pasar itu baru dibuka lebih kurang dua minggu, peniaga-peniaga pun telah masuk berniaga di dalam pasar tersebut dan kita nampak pengagihan yang diberi pun begitu baik tetapi di kawasan letak kereta. Ini saya ingat oleh kerana peruntukannya juga tidak mencukupi. Mungkin akan saya pohon daripada Kerajaan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, banyakkah sedikit peruntukan kepada Majlis Daerah Kerajaan Tempatan ini supaya benda-benda yang dibuat, yang sudah disudahkan ini dapat dibaiki dengan lebih baik lagi.

Saya ingat tidak banyakkah saya hendak bercakap berkenaan dengan hal ini iaitu berkenaan dengan jalan dan lampu.

Begitu juga jambatan-jambatan. Kadang-kadang jambatan yang kecil itu patah tidak dapat dibaiki juga. Saya haraplah perkara-perkara ini sungguhpun kita kata kecil tetapi perkara ini sangat besar di segi orang ramai.

Dalam muka surat 123, Butiran (Projek) 31 - Kemajuan Perkampungan. Kita tahu juga apabila Majlis Daerah Kerajaan Tempatan mempunyai kuasa yang lebih, yang mempunyai kawasan yang besar termasuklah perkampungan iaitu kampung-kampung. Jadi hasil dikutip daripada rumah-rumah kampung tadi tetapi sampah sarap tidak dipungut, kadang-kadang penduduk-penduduk di situ bersungut macam mana hendak bayar hasil,

kutip sampah sarap pun tidak ada. Saya rasa di bandar-bandar besar eloklah dengan lori-lori besar yang boleh dibuka di belakangnya tetapi di kampung-kampung ini cubalah kita beri lori-lori yang kecil ataupun berupa kereta roda tiga supaya janganlah sungutan daripada pihak rakyat kepada pihak Kerajaan. Saya ingat satu perkara yang besar ialah boleh kita salahkan kepada peruntukan mungkin tidak mencukupi. Jadi saya pohon sekali lagi supaya perkara-perkara tadi kalau mungkin dengan bantuan grant untuk Majlis Daerah ini tidak diberi dengan begitu baik, harap ditambahkan lagi dan saya harap penambahan ini dibuat pada tahun ini.

Sekian, berbanyak-banyak terima kasih kepada Tuan Pengerusi dan saya menyokong berkenaan dengan peruntukan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Jerai.

6.29 ptg.

Tuan Ismail bin Arshad (Jerai): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh sedikit di dalam Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini iaitu di bawah Maksud B.47, Butiran 1100, Program (3).....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat boleh menyambung lagi bila Majlis bersidang semula pada hari Isnin.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang, hari Isnin, 17hb November 1980.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.